

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGKAL PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 12 Disember 2013 (Khamis)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
11.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
12.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
15.	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
20.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
21.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
25.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
32.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
33.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
34.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
35.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
36.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR - DENGAN MAAF

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
2.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
3.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
4.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Membaca "DOA".

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan sekarang masih berada dalam sesi Penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014. Saya persilakan Ahli YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam Sesi Penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memberikan perhatian, cadangan dan teguran berkaitan dengan isu-isu di bawah portfolio saya iaitu Pembangunan Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Machang Bubuk, Air Itam, Bagan Dalam, Permatang Pasir, Sungai Pinang, Berapit, Penanti dan lain-lain lagi yang memberi yang membangkitkan isu-isu di bawah portfolio saya.

YB. Dato' Yang di-Pertua, menuju kepada isu yang dibangkitkan YB. Machang Bubuk, pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas atas perhatian Yang Berhormat mengenai kedudukan wanita yang masih rendah. Kebanyakannya terlibat dalam operator wanita kilang tanpa latihan teknikal yang tidak mencukupi. Wanita terpaksa berhenti selepas berkahwin dan beranak dan mempunyai risiko tinggi ketika kerja dan masa bekerja yang panjang. Pemantauan YB. Machang Bubuk ini memang tepat. Kaum wanita menghadapi masalah ...(dengan izin) *Sticky Floor* dan *Glass Ceiling* di tempat kerja. *Sticky Floor* maksudnya kerja-kerja yang dipegang oleh kaum wanita sebahagian besar masih berpendapatan rendah dan di peringkat rendah. Sejumlah 58.5% tenaga kerja wanita adalah tergolong dalam kumpulan *Sticky Floor*. Ini mengakibatkan jurang pendapatan besar antara lelaki dan wanita. *Glass Ceiling* maksudnya jawatan-jawatan tinggi yang masih belum dipegang oleh kaum wanita. Bukan disebabkan peraturan atau undang-undang, tetapi lebih kepada faktor budaya. Bagi mengatasi *Sticky Floor*, kita perlu meningkatkan kemahiran wanita. Ini akan mentransformasikan ekonomi kita kepada nilai tinggi dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berasaskan kemahiran tinggi.

Bagi mengatasi masalah *Glass Ceiling* meningkatkan jumlah wanita di peringkat pembuatan. Keputusan Kerajaan Pusat telah lama mengatakan hasrat untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuatan keputusan. Terdapat pencapaian di peringkat pengurusan pertengahan ...(dengan izin) *Middle Management Level*, tetapi tidak di peringkat atasan. Baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Sebelum PRU 2013, Kerajaan Pusat mengumumkan satu program untuk meningkatkan jumlah wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Setakat ini hanya 7% wanita yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di syarikat-syarikat dan perbadanan. Di seluruh Malaysia, ada lebih daripada, lebih kurang 140 Yang Dipertua Majlis Perbandaran tetapi mengikut perangkaan 2011, hanya tujuh (7) wanita sahaja dan dua (2) daripadanya dari Pulau Pinang. Ada beberapa orang Pegawai Daerah wanita di seluruh Malaysia. Di Pulau Pinang, dua (2) daripada lima (5) Pegawai Daerah adalah wanita iaitu merupakan 40%. Ini menunjukkan Kerajaan Pulau Pinang yang diterajui oleh Pakatan Rakyat telah meletakkan lebih ramai wanita sebagai pemimpin dalam tempoh enam (6) tahun berbanding 56 tahun Barisan Nasional memerintah. Kerajaan Negeri juga mengiktiraf nilai ekonomi kerja rumah dengan memberi RM100.00 kepada suri rumah sepenuh masa. Ini akan dilaksanakan tahun depan. Pengiktirafan ini menghargai sumbangan suri rumah sepenuh masa. Kerajaan juga berharap mereka yang memilih menjadi suri rumah akan terus menyumbang kepada pembangunan keluarga dengan mendidik anak-anak mereka dengan nilai yang baik dan menyokong suami agar berjaya dalam kerjaya. Ini merupakan perkara yang tidak pernah difikirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama 56 tahun memerintah. Kerajaan Barisan Nasional hanya mahu undi daripada wanita. Tetapi tidak menunjukkan penghargaan kepada wanita-wanita ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Padang Lalang. Cukup menarik apa yang Padang Lalang sebut tadi. Saya rasa ramai daripada kita YB. Padang Lalang pun mungkin berada dalam Dewan ini kerana kita sebagai mewakili kaum wanita. Jadi, adalah tak betul menyatakan bahawa Kerajaan Pusat selama ini tidak memberi perhatian, tak mengambil berat tentang wanita Malaysia. Ramai ini, lebih daripada 10 juta. Jadi di sini, penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu adalah satu manifestasi, apa ini keprihatinan Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Malaysia terhadap wanita selain daripada bukan sahaja sekadar mengisikan jawatan-jawatan, meluluskan agenda pembangunan wanita yang mensasarkan 30% penglibatan wanita di tempat-tempat membuat keputusan. Jadi saya rasa biarlah kita lihat secara holistik pembangunan wanita di Malaysia ini terutama sekali dari segi pendidikan, kemudahan dan latihan serta pembangunan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Apa yang dikatakan memang juga ada, tapi yang di sini kita kata tumpukan kepada suri rumah sepenuh masa. Tak ada, apakah ada polisi yang ada untuk mereka selama ini. Saya rasa tak ada. Saya pun semaklah. Saya di Parlimen, saya pun semak, semua polisi, dasar-dasar Barisan Nasional, rasa tak ada. Apakah yang ada untuk suri rumah. Memang tak ada. Tapi saya rasa biarlah lambat jangan tak buat. Jadi sekiranya Barisan Nasional boleh mengikut jejak Pakatan Rakyat buat juga saya rasa tak lambat juga.

Ucapan Ketua Wanita UMNO di Persidangan Agung UMNO baru-baru ini adalah testimoni kepada petikan saya. UMNO mempunyai 1.3 juta ahli wanita yang berkempen untuk memastikan kemenangan UMNO tetapi hanya sebilangan kecil wanita UMNO mendapat tempat dalam Kabinet. Saya rasa Yang Berhormat boleh setuju dengan saya dalam perkara ini. UMNO tidak menunjukkan contoh baik dalam menghargai peranan wanita dalam politik. Kerajaan PR, Pakatan Rakyat sama sekali berbeza dengan mengiktiraf peranan penting wanita di ruang domestik dan awam. Jika Pakatan Rakyat mendapat mandat untuk memerintah Malaysia dari Putrajaya, kami akan memulakan Program Caruman Wanita Malaysia di mana setiap suri rumah sepenuh masa akan diberi RM600.00 setahun ke dalam satu akaun atas nama mereka.

Dalam sidang DUN semalam, seluruh Ahli Dewan mengatakan mereka menyayangi isteri masing-masing. Jadi saya sangat yakin para Yang Berhormat akan menyokong program ini dengan menggalakkan suami-suami untuk turut mencarum ke dalam akaun sebagai satu penghargaan kepada isteri mereka. Pada waktu sekarang, sebelum ini dijalankan pun boleh dilaksanakan iaitu caruman KWSP boleh dicarum untuk isteri-isteri yang bekerja di rumah. Pada masa sama saya juga amat prihatin terhadap wanita yang terpaksa berhenti selepas mendirikan rumah tangga dan melahirkan anak. Di mana beban kerja mereka semakin meningkat. Tanggungjawab di tempat kerja dan di rumah. Perangkaan yang ada menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita, *Female Labour Force* ...(dengan izin) Pulau Pinang pada kadar 57.5% melebihi kadar Nasional sebanyak 9.6 mata peratusan dan sememangnya telah melepasi sasaran Negara kita yang ditetapkan 55% untuk tahun 2015. Tetapi ia kekal 23.4% di bawah kadar untuk lelaki. Data juga menunjukkan bahawa satu jumlah tinggi tenaga buruh wanita keluar dari atau berhenti bekerja kerana tanggungjawab setelah berkahwin, melahirkan anak dan mengasuh anak.

Sebahagian besar wanita-wanita ini tidak kembali atau masuk semula untuk bekerja sepenuh masa. Salah satu tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani cabaran, mengekalkan tenaga kerja wanita adalah menggalakkan dan menyokong pengwujudan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak serta asuhan kanak-kanak yang menawarkan perkhidmatan dengan kos yang berpatutan, selamat dan berkualiti. Ini ada dalam Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang yang dilancarkan pada bulan Mac lalu. Kerajaan Negeri melalui PWDC sedang berusaha untuk mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha industri bagi memastikan usaha ini dapat dilaksanakan dan menjadi faedah yang ditawarkan kepada para pekerja mereka. Baik lelaki atau wanita. Ini kerana kerja-kerja domestik adalah tanggungjawab bersama. Saya percaya Kerajaan Negeri akan terus berusaha menyediakan sistem sokongan sosial seperti penjagaan kanak-kanak yang berpatutan, penjagaan warga tua dan penjagaan kanak-kanak kurang upaya untuk memastikan wanita terus menyumbang kepada proses pembangunan negeri. Penyediaan sistem sokongan itu juga selaras dengan pelan *inclusion*...(dengan izin) *social inclusion* dalam paradigma Pulau Pinang ataupun *Penang Paradigm* yang dilancarkan pada bulan Februari tahun ini.

YB. Bagan Dalam dan YB. Permatang Pasir juga ada mengatakan tentang pemberian elaun kepada Ahli Brigid Wanita. Terima kasih atas kepekaan terhadap tanggungjawab yang dimainkan oleh Brigid Wanita. Saya secara peribadi ingin

bersetuju dengan cadangan memberi elaun kepada Briged Wanita. Saya percaya ahli-ahli Briged Wanita akan berasa sangat gembira dengan saya sekiranya saya boleh katakan berikan elaun kepada mereka. Bagaimanapun keputusan memberi elaun tidak boleh dibuat semata-mata untuk mendapatkan populariti. Kerajaan Negeri perlu mengambil kira status kewangan negeri ini. Briged Wanita ditubuhkan sebagai satu badan sukarela dan tujuannya untuk menggalakkan semangat membina pemimpin wanita di peringkat masyarakat. Kerajaan telah menjalankan program induksi untuk mereka dan akan memberikan latihan kepimpinan untuk ketua pasukan serta ahli-ahli yang berpotensi. Mereka akan diberi sehelai vest untuk dipakai semasa bertugas. Kesimpulannya, sehingga kini Kerajaan Negeri belum ada rancangan dan anggaran untuk memberi elaun kepada ahli Briged Wanita. Bagaimanapun, jika ada keperluan pada masa hadapan, saya akan meminta EXCO untuk mempertimbangkannya. Sejak Briged Wanita dilancarkan pada 22 Jun yang lalu, seramai 1,708 orang telah didaftarkan dengan 935 orang ahli telah pun berjaya menamatkan kursus induksi. Terima kasih kepada lima (5) KADUN yang mempunyai keahlian tertinggi iaitu KADUN Permatang Pasir, KADUN Pulau Betong, KADUN Sungai Pinang, KADUN Bagan Dalam dan juga Padang Lalang.

Untuk makluman Yang Berhormat Air Itam, bagi tahun 2013, kita tidak ada peruntukan tetap untuk Briged Wanita kerana program ini dilancarkan di pertengahan tahun dan menggunakan anggaran yang sedia ada di PWDC. Setakat akhir November ini, kita telah membelanjakan hampir RM70,000 bagi melaksanakan program ini. Jumlah tersebut termasuklah perbelanjaan menganjurkan majlis pelancaran dan tujuh (7) kursus induksi serta pembayaran gaji seorang koordinator. Saya anggarkan untuk tahun 2014, program ini akan memerlukan anggaran sekurang-kurangnya RM150,000.

Saya alu-alukan sokongan Yang Berhormat Penanti dan Yang Berhormat Ayer Itam untuk pelaksanaan *Gender Responsive Budget* ataupun BRG di semua pejabat Kerajaan Negeri. *Gender Responsive Budget* adalah satu kaedah yang mengarahkan pada pelaksanaan Pengurus Perdana Gender dalam Bahasa Inggeris *Gender Main Streaming* yang boleh menghasilkan *Gender Equality* atau kesaksamaan gender di Negeri ini. Saya berharap sokongan yang sama dari semua ahli Dewan yang mulia ini untuk kita merealisasikan ekspresi dan tujuan ekspresi *gender equality* ini.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Okey, YB. Dato' Speaker, saya bersetuju GRB kena dijalankan di semua sektor di Jabatan Kerajaan Negeri dan adakah rancangan dari kita punya YB. Padang Lalang, membuat satu forum atau *workshop* atau *training* untuk semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ini untuk memahami lagi dalam mengenai dasar Bajet Responsif Gender. Ini adalah satu kursus yang bagus untuk semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengetahui apakah itu *Gender Responsive Budget* dan kita baru tahu macam mana melaksanakan kerja kita dengan *Gender Sensitive*. *Thank you*, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih, Yang Berhormat Berapit. Memang Yang Berhormat Berapit juga sangat prihatin dalam isu *Gender Responsive Budget* dan projek perintis ini pun telah dilaksanakan di bawah beliau semasa beliau menjawat jawatan EXCO Pembangunan

Wanita. Jadi saya ingin menjemput semua Ahli di sini untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa *Gender Responsive Budget* yang akan diadakan pada bulan Februari yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bersama dengan PWDC. Ini adalah saya rasa adalah satu peluang, dan sekiranya ahli-ahli di sini ingin juga mengadakan satu kursus yang khusus untuk Yang Berhormat, saya rasa PWDC juga boleh menguruskan. Jadi saya harap semua ahli akan memberi komitmen untuk menghadiri kerana saya rasa untuk masa yang akan datang, ini merupakan satu ilmu yang harus dipelajari oleh semua kerana kita semua mewakili wanita di dalam kawasan kita. Perspektif *gender* bukan saja penting dalam proses bajet yang sepertimana yang sedang dilaksanakan sebagai satu projek perintis *Budget Responsive Gender* selama tiga tahun di peringkat Kerajaan Tempatan iaitu di MPPP dan MPSP. *Perspective Gender* juga perlu dalam perancangan program dan projek serta aktiviti. *By* yang berbentuk fizikal, atau *soft* program seperti latihan, ceramah dan lain-lain. PWDC sedang dalam proses mencadangkan indikator mesra *gender* atau dalam Inggeris, *gender friendly indicator* dan akan memulakannya untuk sektor perancangan dan pembangunan projek perumahan dan komersial. Unsur-unsur Bajet Responsif Gender akan di masukkan ke dalam indikator tersebut. Dengan sokongan Ahli Dewan yang mulia ini kita boleh melaksanakannya, saya percaya jika kita ada senarai semak mesra alam sekitar atau ...(dengan izin), *environmental friendly check list*. Kenapa kita tidak ada senarai semak untuk mesra *gender* juga? Saya harap mendapat sokongan semua Ahli Dewan dalam perkara ini dan sekiranya perlu, latihan, kursus pun boleh diadakan. Saya... (gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, EXCO Padang Lalang. Saya tertarik dengan pandangan *gender friendly indicator* ini dan saya rasa juga sebagai sebuah Kerajaan yang menerajui dan juga membela nasib-nasib wanita di Pulau Pinang ini, dengan *gender friendly indicator* ini, adakah kerajaan sudah meneliti bahawa dari segi perancangan bandar dan juga meluluskan kesemua kebenaran merancang akan memasukkan yang *gender friendly indicator* termasuk kita nampak banyak tempat *shopping mall* atau pusat membeli belah, kebanyakan tempat letak kereta yang terletak yang agak gelap juga dan tiada juga *parking* khas untuk wanita. So, ini juga merupakan salah satu yang kerajaan boleh mempertimbangkan sama ada macam mana nak menetapkan syarat tersebut dalam meluluskan kebenaran merancang tersebut. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk. Memang selalunya memberi cadangan yang bernas, yang mesra wanita. Kami akan menimbang dalam kajian, dalam proses kajian dan memang Yang Berhormat Penanti yang sangat prihatin terhadap perkara ini dan beliau dalam usaha untuk memberikan satu *indicator*, a list of *indicator* dan kami mengalu-alukan pernyataan atau mana-mana Ahli Yang Berhormat di sini berminat ataupun ada cadangan yang baik, bolehlah sampai kepada kami. Saya rasa sungguh bertuah ada rakan seperti Yang Berhormat Ayer Itam dan Yang Berhormat Machang Bubuk yang faham tentang konsep *gender*. *Gender* adalah tentang wanita dan lelaki sebagai kumpulan sosial. Dia bukan. Ramai yang dia dengar *gender* dia terus bersamaan dengan wanita. *Gender* ialah lelaki dan wanita, *men and women, boys and girls. It's not just a women*. Ya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang Berhormat Padang Lalang, sebelum pergi tajuk lain saya ingin patah balik sedikit tentang *indicator* tadi. Penanda tunjuk lah. Saya nak minta Padang Lalang beri penjelasan *indicator* peraksanaan dasar yang dikatakan dipelopori Kerajaan Pakatan Rakyat ini dalam Dewan ini sendiri. Tempat tertinggi membuat keputusan adalah Ahli-ahli Mesyuarat MMK. Jadi kita boleh lihat dari segi *indicator* tu, setakat manakah penglibatan ataupun kehadiran EXCO-EXCO wanita misalnya, setahu saya sorang ja dari sepuluh ini bermakna baru 10%. Jadi ini juga *indicator* yang menandakan masih lagi merah, bukan kuning ya, ini bermakna belum sangat sampai ke tahap yang kita inginkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta penjelasan EXCO, saya berpandangan memang sekarang buat masa kini kita ada *parking* OKU, so, adakah Kerajaan Negeri *especially*, EXCO Wanita, Belia dan Sukan, adakah kita boleh mempertimbangkan kita *set pregnant lady* untuk tempat letak kereta mereka. Kita kadang-kadang kita tengok di kawasan *public*, mereka yang *pregnant*, mereka cari-cari ronda tempat letak kereta, mereka ronda mungkin tiga (3) *round* pun tak dapat cari tempat letak kereta. Kalau ada, mereka *park* jauh, tapi mereka perlu pergi beli barang, pergi kedai runcit, pergi *shopping mall*, ada pi mana-mana tempat, so, mereka kena jalan teruk, so *this is my* pandangan la, kita *set up* untuk *pregnant ladies* punya *parking*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima Kasih, cadangan yang baik, memang dasar ini telah dilaksanakan. Di beberapa tempat di dunia. Tapi belum di Pulau Pinang lagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Intel Pulau Pinang ada.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kat mana? Ya, kat Intel ada. Jadi saya rasa kalau pihak Kerajaan Pulau Pinang ingin juga bersama dengan arus yang masa kini ini, saya rasa saya pohon MPSP dan MPPP boleh pertimbang, di mana kita boleh adakan *parking lot* untuk *pregnant ladies first*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, *just to* bagi untuk demi memberi lebih banyak idea lagi, sebenarnya, di KL saya terlupa *shopping complex* mana, tapi mereka seluruh kawasan besar *parking* di mana bukan hanya perempuan hamil saja, tetapi semua perempuan boleh masuk dan lelaki tak boleh masuk. Ini bertambah baik lagi. Tapi salah satu kerisauan adalah walaupun kita ada *parking* OKU, tapi pemantauan serta kegunaan *parking* OKU itu masih bermasalah, pemantauan mesti ada. So, kalau nak buat *parking* untuk wanita yang hamil, kita perlu fikirkan dengan teliti bagaimana kita boleh

mengawalnya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini saranan yang baik dan saya akan ambil perhatian. Untuk Yang Berhormat Ayer Telok Tawar...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Telok Ayer Tawar memang betul ini adalah hakikat. *This is a political reality*, bahawa sama ada di dalam Barisan Nasional ataupun di mana-mana parti lagi masih kurangnya, itulah saya katakan kurangnya wanita di peringkat yang tinggi. Jadi, ini saya rasa sekiranya pihak sana boleh setuju, kita boleh cadangkan satu undang-undang untuk menetapkan bahawa semua parti, dalam strukturnya, dia mesti ada berapa peratus untuk wanita di peringkat umpamanya di *spring council*, di *National Council* dan juga kita boleh menetapkan undang-undang di dalam *election law*, di mana setiap parti dia mesti ada 25 atau 30% *candidate* wanita. Ataupun kita boleh tetapkan kawasan 30% kawasan yang hanya boleh ditanding oleh calon wanita. Inipun telah dilaksanakan di banyak negara di dunia. Negara-negara yang mereka sekarang ada melebihi 30% Ahli Parlimen dalam Parlimen mereka kebanyakannya mengguna pakai langkah-langkah seperti ini sama ada Indonesia. Indonesia baru-baru ini *election* yang lalu barulah mereka menerima pakai *proportional system* dan dia tetapkan dia mesti ada seorang lelaki, seorang perempuan. Jadi sekiranya parti itu mendapat 10 orang, dia seorang, sepuluh (10) kerusi, limanya adalah perempuan, jadi kita mestilah tidak mengikut sistem sekarang, sekiranya kita guna sistem sekarang sampai 50 tahun akan datang kita akan 10% sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Ahli Kawasan Padang Lalang. Saya nampak ucapan Yang Berhormat nak merealisasi sesuatu itu macam susah untuk mengangkat martabat wanita, di sana pun sama, di sini pun sama ikut data Yang Berhormat sehingga kata mungkin dengan sistem yang ada ni 50 tahun lagi seolah-olah kita perlu bergandingan untuk merealisasikan perkara ini. Setujukah dengan saya, untuk memudahkan ini, kita buat kerajaan campuran dan merealisasikan isu ini. Adakah itu nak di bawa supaya kita berbincang, sebab saya nampak balik sana kena, buat balik sini kena buat.... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tapi cadangan itu tidak memberi jawapan kepada masalah yang kita hadapi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Untuk memudahkan, saya tak faham.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memudahkan pun, campur dua (2) pun sama juga....(gangguan), wanita 10% sahaja tak payah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tambah sikit.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tak payah ada Kerajaan bersama, tapi saya harap pihak sana, kerana pihak sana adalah Kerajaan Pusat boleh mengubah undang-undang pilihan raya supaya menetapkan....(gangguan) 30%.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Di sana pun boleh juga, boleh *combine*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Setiap parti mesti menghantar 30% calon wanita, dengan itu dia akan meningkatkan wanita di dalam Parlimen di dalam DUN dan juga di dalam kabinet, itulah caranya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, saya ada cadangan untuk menambah baik lagi *gender equality* iaitu kita pusing sikit, kalau bukan 30% kena perempuan, tapi hanya 70%, setiap *gender* boleh tidak lebih 70% so kita mungkin boleh ada 70% wanita tapi setiap *gender*, hanya boleh mempunyai 70%. cara kita merealisasikan *it's more equals this way*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih, itu memandangkan perspektif yang lain tapi itu memang boleh dipakai, saya rasa ini lebih baik dari cakup 30% untuk wanita hanya, 70% untuk wanita, sekarang kita cakup hanya 70% untuk lelaki...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Mana-mana *gender*, tidak berat sebelah mana satu *gender* maksudnya perempuan di suatu hari nanti akan lebih baik lagi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Untuk setiap *gender*, tapi memang di *Australia Labour Party*, sistem dia ialah 40:40:20, 20 siapa yang cepat siapa yang pantas dia dapat, so dia tak boleh satu *gender*, dia tak boleh melebihi 60%...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

YB. Padang Lalang sendiri mengkisahkan betapa sukarnya nak memecahkan siling kaca itu, sebab ada pula lantai yang melekit, bukan saja siling kaca tu susah lantai pula melekit. Jadi di dalam keadaan macam ini seharusnya lah yang wanita yang nak menembusi gelas kaca itu bukan saja diberi peluang tetapi dihormati, boleh YB. Padang Lalang setuju? Dihormati, jadi adalah tidak elok dan tidak sepatutnya berlaku, bila wanita yang memegang jawatan itu dibuli diherdik, diberi nama dan dihina dengan nama-nama yang tak sepatutnya dikatakan. Setuju tak YB. Padang Lalang?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya memang setuju tak boleh berlaku di mana, buli itu tak baik, sama ada dia berlaku di atas kanak-kanak orang tua atau lelaki ataupun perempuan. Itu tak baik, tapi keadaan *sticky floor*, dan *glass ceiling* dia bukan satu perjuangan individu di antara kita. Ini adalah alam *the environment is not an air balling* juga sejarah pembangunan manusia dalam masyarakat bagaimana kita datang kesituasi sekarang jadi kita jangan, kaum lelaki pun bukan musuh kita, tapi kita ini adalah kerana *historically how it comes about*, kita harus melihatnya dengan lebih menyeluruh dan bagaimana kita nak supaya kaum lelaki juga menyokong dasar *inclusive* ini adalah *inclusive*, kita nak *inclusive* kita nak *include* OKU, golongan yang miskin, kita juga nak *include the women in our decision making*.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Padang Lalang, bagi saya prinsip *gender equality* tak patut la kita katakan mana-mana pihak kalau kita mahu *equality* kita kena bersainglah. Bersaing itu bermula dari keluarga, dari satu kompromi antara isteri dan suami yang mana nak jadi ketua atau nak memberi sumbangan sosial mungkin dia boleh kompromi itu, katakan suami itu saya akan mengetuai keluarga ini, jadi dia boleh teruskan bidang persaingan dan sosial, sebaliknya seperti YB. Sungai Pinang suami dan isteri kena *compromise* siapa nak memberi sumbangan lebih besar kepada masyarakat jadi di sana mula dari keluarga, kalau isteri atau katakan wanita nak *equality* isteri nak bangkit, saya akan tanggungjawab ini, saya akan teruskan perjuangan ini, jadi suami boleh sokong, lambat laun mungkin banyak lagi *gender equality* di dalam Dewan ini itu termasuk *spectrum of genderism*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti saya jawab dulu. Ini memang salah satu respons yang biasa dalam isu seperti ini, memang betul suami isteri boleh berunding siapakah yang mahu pergi bekerja, siapakah yang mahu jadi wakil rakyat, tetapi dalam masa sekarang bukan, tak ramai atau isteri yang boleh berunding seperti itu. Kita lihat dalam angka wanita yang mendapat HIV, atau yang dijangkiti HIV di Malaysia lebih ramai *housewife*, suri rumah berbanding dengan pekerja *sexual workers* kerana pekerja seksual itu mereka tahu

tentang HIV dan mereka berhak membuat keputusan sama ada mereka mahu jalankan *transaction* itu, tetapi untuk suri rumah ramai tak dapat, yang pertamanya tidak tahu tentang HIV, yang keduanya walaupun tahu dia tak dapat berunding setaraf dengan suaminya sekarang, kerana dia bergantung kepada suaminya untuk kehidupan dan kedudukannya memang tak setara dan dalam situasi seperti itu tak dapat berunding seperti pekerja dengan majikan, mana boleh berunding setara, tak boleh atas teori semua ini betul? Ramai yang kata juga tak ada diskriminasi terhadap wanita kerana tak ada undang-undang, kata wanita tak boleh bertanding, wanita mahu bertanding mesti bersainglah, betul juga tetapi dalam keadaan sekarang tiap *gender* dalam politik ini sangat besar, jurangnya sangat besar iaitu untuk Malaysia, jurang *gender* dalam politik ialah kedudukan kita Malaysia 120, di dalam Negara sebanyak 135 dalam pendidikan *quite good* la, tapi dalam politik jauh sangat sekiranya dia jauh sangat kita mesti adakan langkah-langkah untuk *close a gap* supaya kurangkan jurang ini.

Di sinilah kita katakan bahawa kita memerlukan langkah-langkah *affirmative* di mana kita berikan sedikit *rebate* kepada golongan yang lemah dalam bidang itu, apabila mereka boleh bersaing, jadi tak perlu lagi lah, ini hanya untuk waktu yang singkat untuk mempercepatkan kesamarataan, ini seperti kita beritahu OKU awak pun mesti bersaing lah, betul OKU mesti mempunyai ilmu yang tertentu, kalau dia mahu duduk di jawatan yang tinggi, tetapi sekiranya kita tak memberi peluang untuk pergi ke sekolah yang sama, kita tak beri peluang untuk belajar, kita tak ada kemudahan untuk mereka pergi ke sekolah dan kita katakan bahawa mereka mesti bersaing dengan *everybody* seperti kita, itu tak adil dari *social justice*, itu tak adil. Jadi di sini jugalah untuk golongan wanita kita katakan dalam politik kita memerlukan *affirmative action* untuk jangka masa yang pendek saja.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang saya minta laluan tadi berkenaan topik yang sama, bukan sahaja dalam Dewan ini tetapi di luar, seringkali saya dengar pertanyaan rakan-rakan lelaki di mana mereka kata kalau nak *equal* maka bersaing lah. Mengapa perlukan *quota*, so saya nak jelaskan kepada mereka yang mungkin ada pertanyaan yang sama bahawa masalahnya adalah struktur *society*, struktur komuniti, kita sudah pun *bias* sudah pun telah di melalui begitu masa yang begitu panjang sekali di mana lelaki lebih diperlihatkan sebagai lebih kuat, struktur *society* telah pun dibuat agar lebih berbanding lelaki, misalnya cara mesyuarat dijalankan, struktur organisasi, masa di mana lelaki dan wanita perlu bekerja dan tidak keseimbangan dengan masa yang wanita juga perlu bagi kepada anak-anak mereka di rumah. Bukan begitu sahaja tetapi jangan lupa pembangunan kami dari kanak-kanak, banyak *influence-influence*, pengaruh-pengaruh menjejaskan keyakinan kami, dalam diri sendiri sama ada kita berupaya bersaing atau tak dengan lelaki.

Sekarang walaupun banyak orang tengok sebenarnya banyak perempuan yang berjaya dalam pelajaran mereka, banyak perempuan yang lebih baik lagi daripada laki dalam pelajaran mereka, tetapi jika kita melihat statistik, sebenarnya walaupun wanita lebih baik sampai satu tahap sampai ke universiti, keluaran graduan universiti, wanita lebih banyak daripada lelaki tapi sampai *middle, upper management, senior management* semua lelaki, kebanyakan besar lelaki. So walaupun wanita sampai satu tahap lebih baik, tapi ada faktor-faktor sebahagian daripadanya adalah faktor-faktor

psikologi di mana wanita sendiri tidak berani pergi berjuang untuk menjadi pengurus yang lebih tinggi, tidak berani berjuang untuk menjadi pemimpin organisasi dan tidak berani masuk dalam politik. Ketidakyakinan mereka untuk masuk ke dalam politik adalah satu masalah, sebenarnya di komuniti ada 50% lelaki, wanita. Kalau peratusan *gender* dalam pengurusan negeri di pengurusan komuniti tidak ada juga wanita sama seperti *population* masyarakat maka kita ada masalah, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta laluan, Padang Lalang saya dengar juga Pulau Tikus berucap, saya kagum juga kaum wanita menceburi bidang politik. Saya masih ingat pertama kali saya masuk ke dalam Dewan ini, waktu itu tahun 1996 saya duduk di belakang tidak tahu kerusi mana, waktu itu Telok Ayer Tawar ada, waktu itu Padang Lalang ada, Padang Lalang duduk di sana, Telok Ayer Tawar mungkin sebelah sini dan hari ini hanya kedua-dua mereka ada yang lelaki lain tidak ada, lelaki yang berkhidmat pada masa itu, tidak tahu pergi ke mana semua pergi ke Parlimen kah. Kebetulan 1996 dua (2) ADUN wanita yang waktu itu, sampai sekarang mereka masih ada, saya dari belakang duduk sini pula. Pengalaman saya waktu itu masuk ke Dewan sebagai pelajar universiti, saya kagum dengan Ahli-ahli Politik datang berdebat, tentang polisi Kerajaan, berdebat tentang masalah sosial. Saya begitu kagum melihat ahli-ahli politik berdebat, kemudian saya berhasrat mesti menjadi seorang ahli politik kerana dia ada satu profesion, satu kerjaya begitu menarik dan saya kagum juga dengan wakil rakyat wanita berkhidmat panjang selama lima (5) penggal, empat (4) penggal, enam (6) penggal dan masih ada di sini. Hari ini saya jadi ahli politik pula dari seorang pelajar di belakang dan duduk di sini.

Dengan itu saya cadangkan di sini, penggal ini kita ramaikan dengan ADUN Wanita, kita galakkan dan kita boleh tetapkan kuota berapa pun itu cerita lain, tetapi perlu ada menanam benih dari muda lagi, pelajar-pelajar sekolah menengah, pelajar-pelajar Universiti, sama ada wanita atau lelaki perlu menggalakkan mereka untuk memasuki orang-orang yang berkaliber perlu memasuki politik berkhidmat untuk negara, cadangan-cadangan boleh menjemput siswa-siswi daripada Universiti USMkah, pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah apabila Dewan bersidang jemputlah mereka dan penuhi kerusi-kerusi kita, supaya mereka datang, mereka duduk di sini dan mereka tengok. Mereka tengok YB. Berapit berucap, tengok YB. Telok Ayer Tawar berucap, Padang Lalang berucap, Sungai Pinang berucap, Pulau Tikus mungkin mereka satu hari nanti, sepuluh (10) tahun, dua puluh (20) tahun nanti mereka juga berhasrat menjadi ahli Politik....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

So, itulah cara kita mempengaruhi golongan wanita yang muda untuk memasuki politik, seperti kita perlu buat juga menggalakkan wanita untuk melawat kilang-kilang Intel, melawat kilang-kilang Hewlett Packard supaya mereka tahu, mereka boleh berminat terhadap *Engineering* dan Sains. Itu cara dia supaya mereka boleh, bukan sahaja mereka boleh jadi suri rumah tangga ataupun kerja kerani sahaja, tapi nampak

di sini, kalau mereka duduk di belakang nampak Setiausaha Dewan juga wanita, dia ada motivasi, LA juga wanita dia ada motivasi. Speaker belum sampai ke situ.... (ketawa).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Speaker gender.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Kalau boleh hantar rombongan ke Selangor untuk tengok Speaker Wanita ataupun Singapura, Speaker Singapura adalah wanita, tengok cara-cara begini menggalakkan dahulu untuk kita set apa-apa kuota, itu pandangan saya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta lalun.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti, sebelum itu saya mencelah sedikit. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin juga menggalakkan Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya berdebat atas isu *gender* ini memandangkan di Pulau Pinang ini kita mempunyai bilangan pengundi wanita yang paling tinggi di seluruh Malaysia lebih daripada 54% pengundi adalah wanita so, saya juga menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat berdebat isu ini dan saya memberi keizinan yang lebih silakan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Terima kasih kepada YB. Padang Lalang, saya hendak tanya soalan yang belum dijawab berkenaan jawatankuasa tetap gender yang saya cadangkan bagi memantau bajet dan pelaksanaan bajet dan sebagainya adalah mengikut *gender responsive budget* dan sebagai contoh. Dari pengalaman saya, saya datang dari parti politik yang saya menjadi Ahli di dalam Parti Keadilan dan Keadilan mempunyai kuota di mana 30% mestilah dari wanita. Saya memang berada di kerusi ini sebagai calon disebabkan oleh polisi itu. Walaupun polisi itu perlu merit, tapi bila ada satu undang-undang dalam parti, ia memainkan peranan yang penting sebab nanti, sebagai contoh di Pulau Pinang kita ada 40 kerusi sahaja dan di setiap parti pun kerusi terhad sahaja, tetapi disebabkan oleh polisi parti, memang terpaksa buat.

Lagi satu sebagai seorang ADUN wanita, sebagai contohnya, saya tengok di kawasan saya banjir, tapi dalam mesyuarat Jawatankuasa Bencana Banjir, bila saya tunjukkan data-data *sex disaggregated data*, atau data yang menunjukkan siapakah dia mangsa-mangsa banjir, gender itu bukan hanya wanita dan lelaki tapi dari *sex disaggregated data*, bila saya tunjukkan dalam Jawatankuasa Bencana dan juga dalam MMK Tebatan Banjir ialah mangsa-mangsa di sembilan (9) kawasan banjir itu

berapakah kanak-kanak, berapa warga emas, berapa wanita dan berapa lelaki, dari situ saya dapat cadangkan apakah peruntukan dan penyelesaian untuk membantu mangsa-mangsa ini sebagai contohnya apabila saya melihat mangsa yang paling tinggi adalah kanak-kanak, jadi macam mana kita hendak selamatkan kanak-kanak dalam keadaan banjir, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Banjir saya mencadangkan mengadakan bot-bot yang ringan untuk masuk ke kampung dan *Alhamdulillah* Pejabat Daerah sudah membeli tiga (3) bot supaya kita dapat selamatkan bayi-bayi, tidak perlu membawa bot besar-besar Bomba itu memang tidak dapat masuk. Itu sebagai salah satu contoh dan juga warga emas, bagaimana kita hendak pindahkan warga emas dari rumah yang kena banjir sampai ke bumbung yang tinggi hendak pindahkan ke dewan banjir, masalah-masalah begitu sebab selalunya orang tua ada sakit kencing manis dan sebagainya dan saya cadangkan adakan pertukaran sedikit kepada polisi yang diadakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Maknanya di sini kalau ada lelaki, saya rasa 100% dia tidak akan nampak isu mangsa-mangsa banjir, sebagai ADUN Wanita, dia boleh nampak, dia ada *emotional sensitivity* sifat keibuan dalam diri dia yang tidak ada kepada seorang ADUN lelaki, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Padang Lalang dan YB. Dato' Speaker, yang tadi rakan daripada Air Itam, Penanti mereka menghujah semua mengenai *gender responsive budget* yang kita mahu melaksanakan di Negeri Pulau Pinang ini, tetapi yang penting sekali *those who make decision, decision maker*, dia tentu pasti kena ada konsep *gender responsive budget* baru kita boleh menolak polisi ini untuk menjalankan di seluruh sektor di Pulau Pinang dan yang penting sekali seperti rakan kita dari Air Itam berkata mahu menggalakkan lebih ramai lagi wanita atau belia beliawanis untuk menceburi diri di dalam aliran politik, tetapi keadaan yang *friendly, environment friendly* untuk mereka yang ingin menceburi dalam politik ini itu penting. Saya harap di Jabatan EXCO Belia dan Sukan, Wanita Keluarga dan komuniti di bawah YB. Padang Lalang mengambil bajet dari MMK untuk membuka satu jawatankuasa yang menarik lebih ramai belia beliawanis untuk satu mekanisme untuk mereka mengetahui lebih mengenai politik dan juga macam mana satu jawatankuasa menjalankan kerja mereka seperti rakan kita dari Machang Bubuk dia sedang menolak Dewan untuk belia dan beliawanis itu satu cara yang bagus dan saya juga minta kebanyakan *politician* kena ada IQ yang tinggi dan juga saya harap di bawah belia menubuhkan satu *centre* untuk memberikan panduan kepada Belia dan Beliawanis untuk menghadapi tekanan jiwa atau menghadapi tekanan hidup dengan EQ yang bagus itu penting untuk rakyat dan juga melalui keluarga, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, memang kita semua sedari wanita mempunyai sifat keibuan, baik, cantik orang lelaki ini kalau tengok wanita sejuk ya, jadi kita memang mengalu-alukan tetapi dalam Malaysia ini Barisan Nasional lah yang pertama melantik Ketua Pembangkang Wanita, di Pulau Pinang, dalam Negeri Pulau Pinang, dalam Malaysia tidak ada. Ini kali pertama, di Pulau Pinang ini kita mengiktirafkan wanita, sebab itu bila ada wanita yang sebelah sana janganlah gaduh kuat-kuat, jaga sama-samalah.

Dan yang kedua saya lihat kalau cadangan ADUN Kawasan Air Itam untuk membawa masuk pelajar-pelajar ke sini kalau kita tidak takrif lagi makna-makna *racist* nanti budak-budak datang kita hentam, kamu *racist*, saya *racist*, itu, ini, masalah juga YB Dato' Speaker, jadi budak-budak pun takut hendak datang ke Dewan kita ini, mereka pun lari wanita lagi cepat lari wanita, wanita tidak suka gaduh sebenarnya kecuali sorang dua sahaja, apabila jadi macam itu kita hendaklah selesai sama-sama kita dahulu. Ini cadangan saya sahaja bukan ada apa-apa pun, cukup takat itu sahaja.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Ini sikit sahaja untuk tambahan saja, saya pun tertarik juga dengan apa yang telah rakan-rakan sebut tadi betapa pentingnya peranan wanita di dalam berbagai-bagai sektor dan sudah tentu peranan itu yang kita sama-sama akui walaupun dari YB. Telok Bahang sebut tadi, tapi ada satu yang pelik ialah Perdana Menteri kita pernah menjadi Menteri Wanita satu ketika, cuma yang saya rasa nampak yang boleh kita ketengahkan dan saya juga tidak menafikan kemampuan seorang wanita dan semua wanita-wanita di Malaysia ini, tetapi kita semua sedia maklum juga wanita ada had batasan-batasan tertentu yang boleh dilaksanakan dengan kewajipan ia dan berperanan sebagai seorang ibu dan yang paling penting ibu dapat boleh mendidik dan mengasuh bahkan boleh saya rasa dapat meramaikan lagi penduduk di Pulau Pinang ini melalui wanita itu sebagai seorang ibu. Maka peranan ibu ini cukup tinggi, yang saya sebut bahawa ada masa-masa tertentu peranan wanita memartabatkan dan dia ada masa ketika peranan wanita juga yang perlu ada had batasan tertentu, yang boleh diluluskan dan juga yang tidak boleh dilaksanakan macam bagi juga lelaki, kalau lelaki boleh naik pokok nyiur, perempuan sudah tentu diizinkan dengan peranan wanitakan. Jadi itulah yang saya rasa kita tidak menafikan kehebatan kaum wanita dan wanita berperanan dalam mendidik dan mengasuh anak-anak dan saya mengharap supaya wanita dapat melahirkan lebih ramai anak-anak.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih ini satu pandangan yang amat menarik kerana padangan yang kebanyakan orang termasuk wanita juga dia ada fikiran itu bukan memang, itu tidak salah. Memang ibu ia ada peranannya, tapi pada waktu sekarang kenapa ramai wanita muda mereka tak ingin kahwin kerana perkahwinan ini tidak menguntungkan mereka kerana selepas perkahwinan mereka diberi beban untuk menjaga keluarga, dulu dia basuh kain sendiri sekarang mesti basuh sekeluarga, semua keluarga, dulu dia tak payah masak dia boleh pergi keluar makan, sekarang dia mereka aspek dia masak semua untuk semua dan apabila ada anak, masyarakat juga kata *you* sebagai ibu *you* mesti jaga anak, jadi jangan pergi kerja, inilah antara sebabnya wanita katakan bahawa perkahwinan ini hanya untung kepada suami kerana suami sekarang ada orang jaga dia, dia balik rumah dia ada nasi yang panas, dia boleh duduk tonton TV dan kata teh satu (1) cawan...(ketawa), tapi ini biasanya....(gangguan), nanti-nanti biar saya habis.

Ini adalah *stereotyping*, ini peranan yang mengikut wanita dan lelaki, tetapi sekarang kita lihat bahawa wanita pun sama mampu, wanita sebagai seorang manusia mungkin dia juga mahu satu kejayaan, mungkin dia pandai juga, kalau dia pergi keluar kerja mungkin dia pandai, dia boleh menyumbang dari segi pekerjaan dan bukan katakan hanya menjaga anak saja. Saya memang katakan bahawa anak itu a *great job* bukan satu pekerjaan yang senang, tapi kita nak juga, kalau kita katakan itu peranan yang penting, jadi berilah pandangan yang penting juga *reward*, dia tak dak *reward* mereka yang kerja di rumah tak ada gaji, tak ada cuti rehat dia tak dak KWSP, dia takda SOCSO pun, kalau ada apa yang berlaku dia tak ada *social welfare network at all*. Dia bergantung kepada baik hati suaminya, ramai suami yang baik hati dan bertanggungjawab, tetapi kita juga ada lihat ada sebilangan kecil yang mereka tak peduli, mereka lari saja. Jadi di sini ini hanya saya kata dalam ciri kesaksamaan ini ada banyak antara satu ialah kita mesti mengiktirafkan bahawa peranan lelaki adalah berlainan kerana peranan ini berlainan jadi ada keperluan yang berlainan dan kita mesti pertimbangan untuk kelainan ini yang tidak sama, dan memberikan seumpamanya menjaga anak bukan hanya ibu yang menjaga anak, kita boleh melatih orang lain menjaga profesional ini dan boleh menjaga anak dengan baik, mengasuh anak dengan baik dan itulah kita kerajaan kita mesti mendirikan lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak supaya ibu yang ingin bekerja boleh pergi bekerja.

Hanya ada satu sahaja yang wanita boleh buat lelaki tak boleh, ya lahirkan anak beranak, tapi janganlah kita menghukumkan wanita atau ibu kerana mereka beranak hanya hak. Ini adalah hak awak untuk mencapai kejayaan kerana mereka boleh beranak harus kita memberikan segala kemudahan, supaya mereka juga mencapai mempunyai peluang yang sama dengan suami dengan lelaki sekiranya mereka ingin, tapi sampai sekarang ramai wanita tak ingin untuk memimpin itu adalah satu masalah. Nanti saya terangkan kat sini kerana sudah ada banyak penjelasan...(gangguan), nanti, nanti. Di sini wanita sendiri tak ingin memimpin ini adalah satu faktor yang sangat penting yang ditulis oleh Sheryl Sandberg dalam bukunya *Lean In* iaitu kerja dan juga wanita dan mengapa wanita tak ingin memimpin kerana apabila semasa mereka dibesarkan mereka tidak diberitahu bahawa awak sebagai seorang wanita awak boleh memimpin juga tapi dalam budaya kita, kita selalu ada fikiran bahawa wanita yang berkarier yang paling berjaya, paling baik ialah menjadi seorang ibu. Seorang ibu yang berjaya bukan untuk memimpin, jadi kepada mereka yang paling penting dalam kehidupannya ialah menjadi seorang ibu yang baik yang dianggap baik oleh masyarakat.

Jadi masa sudah tidak sama lagi, jadi saya harap kita wanita dan lelaki sama-samanya ciptaan Tuhan dan Tuhan kata semua ada bersama walaupun kita ada peranan yang berlainan. Peranan yang berlainan telah menjadi satu keadaan sekarang ialah *unequal level field* yang dikatakan oleh YB. Pulau Tikus yang sekarang kita mahu '*level*' kan *unequal level field* ini itulah langkah-langkah informatif yang diperlukan. Ada beberapa cadangan tadi saya rasa yang penting ialah sekiranya kita hormat bahawa wanita dan lelaki adalah manusia yang mempunyai hak asasi yang sama, yang berhak untuk mendapat peluang yang sama jadi kita harus sokong, *action* yang boleh meletak wanita bersama dengan lelaki dalam *decision making* ini bicara kasar...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Padang Lalang, saya cuma nak minta YB. Padang Lalang kerana hari ini saya mendapati kes penceraian terlalu tinggi dan kebanyakannya pasangan wanita ini apabila kita bercerai terus menjadi miskin dan susah dan mereka hilang pendapatan dan hilang tempat pergantungan. Apakah pandangan YB. Padang Lalang terhadap hal ini dan bagaimana kita boleh mengatasi dalam konteks Negeri Pulau Pinang ini, adakah ada dasar polisi yang perlu dibuat untuk menyelesaikan hal ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini merupakan masalah di seluruh dunia ya, dan ini cuba mengapa lelaki selepas cerai dia tak terus masuk masalah seperti kaum wanita dan inilah ketidaksetaraan kerana wanita selalunya bergantung kepada pendapatan suaminya. Jadi apabila suaminya mahu cerai dan tidak mahu beri sokongan kepada dia, walaupun sepatutnya selepas cerai suami juga bertanggungjawab untuk memberi nafkah, tetapi ramai suami tak mahu beri nafkah dan di sini saya memohon supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat lelaki juga menghebahkan bahawa ini adalah tanggungjawab kita lelaki, suami untuk memberi nafkah sekiranya tak mampu jangan kahwin dua (2), tiga (3), empat (4)...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Yang Berhormat, saya cuba nak menarik perhatian kalau ada skim kita dah ada dah macam-macam emas ini, ini mungkin satu lagi *statement* masyarakat perlu lihat dengan serius isteri bercerai terus susah, so bantuan-bantuan sewajarnya perlu diberi kepada mereka ini juga dan bukan *top up* dan sebagainya kerana bagi saya ini cukup serius di seluruh negeri.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa kalau ibu tunggal kalau dia jatuh ke bawah tahap kemiskinan, jadi ada JKM dia ada dasar-dasar. Saya faham dan dia mesti pergi kerja dan dia mesti juga jaga anak-anak dia macam mana kita boleh beri pertolongan. Ini adalah satu masalah yang memerlukan dana yang besar dan memerlukan pertukaran fikiran sosial, ini untuk *short term* kita beri segala bantuan yang kita mampu, tetapi untuk *long term* kesaksamaan *gender* sekiranya wanita juga bekerja kita tak akan jatuh miskin selepas dia cerai, jadi kita mesti menggalakkan supaya ramai wanita yang bekerja dan dia ada pendapatan sendiri dia boleh berdikari, jadi dia tak jatuh kemiskinan bila cerai, saya akan teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sikit, terima kasih YB. Dato' Speaker, cuma saya nak dapatkan pandangan daripada YB. Padang Lalang sama ada setuju atau tidak. Pertama sekali YB. Padang Lalang ada menyebut, peranan wanita hanya melahirkan anak itu wajib penting... (gangguan), okey, okey, lelaki tak boleh lahirkan anak setuju, satu (1) lagi wanita juga kena menyusu anak, dua (2) bendalah tadi disebut, satu (1) saya nak tambah... (ketawa), sebab apa ialah betul la takut terlupa ada lagi beri peluang YB. Dato'

Speaker kata boleh bincang habis-habis hari ini pasal *gender*, tapi dia tak bimbang, sat ini Speaker kena ganti wanita pula, boleh kita bincang panjang-panjang. Satu (1) lagi bila YB. Padang Lalang sebut soal memimpin perlu wanita terlibatkan diri sama ada dalam badan NGO, politik menjadi pemimpin, sedangkan ibu di rumah, isteri di rumah juga merupakan pemimpin, memimpin mendidik anak-anak, memimpin mengurus rumah tangga dah jadi pemimpin sebenarnya. Dari situlah bermulanya dia menjadi pemimpin sebelum dia nak memimpin di luar rumah, dia kena ada pengalaman untuk memimpin di rumah, kalau dia tak pandai memimpin di rumah, dia nak memimpin di luar jadi susah, dia kena belajar macam mana YB. Air Itam, dia dulu duduk di belakang sana dia duduk di sini, begitu keadaan dia. Jadi soal nak bayar SOCSO, KWSP dan sebagainya terpulanglah kepada budi bicara seorang suami. Macam YB. Pulau Betong dia tak bagi SOCSO tapi dia bagi elaun kat isteri dia....(ketawa), saya tak menuduh, tapi meminjam. Memang ada suami-suami yang ada perasaan begitu dia dah bagi elaun YB. Telok Bahang dia korporat balik ada takkanlah nak bagi itu, nak kena daftar untuk KWSP, SOCSO tak payah dia juga bagi insurans, saya YB. Pulau Betong buat insurans kepada isteri bukan. Itulah pandangan saya tak dak masalah kalau dia jadi isteri sepenuh masa pun, dia merupakan pemimpin dan dia jaga rumah elok *Alhamdulillah*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih ya dia ada dua (2) perkara wanita buat, ibu buat, bapa *cannot* buat ya tak boleh buat, yang pentingnya bukan banding siapa boleh buat apa, yang hendak ditegaskan di sini peranan wanita dia menyusu anak, jadi tanggungjawab dia, kerja rumah semua dia buat, dia tak dapat pendapatan *it is non productive job, unless* lelaki, lelaki keluar kerja dia dibayar gaji kerana kerja ini tidak dibayar gaji, jadi dia statusnya mungkin YB. Sungai Acheh dia hormati isterinya, tapi bukan semua lelaki buat macam ini, yang kita mahu ialah katakan banyak cerai, siapa yang susah selepas cerai, jadi kita mesti lihat penyeluruhan, kita boleh ada pandangan sendiri tetapi saya harap pandangan ini berasaskan fakta dan ilmu-ilmu dalam kajian dalam kajian *survey*, yang *research* ini, yang ada semua ini, kita boleh baca dalam ini dan bukan hanya setakat respons, respons kita atau pandangan kita sahaja...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Padang Lalang, boleh saya minta laluan sedikit...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti saya habis yang ini dulu ya, betul memang bukan senang jadi seorang suri rumah, suri rumah juga *manage*, juga mengurus, dia juga mendapat memimpin apabila memasak dia mesti buat keputusan yang mana satu nak masak apa dulu, hari ini nak masak apa, ini memang betul *woman train* untuk ini *woman* kata *multitasking* bukan semua lelaki ada. Tetapi kualiti pemimpin ini tidak dihargai atau tidak diberi penghargaan yang sama dengan pemimpin lelaki di pejabatnya. Kita tidak akan kata bahawa dia ada pengalaman dalam mengurus keluarganya, jadi dia boleh jadi pengurus di syarikat. Kita tak akan cakap macam itu, jadi keseluruhannya kualiti pemimpin adalah tidak sama dengan para lelaki tetapi selalunya kualiti-kualiti wanita ini dia di *under value*, dia tidak diberi *value* yang sama, itu yang kita mahu sedar semua, saya mahu sedarkan semua. Ramai lelaki yang baik sangat kepada

keluarganya isterinya bertanggungjawab seperti Padang Kota, Air Itam dan semuanya, saya rasa di sini pun semua bertanggungjawab, tetapi saya nanti saya mesti beritahu bahawa ini bukan normal dan kita lihat bahawa ramainya ada ibu tunggal, bukan ibu tunggal sahaja, tetapi ada ibu tunggal. Jadi kita tahu bahawa kita mahu satu alam yang memberi keselamatan sosial kepada suri rumah ataupun wanita dan bukan hanya terpulang kepada individu sahaja, peribadi individu. Ya Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan. Terima kasih YB. Padang Lalang sebenarnya perbincangan yang jelas membuktikan bahawa kita memerlukan kuota disebabkan bahawa lelaki yang memikirkan bahawa mereka faham pun sebenarnya banyak yang tak faham. Mohon maaf tapi ini memang hakikatnya, bagi seorang wanita, ramai wanita yang telah menyuarakan bahawa apabila mereka tinggal di rumah, walaupun suami mereka bagi wang bulanan, tapi dia tak berasa selamat kerana tahu bila-bila masa kalau apa-apa terjadi kepada suami macam mana keluarga dia akan terus hidup. Wanita adalah seorang yang beremosi, mereka juga ada juga baca surat khabar, mereka baca kemerosotan ekonomi, baca tentang syarikat-syarikat yang tutup, orang-orang yang kehilangan kerja, mereka tahu suasana di luar dan mereka risau terhadap pekerjaan suami mereka, tapi mereka macam terikat di rumah bergantung sahaja kepada suami. Setiap bulan suami bagi, tetapi kalau apa-apa terjadi saya macam mana? Anak macam mana? So sebab itulah kita memerlukan pemimpin wanita yang faham perasaan wanita, faham situasi wanita. Tadi saya juga sudah kata bahawa sebenarnya dalam masa yang begitu panjang beratus-ratus tahun di mana lelaki yang secara fizikalnya lebih kuat telah menguasai masyarakat sebenarnya, menguasai masyarakat, maka struktur pengurusan juga lebih berat sebelah terhadap lelaki dia lelaki lebih untung, walaupun wanita dia boleh belajar tentang pengurusan, mungkin pengurusan wang, pengurusan macam mana masak dengan lebih efektif dan menyediakan keluarga yang lebih baik, tapi *skill-skill* kemahiran-kemahiran di luar rumah itu wanita tidak berpeluang untuk mencungkil bakat. Mereka tidak berpeluang untuk berlatih, semua pemimpin-pemimpin lelaki di sini, bila anda keluar daripada sekolah terus boleh jadi pemimpinkah ataupun kena berlatih, kena dapat pengalaman, kena belajar macam bertutur atau bermesyuarat dengan orang lain, kena berlatih macam mana nak berceramah, kena jadikan ahli politik kena berlatih macam mana berucap dalam Dewan. Semua ini memerlukan peluang untuk berlatih, maka kalau di rumah sahaja tak dapat nak berlatih kemahiran kepimpinan ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Minta laluan. Terima kasih YB. Padang Lalang, tambahan pula saya ingin menyuarakan sebagai seorang ibu. Keistimewaan seorang wanita melahirkan anak dan membuat penyusuan ini juga dijadikan bebanan sebab dalam sektor swasta ada kekurangan peluang untuk wanita. Sebab banyak pemimpin atau majikan, mereka tidak akan mengambil kira walaupun wanita itu boleh membuat keputusan atau mengambil jawatan yang tinggi, disebabkan kemungkinan wanita yang mengandung akan menjejaskan proses pekerjaannya. *Disadvantage* walaupun adalah ciptaan Tuhan bahawa keistimewaan wanita boleh melahirkan anak dan menambahkan bilangan penduduk juga pengundi. Inilah ada satu *advantage* tapi juga menjadi satu *disadvantage* kepada wanita. Saya merasa sedih, sebab banyak daripada kalangan wanita-wanita di kawasan saya, mereka beritahu saya. Saya emak kepada lima (5)

anak, saya berbangga dan pengerusi parti saya YB. Padang Lalang dia selalu kata, *cheers* ibu kepada lima (5) anak. YB. Padang Kota, *sorry* sepatutnya YB. Padang Kota, begitu berbangga, tetapi kita nampak banyak masalah wanita. Saya tanya mereka kenapa kamu tidak mahu melahirkan anak lagi? Menambahkan bilangan anak susah, susah untuk terutamanya yang bekerja. Untuk wanita yang bekerja kemungkinan mereka akan kehilangan kerja jika mereka mengandung. Ini memang adalah yang betul dan adalah satu *fact*, bukan saya *create the story*. Berlaku juga kemelesetan ekonomi yang sekarang ini, kan semua naik, gula pun tak ada subsidi, susu tepung pun naik, semua pun naik. Memang ini satu masalah kesusahan kepada wanita, yang saya boleh rasa. Jadi saya rasa berilah peluang untuk pemimpin-pemimpin wanita, yang lebih berperikeibuan dan tahu bahawa apa-apa kesusahan wanita. Saya tidak menafikan memang ada kaum lelaki juga faham tentang masalah ini, tetapi banyak yang tidak begitu sensitif terhadap kami.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti nanti saya respon yang ini dulu sebelum saya lupa, ini merupakan rayuan seorang ibu kepada lima (5) orang anak. Takkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini tidak simpati memang susah berapa kali dia kata susah memang susah. Ini merupakan bahawa struktur keluarga struktur masyarakat struktur politik adalah *disadvantage* di mana-mana sahaja bukan di Pulau Pinang, di Malaysia. Dua (2), tiga (3) tahun yang lepas di Amerika mereka melantik enam (6) orang *high court judge*, *supreme court judge* tiga (3) orang lelaki, tiga (3) orang perempuan, tiga (3) orang lelaki semua berkeluarga, ada keluarga yang bahagia. Tiga (3) orang wanita, mereka tidak berkahwin, tidak berkeluarga. Ini menunjukkan untuk wanita dinaikkan pangkat sampai tahap itu, mereka mesti korban perkahwinan dan keluarganya, ini adalah hakikat. Jadi pada hari ini kita hanya merayu supaya *level field* ini *playing field* ini di *level* kan di *level* kan dan apakah kita perlu, kita bukan nak kerusi awal sahaja, kita ingin supaya adakan pusat jagaan kanak-kanak supaya beban menjaga anak-anak ini boleh diringankan. Kita pohon supaya ada bilik menyusu, buat kita senang apabila menyusu, buat senang menyusu itu bukan untuk wanita sahaja, ini anak-anak adalah pemimpin pada masa depan. Ini saya rasa kita semua ada tanggungjawab untuk membuat senang, bukan senang kerana kita nak kerusi sahaja, tetapi itu adalah supaya kita boleh ada ramai wanita mewakili suara wanita kerana dalam demokrasi, perwakilan ini adalah penting, satu faktor yang penting dalam sistem politik kita.

Jadi kita mesti faham bahawa ini *disadvantage* ini adalah selalunya kita kata bahawa kita *gender neutral*, apabila *gender neutral* ini ialah untuk *reinforce* ketidakkesaksamaan *gender* ini, *gender neutral reinforce to purported gender in equality* yang adakan sekarang, jadi tak boleh *gender neutral* dia mesti *gender* sensitif untuk memberi *effective action* kepada wanita supaya *playing field* itu boleh diratakan dengan kadar dengan lebih cepat. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker minta laluan kepada YB. Padang Lalang, memang tadi kita bincang-bincang untuk isu suri rumah tangga dan juga pemimpin dari golongan wanita yang bekerja ataupun yang menjadi politik memang kita dalam kalangan masyarakat kadang-kadang kita melihat suri rumah tangga memang mereka berkorban banyak dalam rumah. Tadi Sungai Acheh pun ada sebut bahawa mereka pemimpin sebagai

pemimpin mungkin kita boleh memberi gelaran mereka sebagai pemimpin di rumah kerana kalau wanita yang tidak bekerja di luar, tapi mereka bekerja di rumah seperti YB. Padang Lalang mengatakan bahawa mereka masak, bila nak masak, masak lauk apa adakah barang ini sesuai makan mungkin kerana kebanyakan suri rumah tangga mereka juga kena adakan *so call* PC lah, PC dalam rumah (PC) *Press Conference* dalam rumah, dengan siapa? Dengan anggota-anggota ahli keluarga so mereka *is in charge* di portfolio masak dan juga mendidik anak, so dia ada pemimpin dalam rumah dan mungkin hari ini esok mungkin mereka adakan satu PC yang bertajuk BN, or Barang Naik or BN *stand for* Barang Naik bukan Barisan Nasional, macam mana kita nak letak kos macam mana ekonomi sekarang merosot adakah keuntungan *husband* dia cukup untuk kemampuan keluarga dan saya bangkitkan penduduk suri rumah tangga kadang-kadang di kalangan masyarakat mereka isi borang mereka akan tulis ada kerja atau tak ada kerja, mereka akan tulis suri rumah tangga. so mungkin kadang-kadang kalangan masyarakat adalah segelintir-segelintir or suri rumah tangga mungkin dia ingat mereka tak begitu fasih dalam bidang-bidang tertentu.

Pada pendapat saya mungkin kita kena adakan lebih banyak seminar seperti PWDC adakan lebih banyak kursus, seminar supaya memberikan lebih banyak keyakinan kepada golongan-golongan yang suri rumah tangga, mereka kurang keluar untuk bergaul dengan *society*, supaya mereka lebih faham isu-isu perceraian, isu-isu yang lain *involved* wanita dan di samping itu tadi saya terlupa untuk bangkit di MPSP di MPSP, pada tahun 2012 bulan November, saya telah bangkit untuk menyediakan satu kaunter bayaran khas untuk *pregnant lady*, untuk OKU dan juga warga emas dan pada tahun awal tahun ini Januari 2013 MPSP telah melaksanakan, so mungkin pada pendapat saya di kalangan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain ataupun di MPPP saya tak tahu ada sediakan khas kaunter-kaunter seperti untuk *pregnant lady*, ataupun OKU, ataupun golongan warga emas. Saya ingat patut kita sediakan kerana kadang-kadang kita melihat *pregnant lady*, ataupun OKU, ataupun Warga Emas mereka pergi ke kaunter mereka kena tunggu *long queue* so *this basic* bagi mereka kerana kita nak bagi mereka keyakinan kadang-kadang Orang Kurang Upaya hilang keyakinan kita kena *keep a moral support to them*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih cadangan YB. Jawi memang bernas. Tapi kita lihat bahawa *disregnant lady* digolongkan dengan OKU, ataupun golongan warga emas *disadvantage good*, memanglah dalam keadaan seperti ini, tetapi dalam polisi kerja kita tidak termasuk, ini mengandung dan melahirkan anak merupakan satu *disadvantage* pada sekarang, dasar sekarang, masa masih ada banyak majikan wanita dia akan mengandung, jadi dia tidak mahu ambil dia ataupun dia *consider*, ini adalah satu kerugian, dia akan ambil cuti bersalin, tapi saya harap fikiran ini mesti berubah kerana apabila wanita melahirkan anak, walaupun anaknya, tapi anak-anak ini, dia akan jadi pemimpin. Bekerja pada masa depan, jadi dasar kita, misi kita, kita mesti mengambil kira peranan ini, supaya mereka tidak *disadvantage* kerana mereka lahir, kerana ini adalah ciptaan Tuhan kita mesti hormatlah ataupun berilah pertimbangan saya nak teruskan. Ini *last* kita pergi ke tajuk lain dan kita ada masa boleh bincang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Padang Lalang memberi ruang kepada saya. Saya rasa tadi saya dengan banyak pandangan dan cadangan yang begitu banyak. Oleh itu saya minta Kerajaan Negeri untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas berkenaan untuk melihat isu-isu ketidaksamarataan ke atas wanita termasuk menggubal undang-undang walaupun Enakmen Kerajaan Negeri itu mungkin tidak dapat dikuatkuasakan seperti akta di dalam Parlimen, tetapi saya nampak keadaan di Pulau Pinang ini mungkin kita boleh *we are leading the change* menerajui mengubah satu Enakmen mengikut *equal opportunity* untuk melindungi, untuk memastikan kesamarataan tidak kira gender ke atau tidak kira OKU, Mak Nyah, tak kira, dia mesti di *create equally and not discriminated* ...(dengan izin). Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya nak menyokong agar kita ada satu (1) Jawatankuasa Hak Asasi Manusia. Jawatankuasa Hak Asasi manusia bolehlah menjaga kebajikan OKU, perempuan, pekerja asing.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Saya menghargai cadangan ini dan sokongan ini harap kita boleh melaksanakan. Pada waktu sekarang PWDC kita sedang menggubal satu dasar gender, mungkin kita boleh ubah suai atau macam mana ataupun kita menerima pakai dasar *gender* terlebih dahulu boleh mengikut pada waktu sama boleh adakan satu Jawatankuasa untuk *opportunity*.

Timbalan Ketua Menteri I:

Untuk memperkemarkan lagi cadangan ini sebab dalam keusahawanan dalam industri di syarikat multinasional juga dia memang dalam peraturan di dalam pengurusan mereka untuk mana-mana wanita yang *pregnant* dan sebagainya memang ada diberi peluang untuk melihat kesesuaian pekerjaan kepada mereka, iaitu satu *survey have being done*... (dengan izin) untuk mengemaskan lagi isu ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Memang dalam sektor swasta mereka sudah banyak sedar bahawa mereka bergantung juga kepada tenaga wanita, mereka ada syarikat besar, mereka ada program untuk mengekalkan pekerja wanita mereka di peringkat yang tinggi. Seperti mesej antara satunya, saya difahamkan bahawa di Dell dan satu lagi Intel pun ada. Saya teruskan, saya rasa sungguh bertuah ada rakan seperti YB. Air Itam dan YB. Machang Bubuk yang faham tentang konsep *gender*. Ya, *gender* adalah tentang wanita dan lelaki sebagai kumpulan sosial, ada banyak *intersectionality* kerana tidak semua lelaki atau wanita sama taraf *they are not homogeneous*, atau mendapat peluang yang sama. Ada lelaki tua dan ada juga perempuan tua, walaupun mereka sama-sama tua, ada yang masih berupaya dan ada yang sudah kurang upaya, ada yang kaya dan ada yang dari golongan miskin. Ini contoh *intersectionality* dalam *gender*. Seperti apa yang YB. Air Itam dan YB. Machang Bubuk sampaikan *gender budget* mestilah menyeluruh '*inclusive*' dan mengambil kira keperluan semua kelompok

dalam masyarakat yang terdiri dari perempuan dan lelaki. Ini bertepatan dengan *tag line* projek perintis Bajet Responsif Gender (GRB) yang sedang dilaksanakan oleh PWDC bersama-sama MPSP dan MPPP. Definisi bajet responsif gender, mengikut *UN Women (United Nations Entity for Gender Equality and Women Empowerment)* adalah satu kaedah bagaimana Kerajaan merancang, mengatur belanjawannya untuk menyumbang kepada peningkatan kesaksamaan *gender* dan memenuhi hak-hak wanita. Dengan memulakan projek perintis Bajet Responsif Gender, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengarah dan mahu memastikan prinsip demokrasi diterapkan dalam pentadbirannya. Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah selama 56 tahun tetapi tiada komitmen melaksanakan *Gender Responsive Budget*.

Memang betul YB. ADUN dari Air Itam, kita perlu meningkatkan lagi jumlah perwakilan wanita bukan sahaja di JKKK tapi semua peringkat pembuat keputusan, kita boleh mula di peringkat JKKK, dan saya rasa semua ADUN wanita dan juga ADUN lelaki juga boleh memulakannya, tetapi saya juga mohon sokongan daripada ADUN-ADUN lelaki di Dewan yang mulia ini. Kita bukan sahaja melantik ahli JKKK wanita, kita juga mahu melantik pengerusi JKKK dari kaum wanita. Kini kaum wanita kalau tidak silap saya JKKK yang mempengerusikan oleh wanita tidak sampai lima peratus 5% dan sasaran kita 30%. Itu adalah peringkat yang terbawah sekali, kita katakan Ahli Majlis Bandaran ataupun ADUN, Ahli Parlimen dan juga menteri, tapi ini JKKK pun begitu rendah. Berapa orang seorang, bagus juga, ada seorang pun bagus juga, tapi kita boleh tambah. Jadi bolehkah kita sama-sama berusaha untuk meningkatkan jumlah mereka kepada sekurang-kurangnya 10% pada tahun akan datang.

Sebenarnya di peringkat antarabangsa, sasaran sekurang-kurangnya 30% pemimpin wanita di peringkat pembuat keputusan, ini pasti akan dilaksanakan secara berperingkat. Semua pihak mestilah *walk a talk* ...(dengan izin) bagi tujuan ini. Saya yakin terdapat ramai wanita yang berkebolehan menjadi pemimpin tetapi peluang serta ruang yang disediakan masih amat sempit dan tidak diberikan keutamaan, jadi apabila kita ada dasar, ini menunjukkan ada keutamaan. Sementara itu, PWDC juga akan menganjurkan lebih banyak kursus serta latihan kepimpinan untuk wanita agar kita mempunyai lebih ramai lagi pemimpin wanita di peringkat pembuat keputusan. Sekarang di peringkat Kerajaan Tempatan, kita cuma ada empat (4) wanita jumlah 48 Ahli Majlis di Negeri ini, tidak sampai 10%.

Umum *gender* ini bukan satu kita ada secara automatik *gender study* ada satu mata pelajaran di Universiti, bukan di peringkat Sekolah Menengah, jadi saya rasa kalau kita sebagai wakil rakyat yang ingin lebih faham tentang isu *gender* ini saya rasa PWDC pada bila-bila masa sangat rela untuk mengadakan kursus untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ketua-ketua jabatan supaya kita sama-sama tahu macam mana *Gender Responsive Budget*. MMK Keluarga tidak pernah meminggirkan lelaki, tidak semua aktiviti PWDC umpamanya khas untuk perempuan, lelaki juga dijemput sama menyertainya, umpamanya latihan tentang *gender* dan tadbir urus baik di mana 20% - 25% peserta dari kaum lelaki, ini ada dijalankan dengan kerjasama beberapa JKKK dan juga Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Ada program keluarga Mithali yang dianjurkan dengan kerjasama pejabat ADUN Batu Maung di mana pesertanya adalah terdiri dari lelaki dan perempuan, di mana pasangan suami isteri digalakkan untuk datang bersama menyertainya. Baru-baru ini kita juga menaja satu seminar untuk kakitangan Kerajaan, di mana kita pun memasukkan satu sesi mengenai *gender* dan keluarga. Saya mengaluakan mana-mana KADUN yang ingin bekerjasama program-

program kekeluargaan ataupun kefahaman *gender* dengan penyertaan yang sama dari kaum lelaki dan wanita. Cuma saya dapati dalam program-program seperti itu memang masih agak susah untuk mendapatkan penyertaan kaum lelaki kerana kebanyakan mereka masih melihat isu keluarga dan yang berkaitan dengannya adalah arena bagi wanita. Jadi saya harap selepas hari ini, saya dengar semua pandangan ADUN-ADUN kita, mereka berpandangan lebih luas, saya rasa mereka dia akan datang la untuk program-program kita PWDC.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Boleh beri laluan sikit. Terima kasih YB. dari Padang Lalang adakah PWDC set satu *time frame* untuk Kerajaan Negeri melaksanakan *gender* di dalam Bajet Kerajaan Negeri dan berapa lama kita akan nampak buah yang kita dari 2008 sampai sekarang kita cuba untuk menyalurkan polisi ini, dasar ini ke Kerajaan kerana sampai hari ini Kerajaan Tempatan yang diterajui oleh Padang Kota, yang ingin bekerjasama dan berapa ramai lagi jabatan yang belum menggunakan *gender responsive budget* dan saya harap *the person who lead this take* yang menjalankan, semua *decision making must understand very important in responsive budget* baru kita akan nampak cahaya yang lagi terang kalau dari bawah kakitangan jabatan itu hanya mereka mendengar arahan daripada jabatan *but the person who make decision is more important*. Saya mengucapkan terima kasih YB. daripada Padang Kota Lama selama ini dia menunjukkan 100% sokong kepada *gender responsive budget* dan juga rakan saya dari Air Itam terima kasih dan lupa lagi Tuan Speaker yang duduk di atas itu, terima kasih.

Yang di- Pertua Dewan Undangan Negeri

Dua jam saya bagi...(ketawa).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sebenarnya kita suka kalau dapat dicapai dalam masa singkat tetapi pelaksanaan bukan begitu senang. Kita terdapat contoh-contoh di mana, kita kena mereka cipta, caranya untuk melaksanakan *gender responsive budget* ini. Jadi *pilot* atau projek perintis ambil selama tiga (3) tahun. Selepas itu kita boleh menganalisis keputusan dan kita boleh buat keputusan macam mana projek ini boleh diarusperdanakan ke dalam jabatan-jabatan yang lain. Saya berpendapat bahawa kita perlukan kerjasama dari atas dan juga semua pihak supaya dia boleh dijalankan dengan licin.

YB. Air Itam mengatakan bahawa janganlah kita *exclude the men*, pinggirkan lelaki, tidak, kita suka kalau mereka datang untuk menyertai program kita. Kami sangat suka dan juga kerana segala perubahan dia tidak boleh berlaku dari seorang ataupun satu *gender*. Dia mesti dua *gender* sama-sama berusaha. Jadi kita memang mencari *champion gender* ini kalau saya jemputlah YB. Air Itam menjadi salah seorang *male champion* untuk kesaksamaan *gender* dan juga *gender budgeting*.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Mungkin ada pengaruh sedikit. Dulu saya belajar satu *subject Feminism*, buku tebal belajar pelbagai mengenai *feminism* bagaimana kita mungkin boleh kita adakan kursus sebegini boleh diadakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kita adakan *gender study* sahaja. Tak payah *feminism* lagi. *Gender studies* sudah cukup. Dan kita ubah kepada konsep *work life balance* kerana sekarang kaum lelaki tumpukan masanya di tempat kerja. Dia sampai tak balik dia tak apa, tak balik rumah seminggu pun tak apa, kerana rumah tangga ada orang jaga. Kalau wanita tak boleh, susah, kalau wanita tak balik rumah tiga (3) hari susah. Suaminya akan *complaint*. Ini adalah perbezaannya. Jadi saya menghargai bahawa keputusan menyambung Dewan ini sampai pukul 7.00 sahaja bukan sampai pukul 10.00 atau 11.00 malam seperti yang berlaku di Parlimen. Masa-masa kerja seperti ini tidak baik untuk keluarga dan khasnya tidak baik untuk wanita.

Jadi kita mahu juga *promote work life balance* di mana tak kira wanita atau lelaki kita sama-sama bekerja di tempat kerja, kita juga sama-sama menjaga anak menjaga keluarga. Jadi untuk mewujudkan Pusat Jagaan Kanak-kanak itu untuk meringankan beban ibu dan juga beban bapa. Kalau ibu tertekan kerana jaga anak kerana mesti bekerja jadi *mood* dia akan tidak baiklah. Kalau *mood* dia tak baik suami susah juga. Ini adalah untuk kebaikan semua.

Menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh YB. Sungai Pinang, pertamanya cadangan untuk membantu ibu tunggal dan beliawanis dalam sektor *industrial* seperti program khidmat nasihat dalam perniagaan, kesihatan dan tanggungjawab sosial. PWDC ada menganjurkan Fiesta Keushawanan Wanita pada bulan Februari yang lalu di Seberang Perai dengan penyertaan hampir 300 peserta dari SPU, SPT dan SPS. Agensi-agensi yang menawarkan pinjaman serta khidmat nasihat bagi memulakan perniagaan dan mendapatkan lesen, serta pinjaman telah dijemput untuk memberi maklumat dan penerangan. Jadi kita boleh buat banyak lagi sidang-sidang seperti ini.

Mengenai isu kesihatan yang dibangkitkan satu kumpulan dikenali sebagai *Health In Action* telah ditubuhkan baru-baru ini bersama dengan Badan Bukan Kerajaan, Kesihatan Mental dan Persatuan-Persatuan Sukan, bertujuan memberi khidmat nasihat, menyebarkan mesej tentang kepentingan kesihatan dan menawarkan perkhidmatan percuma NGO-NGO ini. Mereka juga membantu menghapuskan stigma terhadap penyakit-penyakit mental seperti tekanan, *depression* melalui aktiviti-aktiviti sukan. Saya cuma mencantumkan kedua-dua bahagian di dalam portfolio saya. Bagi cadangan menubuhkan pusat asuhan TADIKA, TASKA di setiap KADUN pula, kita memang berharap itu akan menjadi kenyataan. Dalam Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang, Kerajaan Negeri ada membuat sasaran untuk membantu penubuhan TASKA atau Pusat Asuhan Kanak-kanak yang menawarkan perkhidmatan yang selamat dan berkualiti dengan kos berpatutan terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan terpinggir.

Dalam Ucapan Belanjawan 2014 Negeri Pulau Pinang dua minggu yang lalu, Y.A.B. Ketua Menteri sudah menyatakan Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan Unit Pembangunan Kanak-kanak di bawah pengurusan Penang Women Development Corporation (PWDC) pada waktu terdekat. Saya percaya dengan adanya Unit tersebut usaha-usaha penubuhan pusat asuhan dan TASKA yang kita harapkan di setiap KADUN akan tercapai dan menjadi satu kejayaan bagi Negeri Pulau Pinang dalam usahanya melabur untuk generasi masa depan. Walau bagaimanapun kita menghadapi cabaran juga kerana mewujudkan pusat-pusat seperti ini bukan murah. Di KOMTAR memakan perbelanjaan RM250,000.00 untuk *set up* sahaja. Untuk *set up* TASKA di KOMTAR sahaja. Jadi kita perlu mempertimbangkan keupayaan kewangan Kerajaan Negeri untuk mencapai tujuan ini. Saya harap Kerajaan Pusat Barisan Nasional boleh memberi sumbangan yang berpatutan untuk menjayakan aspek ini.

Berkenaan isu yang disentuh YB. Berapit, memang betul dengan pernyataan YB. dari Berapit bahawa penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) yang dikelola dan diuruskan oleh Women Centre for Change (WCC) meringankan beban Kerajaan dalam menangani kes-kes keganasan terhadap wanita. MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah juga mengadakan dua (2) dialog bersama Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menangani isu kanak-kanak dan wanita bagi mendapatkan input dan cadangan-cadangan untuk program-program kerjasama ke hadapan. Sambutan kepada dialog yang diadakan amatlah menggalakkan dan wakil-wakil NGO sangat menghargai keterbukaan Kerajaan Negeri untuk bekerja rapat dengan mereka. Untuk isu-isu belia, Kerajaan amat prihatin...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Beri laluan sebelum masuk ke belia. *Sorry* YB. Padang Lalang, pertanyaan saya ialah semenjak TNB menghebahkan dia nak naikkan kadar elektrik sebanyak 15% tahun hadapan, kebanyakan NGO di Pulau Pinang menghadapi kekangan kewangan untuk menjalankan aktiviti atau menjalankan operasi mereka di Pulau Pinang. Saya harap Kerajaan Negeri akan memberi pertolongan kepada mereka dengan sejumlah wang yang tetap setiap tahun untuk menolong menghadapi kekangan kewangan pada masa akan datang pada 2014. Seperti yang saya tunjukkan pada YB. Padang Lalang, seperti kita beri wang kepada WCC untuk menjalankan PPW di Seberang dan satu (1) contoh ialah St. Nicholas. Mereka menolong Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menolong budak-budak yang kurang upaya yang tidak dapat melihat. Tetapi Bajet mereka banyak tinggi. Kegunaan kewangan mereka amat tinggi. Mereka tidak menghadapi kalau kadar elektrik naik 15%. Banyak lagi NGO meminta dengan saya semasa saya menjadi EXCO. Saya pernah membangkitkan perkara ini tetapi tidak ada satu wang yang kita boleh bagi. Saya harap di bajet yang akan datang, YB. Padang Lalang boleh mencari satu jalan untuk menolong mereka sebab ini penting untuk meringankan kerja Kerajaan untuk menolong rakyat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Saya rasa sekiranya NGO-NGO yang menjalankan perkhidmatan seperti PPW saya rasa tidak ada masalah untuk mendapat Bajet beroperasi. St. Nicholas saya tidak tahu sama ada kita ada beri apa-apa perbelanjaan tetapi saya rasa untuk TNB kerana kenaikan tarif *electricity* ini saya harap Barisan nasional atau

TNB boleh prihatin dengan NGO-NGO sosial seperti ini supaya memberikan pengecualian ataupun kadar yang rendah. Lebih rendah ataupun rebat-rebat yang boleh menolong mereka menjalankan aktiviti-aktiviti sosial kerana TNB nak jalankan *corporate responsive*, CSR.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

CSR.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Corporate Social Responsibility. Saya rasa ini boleh jadikan CSR. Kerajaan amat prihatin tentang isu melibatkan pengukuhan persatuan belia dan beliawanis yang dibangkitkan oleh YB. Berapit dan YB. Sungai Dua. Terdapat 23 Persatuan Belia dan Beliawanis Pulau Pinang pada masa ini bernaung di bawah Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP). Program-program yang dilaksanakan termasuklah melibatkan pengukuhan persatuan belia dan beliawanis melalui peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan secara tahunan di mana Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Negeri telah melaksanakan 28 aktiviti dan program sepanjang tahun bagi mengukuhkan pertubuhan belia di samping menarik minat remaja terhadap pertubuhan belia. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang sebanyak RM300,000.00 tahun ini dan tahun lepas juga untuk tujuan ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Pohon penjelasan. Saya cuma nak dapatkan maklumat dari segi Kerajaan Negeri yang bagi kepada Majlis Belia Negeri sebanyak RM300,000.00 setiap tahun. Tiap-tiap tahun begitulah. Bagaimana pula persatuan-persatuan di peringkat cawangan, di peringkat bawahan. Mereka dapat tak ataupun peruntukan itu hanya sekadar daripada Majlis Belia Negeri disalurkan kepada Majlis Belia Daerah. Adakah peruntukan seumpama ini sampai ke bawah lagi kerana di bawah Majlis Belia Daerah ada persatuan-persatuan gabungannya ada 4B, MAYC, TYBC, GBB dan sebagainya ada lagi di peringkat bawahannya. Sebab mungkin kita di pihak atasan kita nampak di peringkat negeri dan daerah sahaja, masih banyak persatuan-persatuan belia di peringkat bawah, di peringkat kecil tidak dapat menjalankan aktiviti kerana tidak ada peruntukan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Bagilah saya habis dulu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ini sudah diulang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ulang tidak apa. Ini pun Padang Lalang banyak wanita-wanita yang dilatih sebagai pemimpin di peringkat bawah belia-belia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Wang ini yang diberikan oleh Majlis Belia Negeri 23 persatuan itu termasuklah 4B, Persatuan Belia 4B. Jadilah terdapat terpulang kepada mereka macam mana mereka menganjurkan aktiviti bersama dengan persatuan-persatuan peringkat daerah. Saya rasa walaupun saya ingin, saya boleh berikan peruntukan kepada semua, saya akan jadi sangat popular. Tapi ini *basically* kita mesti juga bertimbang dengan kemampuan kewangan. Kerajaan Pusat pun tak beri wang kepada semua.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Maksud saya duit itu tak cukup.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang tak cukup.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kita kena jelaskan, makna peruntukan tak cukup. Makna kita gagallah sebenarnya, kena sebutlah *reality*. Persatuan-persatuan Belia di kampung banyak telah tumbuh, banyak telah didaftarkan. Tetapi aktiviti-aktiviti tak dapat jalankan kerana tak dapat pembelaan dan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Ini yang saya sebut, memang dari dulu saya sebut tanya YB. Berapit. Jadi kita sebut dalam kertas, dalam berita, kita telah membantu belia, tapi tak sampai ke peringkat akar umbi, itu maksud saya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya, saya rasa berurusan Kerajaan pun dari peringkat ke peringkat. Bukan senang nak dari satu peringkat sini jaga semua peringkat. Sekiranya ada mana-mana persatuan belia yang ingin nak anjurkan aktiviti dia boleh pohon bantuan dari ADUNnya ataupun di mana-mana. Tidak dapat kita dapat memberikan kepada semuanya. Sebagai membalas...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan YB. Dato' Speaker dan EXCO Padang Lalang. Sebenarnya saya tak setuju apa yang dikatakan oleh YB. Sungai Aceh, gagal. Gagal maksudnya *we are fail at all*, gagal semua, apa pun tak buat, maksudnya gagal. Tapi mungkin kita lihat banyak persatuan belia atau persatuan sukan kampung seperti di kawasan saya. Baru-baru ini kita buat, anjurkan sepak takraw. Pertandingan sepak takraw di Kampung Changkat. Baru-baru ini 20 haribulan saya nak pergi Sungai Udang di KADUN Sungai Aceh mereka buat pertandingan bola keranjang. Mereka minta peruntukan dari saya. Walaupun bukan KADUN saya, tapi saya sendiri nak tolong

kerana kita nak bantu sedikit sebanyak. Kalau boleh bantu kita bantu dan minta mereka cari *sponsor* juga. Minta tolong cari *sponsor*, so kita juga galakkan belia dan sukan dan saya tidak setuju apa perkataan yang digunakan, gagallah. Sememangnya Kerajaan Negeri untuk buat belia dan sukan sejak YB. Lydia yang pegang. *Five years* kita tengok, lima (5) tahun ni kita ada buat belia dan sukan, bukan gagal. Gagal maksudnya tak buat apa langsung, kosong *zero*. Macam mana keputusan *you*, saya dapat markah kosong ataupun *below forty*, fail. Tapi ini bukan fail tapi ini sudah ada seperti YB. Padang Lalang katakan kita kena dari peringkat ke peringkat daerah, kerana saya difahami di peringkat daerah, saya juga sebagai Ahli Jawatankuasa kita adakan jawatankuasa mesyuarat dan kita dapat berunding dengan persatuan-persatuan NGO ataupun persatuan penduduk supaya kita boleh bersama-sama menganjurkan belia dan sukan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Penjelasan, Padang Lalang minta sikit saja, begini, apa yang saya maksud tadi ialah di peringkat bawahan banyak persatuan-persatuan belia yang wujud, yang tak menjalankan aktiviti-aktiviti sepertimana Kerajaan Negeri harapkan, itu maksud saya. Jadi itulah kegagalan kita, kerana tak ada peruntukan. Kalau kita ada duit, ada peruntukan, kita dapat salurkan kepada mereka, mereka dapat jalankan. Soal minta kat ADUN ini bukan setakat persatuan belia macam-macam persatuan minta, kita bagi, tapi kita nak sebut, kata Kerajaan Negeri ini membela persatuan belia, menentukan persatuan belia ini dapat menjalankan tugas kerana tadi disebut jumlah belia kita pun ramai di Negeri Pulau Pinang ini. Terutama di kalangan-kalangan beliaawanis, isu wanita yang kita bincang tadi untuk jadi pemimpin. Kalau kita tak mahu bantu macam mana kita nak bentuk, nak lahirkan mereka sebagai pemimpin.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Untuk memberi sedikit jawapan, kita ada 23 Persatuan Belia dan Beliaawanis di bawah MBN Pulau Pinang. Setiap persatuan ini setiap tahun dari RM300,000.00 itu setiap persatuan diberi RM1,000.00 atau RM2,000.00 untuk mengendalikan persatuan mereka. Duit sampai bila pun tak cukup, tetapi untuk melatih belia untuk menjadi pemimpin melalui aktiviti-aktiviti ini bukan bagi duit saja. Ini adalah budaya Barisan Nasional memang selalunya bagi duit khasnya kepada mereka yang berkaitan dengan Barisan Nasional. Itu adalah cara mereka, tapi kita juga untuk mengutip dana untuk menjalankan aktiviti itu ada satu latihan yang lebih bernilai kepada belia-belia supaya mereka faham, bukan senang dapat dana untuk menjalankan aktiviti. Kalau mereka boleh mengutip dana dan mereka akan tahu bagaimana mereka akan cari dana dan bukan hanya bergantung kepada peruntukan seperti ini sahaja. Saya rasa sudah jelas soalan isu ini, sudah lama...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya nak minta penjelasan lagi. Masa sudah bagi kepada wanita banyak sangat. Tak apalah. Ini pun berkaitan belia wanita. Nak cakap ni.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tambahan. sebab saya bekas EXCO, 2008 kerajaan hanya bagi RM150,000.00 kepada MBNPP tapi semenjak saya menjadi EXCO sudah meningkat kepada RM300,000.00 dari Kerajaan *Federal* hanya RM50,000.00 Sememangnya Kerajaan Negeri sudah bagi *double* kepada MBNPP. Setahu saya kalau NGO-NGO atau belia atau beliawanis mereka ada permintaan, wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat akan menolong mereka sama-sama membuat program. Saya difaham oleh YB. Penanti dia kata, ICU ada peruntukan untuk wakil rakyat di Barisan Nasional dan juga JKKP. Kalau kita punya YB. Sungai Acheh boleh minta pertolongan daripada ICU untuk dapat peruntukan dan juga JKKP. Kalau di Sungai Achehkan banyak belia-belia yang sudah ditubuh dan mereka perlu peruntukan dan boleh juga ditawarkan dari YB. Jawi. Dia memang ingin bekerjasama untuk menolong belia di Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa tak payah lah, duit memang tak cukuplah, sampai esok duit pun tak cukup. Pada masa ini tiada Modul Khusus bagi pembangunan modal insan golongan belia. Walau bagaimanapun, beberapa program bertujuan untuk pembangunan insan dan ekonomi belia telah diadakan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Belia Negeri telah mengadakan program seperti Konvensyen Usahawan Belia Pulau Pinang, Kelas Fotografi, Seminar Pembiayaan Perniagaan Bersama Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB) 2013, Seminar Pendidikan Pengguna dan Seminar Belia Mengenai Isu Keselamatan.

Bagi isu berkaitan Penang Youth Development Corporation (PYDC) yang dibangkitkan oleh YB. Air Itam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini PYDC yang baru ditubuhkan Julai 2013 sedang dalam proses untuk mewujudkan penstrukturan dan perancangan aktiviti/program pada masa hadapan iaitu tahun depan. PYDC akan beroperasi sepenuhnya bermula pada bulan Januari 2014 untuk menyediakan satu *platform* dan memberi khidmat pada golongan belia dalam Negeri Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri sendiri mempengerusikan PYDC ini. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri memang memberi perhatian yang berat kepada belia-belia atau beliawanis di dalam Negeri ini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengadakan sesi Dialog Anak Muda Balik Pulau. Kita nak adakan lebih banyak sesi seperti ini di semua KADUN.

Selaras dengan arah tuju dan dasar Kerajaan Negeri untuk terus memartabatkan kecemerlangan sukan di Negeri Pulau Pinang, MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga pada tahun ini sedang merangka pembentukan sebuah pangkalan data informasi yang mengetengahkan kedudukan dan lokasi semua kemudahan serta gelanggang sukan yang dibangunkan di Negeri Pulau Pinang. Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan agar semua kemudahan beserta gelanggang sukan ini dapat diguna pakai secara menyeluruh dan berpanjangan dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menerapkan amalan serta budaya bersukan ke arah kehidupan yang lebih sihat oleh rakyat Pulau Pinang, yakni seiring dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh YB. Seri Delima dalam memastikan semua tempat riadah dan sukan digunakan sepenuhnya bagi manfaat rakyat.

Jadi sekiranya ada mana-mana kemudahan yang tidak dipakai di dalam kawasan KADUN Yang Berhormat, saya harap boleh beritahu kepada kami supaya kita boleh cari jalan macam mana boleh pakai tempat itu. Sasaran utama Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan sepanjang tahun 2014 adalah untuk mengembangkan pelaksanaan program kesukanan negeri di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang secara sekata dan tidak hanya memberi tumpuan kepada penganjuran program di bahagian Pulau sahaja. Ini adalah untuk memastikan agar setiap rakyat Pulau Pinang mempunyai peluang untuk menyertai acara-acara sukan anjuran Kerajaan Negeri, dan juga memperkenalkan seluruh pelusuk Negeri Pulau Pinang kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian selari dengan usaha untuk pembentukan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya sukan di Malaysia. Selain itu, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan juga berhasrat agar setiap program yang dianjurkan serta dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2014 nanti, akan mampu memberi sumbangan untuk membantu badan-badan berkebakikan di Negeri Pulau Pinang.

Untuk menjawab YB. Machang Bubuk berkaitan perihal atlet paralimpik. Untuk makluman Yang Berhormat, atlet-atlet elit untuk Sukan Paralimpik adalah di bawah kendalian Cawangan Paralimpik, Majlis Sukan Negara Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Cawangan Pembangunan Sukan Minoriti. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tiada bidang kuasa untuk Pengurusan Atlet Paralimpik. Ini memandangkan urusan pengendalian atlet-atlet paralimpik adalah berlainan dari segi teknikal, operasi dan fungsinya serta memerlukan kemahiran spesifik yang berlainan untuk diuruskan berbanding dengan atlet-atlet sukan berprestasi tinggi Negeri Pulau Pinang. Tapi walau bagaimanapun kerana isu ini dibawa oleh YB. Machang Bubuk jadi kita akan mempertimbangkan bagaimana kita boleh memberi bantuan dalam apa cara yang paling sesuai. Di dalam MMK Sukan atau Majlis Sukan Negeri kita akan mewujudkan satu Jawatankuasa Kecil untuk mengkaji apakah cara yang kita boleh membantu atlet seumpama ini. Mungkin kita boleh mewujudkan satu dana khas untuk membantu atlet-atlet seperti ini. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang hanya berperanan untuk menyediakan atlet-atlet negeri bagi di ketengahkan ke Kejohanan Sukan Malaysia yang tertakluk kepada penyertaan di bawah had umur 21 tahun sahaja.

Menjawab cadangan YB. Penanti mengenai ketiadaan kemudahan sukan di kawasan KADUN Penanti dan cadangan untuk membina kemudahan sukan seperti trek larian bagi penggunaan masyarakat semasa penutupan Empangan Mengkuang sehingga 31 Julai 2016, ini pun juga akan diambil perhatian dan sekiranya boleh kemampuan kewangan mengizinkan. Saya rasa Kerajaan Negeri akan memenuhi permintaannya YB. Penanti, tapi pada masa yang sama dekat kawasan Penanti juga ada banyak kemudahan-kemudahan sukan seperti di Padang Sony dan Politeknik Seberang Jaya, ia ada bola jaring. Di SIRIM Permatang Pauh juga ada padang, di UiTM Permatang Pauh, dia ada tenis, memanah, saya tak tahu sama ada padang itu digunakan oleh orang awam atau tidak. Balai bomba PERDA ada padang sepak takraw, jadi kita cari tempat-tempat yang boleh pakai. Saya rasa nanti dalam catitan sini tak ada, adakah saya pun tak dengar sama ada YB. Penanti ada dalam ucapan mengatakan meminta untuk wujudkan sesuatu Jawatankuasa *Gender* dalam ucapan. saya rasa boleh juga ditimbang. Sekiranya kita nak juga semua kita boleh semua ahli boleh sokong, kita boleh adakan satu (1) jawatankuasa seperti itu. Akhir kata saya ingin.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya nak penjelasan. Yang Berhormat. Tadi saya amat tertarik kepada perkara-perkara dan program-program yang disenaraikan mengenai PYDC. *Penang Youth Development Corporation* yang akan dilancarkan pada tahun yang akan datang itu. Sebenarnya saya minta nak tahu jika ada program. Adakah program termasuk *training* ataupun *vocational training* dalam pekerjaan terhadap belia di dalam rancangan kita pada masa depan. Tahun depan itu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Program-program sedang dalam peringkat perancangan. Sekiranya YB. Kebun Bunga ada cadangan boleh sampaikan kepada PYDC. Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak termasuk Jabatan Agensi-agensi Kerajaan, juga NGO-NGO serta komuniti dengan institusi -institusi swasta yang telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program belia, dan sukan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Komuniti demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang. Semoga kerjasama antara kerajaan dan masyarakat sivil akan sentiasa membantu Kerajaan Negeri dalam memperbaiki perkhidmatannya kepada *shareholder* terbesar iaitu rakyat Pulau Pinang. Sekian YB. Dato' Yang di-Pertua saya memohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Batu Maung

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. YB. Dato' Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang hadir pada hari ini. Saya terutama dahulu ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan. Untuk memberi ucapan penggulungan bagi menjawab beberapa persoalan tambahan berkaitan isu-isu portfolio-portfolio iaitu Hal Ehwal Agama Islam dan Dalam Negeri dan juga Hal Ehwal Pengguna. Yang telah dibangkit semasa Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dengan komited dalam pembahasan dan juga ucapan terima kasih saya juga kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah menyampaikan ucapan Bajet pada tahun 2014. Yang bertemakan "Negeri Bertaraf Antarabangsa dan Pintar" yang melibatkan MMK Hal Ehwal Agama, Dalam Negeri, Hak Pengguna yang telah diamanahkan kepada saya. Penekanan belanjawan pada tahun hadapan di atas pentadbiran berteraskan hasil iaitu *outcome base. Outcome base budgeting*, ...(dengan izin) amat disambut baik. dan *insya-Allah* kita berikrar untuk memastikan peruntukan yang disalurkan mematuhi matlamat tersebut.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sepanjang tempoh ini Kerajaan Negeri telah merancang dan melaksanakan beberapa program inovatif dan agresif bagi meningkatkan nilai tambah dan aktiviti perdagangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun banyak yang perlu dipertingkatkan dan diperbaiki di antara pembaharuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah bergerak cergas dan mengaktifkan semula peranan Pulau Pinang dalam kerjasama IMT-GT iaitu Indonesia-Malaysia-Thailand *Growth Triangle* melalui inisiatif dengan menyertai beberapa acara seperti di Thailand, Indonesia, dan juga di Malaysia. Kesemua program yang telah dianjurkan dan disertai ini telah pun memberi peluang dan pendedahan kepada para usahawan di Pulau Pinang terutama sekali untuk menerokai pasaran-pasaran di negeri-negeri tersebut. Kerajaan Negeri telus menyelaras penyertaan usahawan-usahawan yang berpotensi dalam program-program jaringan perdagangan dan pepadanan perniagaan bagi memberi peluang usahawan-usahawan membina rantai perniagaan di peringkat tempatan dan Asia terutamanya.

YB. Dato Yang di-Pertua. Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah kepada *Chief Minister Governess Conference* yang keempat yang telah diadakan pada 21 November 2013 di E&O Hotel dan ini merupakan satu mekanisme bagi memantapkan hubungan di antara *province-province* dan juga negeri-negeri. Objektif utama *4th Chief Minister and Governors' Forum (CMGF) Retreat* adalah untuk memperkukuhkan penyertaan Kerajaan Negeri dan juga *province-province* dan sebagai *stake holders* dalam IMT-GT memantau kemajuan pelaksanaan program dan projek mencari kaedah terbaik untuk menggalak pembangunan sosioekonomi. *CMGF Retreat* telah dihadiri oleh gabenor-gabenor, dan juga Ketua-ketua Menteri, Ketua Menteri Pulau Pinang. Tapi malangnya Ketua-ketua Menteri ataupun Menteri Besar daripada negeri-negeri lain di Malaysia tidak hadir bersama.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memproaktifkan usaha untuk mendapatkan sokongan daripada *Asian Development Bank* iaitu ADB. Dalam beberapa program-program yang telah kita cadangkan kepad IMT-GT. Tapi malangnya ini belum dapat kita teruskan usaha ini oleh sebab beberapa usaha yang diadakan, peraturan-peraturan diadakan oleh pihak ADB. Yang terpaksa melalui pihak EPU. *Penang Trade Event* satu kejayaan ketara yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri untuk memperkemaskan dan menyelaras aktiviti-aktiviti promosi dan pameran perdagangan melalui penjenamaan di bawah program *Penang Trade Event* dan juga sebagai mengambil bahagian dalam *Penang Trade Event* ini kita menamakan mereka sebagai *Penang Trade Event Partner*.

Sebagai makluman kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat *Penang Trade Event Calender 2014* yang telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Menteri 1, pada 23 November 2013. Pelancaran tersebut menandakan tahun kelima program di bawah inisiatif Kerajaan Negeri telah dilaksanakan sejak ia bermula. Sejak pelancaran Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri telah berusaha keras bagi memastikan *Penang Trade Event* menjadi sebuah program pameran perdagangan bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang. *Penang Trade Event* yang dilancarkan pada 2009 telah berjaya menarik 15 acara pada tahun itu.

Walau bagaimanapun seterusnya 2010 kita telah dapat meningkat kepada (40), 2011 (49), 2012 (52), tahun 2013 (58) dan tahun 2014 *insya-Allah* (69). Bersamaan itu juga adalah program dari segi *Meeting, Incentive, Convention* dan Expo. The 4th. Penang International MICE Conference telah diadakan pada 23 November juga di *Four Points Hotel* merupakan penganjuran kali keempat berkenaan dianjurkan dengan jayanya. Kejayaan program ini merupakan *indicator* Pulau Pinang semakin menjadi lokasi program MICE antarabangsa dan juga *regional*. Sehubungan dengan itu, *Penang International Convention Exhibition Bureau (PICEB)* telah ditubuhkan pada 3 Januari 2013. PICEB akan berfungsi untuk membantu Kerajaan Negeri dalam mempromosikan dan memasarkan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE serantau dan juga dunia. PICEB akan menerajui akan diterajui oleh pihak swasta dan disokong oleh Kerajaan Negeri. Cadangan untuk membina Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (MICE), juga telah bermula apabila pihak MMK Perdagangan Dalam Negeri melihat kurangnya pusat ataupun *venue-venue* status antarabangsa yang diadakan di Pulau Pinang.

YB. Dato Yang di-Pertua, sepanjang tempoh ini, Kerajaan Negeri telah merancang melaksanakan beberapa program inovatif dan kreatif untuk meningkat nilai tambah aktiviti perdagangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun banyak yang perlu dipertingkatkan dan diperbaiki. YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Batu Maung. YB. Dato' Speaker, saya nak tanya sama ada Program *Chief Minister and Governness Forum, IMT-GT CMGF* adakah di bawah portfolio YB. Batu Maung? Ya, boleh saya tanya tentang penganjuran *IMT-GT CMGF* yang keempat yang baru dijalankan pada 21 Oktober yang lalu. Bagaimanakah penyertaannya dan diumumkan bahawa ia berjaya, setakat manakah kejayaannya dan apakah hasil yang telah diperolehi ataupun *outcome*. Kerana pada *budget speech* pun ditekankan bahawa ini merupakan *outcome base budgeting* yang jadi kita nak tahu apa hasil.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Telok Ayer Tawar, program IMT-GT, CMGF ini ialah program di bawah EPU, dan dikendalikan oleh pihak UPEN sebagai, Pulau Pinang sebagai tuan rumah. Dan program yang telah diadakan di E&O Hotel ini, ianya ialah program yang keempat yang telah diadakan dan yang lain ketiga itu adalah di Indonesia, di Thailand dan juga di Melaka pada yang ketiga apa ni di Melaka. Dan kalau hendak apa ini, untuk Malaysia kejayaan ini adalah yang agak tidak mungkin kita dapat membentangkan di

Dewan yang mulia ini. Ini sebab ini satu sambungan daripada program IMT-GT secara keseluruhan. Pulau Pinang adalah hanya tuan rumah pada program ini, dan kita menjadi tuan rumah adalah sebab ini adalah *turn* Malaysia iaitu antara Pulau Pinang, Melaka, Perak, Perlis, Kedah dan Selangor. So, Pulau Pinang mengambil inisiatif untuk menjadi tuan rumah. Kejayaannya tidak dapat di *mention* kan di sini *insya-Allah* saya akan minta pihak UPEN dan EPU yang mengendalikan IMT-GT ini untuk menyediakan satu laporan kemajuan untuk saya serahkan kepada YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta izin ye sikit lagi, ini bermakna kos pengendalian kursus ini, program ini ditanggung oleh EPU?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kosnya oleh Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tapi saya ingin bertanya dari segi penyertaan ini, kerana saya dimaklumkan, mungkin tak betul. YB. Batu Maung paling arif. Tak ada pun Menteri Besar ataupun Ketua Menteri negeri-negeri lain dalam Malaysia yang hadir dan kenapa?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini satu soalan yang baik untuk saya jawab. Masalahnya macam ini apabila kita buat di Melaka semua Menteri Besar lain semua hadir, apabila buat bila buat di Pulau Pinang yang hadir yang adalah satu EXCO daripada Kelantan, satu Wakil Rakyat daripada Perlis dan itu sahaja, so ini saya tak tahu. Saya juga telah bercakap dengan pengarah yang bertanggungjawab di EPU, saya kata adakah ini satu sabotaj ataupun sengaja ataupun kerana pada masa itu mereka-mereka ini sibuk tidak dapat hadir. Begitu juga daripada *governor-governor province-province* di Indonesia tetapi yang turun dengan penuhnya adalah dari pihak Thailand kerana apa yang tugas kita di Pulau Pinang ini adalah untuk pihak Ketua Menteri sendiri telah menghantar surat jemputan kepada semua *Governor-governor* dan juga apa ni Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar. Jemputan rasmi dikeluarkan oleh Ketua Menteri sendiri dan urusan yang lain dijalankan oleh pihak EPU, EPU dan di Pulau Pinang *Secretariat* mengendalikan acara itu adalah oleh pihak UPEN.

Alhamdulillah saya ingin memberi tahniah kepada pihak UPEN yang telah mengendalikan program dari mula hingga akhir dengan licin dan baik. *Alhamdulillah* pihak (ADB) *Asian Development Bank* telah dapat memberi taklimat-taklimat yang baik untuk kita mengadakan program-program, tapi malangnya seperti Melaka dan juga beberapa negeri yang lain dapat keutamaan daripada Pihak EPU. Ini sebabnya tiga (3) tahun yang lepas pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berusaha sendiri untuk pergi ke Manila, berjumpa dengan ADB sendiri untuk bincang dan kita telah berusaha pihak EPU berusaha untuk menyediakan tak kurang enam (6) tujuh (7) projek daripada *green* nya, daripada *environmental* nya, daripada halal, pendidikan sebagai projek-projek serantau untuk dibentang untuk pihak ADB menyokong dan memberi sumber

pembiayaan tapi malangnya pihak ADB apabila mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur pada tahun lepas ataupun awal tahun ini dinyatakan yang segala program-program, cadangan-cadangan ini terpaksa melalui EPU. Oleh sebab itu, mereka mencadangkan supaya kami mengadakan perbincangan dengan Dato' Seri Idris Jala, Menteri pada masa itu, tapi oleh sebab pilihan raya pada bulan Mei tidak sempat kami adakah perbincangan, tapi *insha-Allah* baru-baru ini kita mengadakan perbincangan lagi dengan ADB, kita meminta supaya ADB dapat bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan perbincangan projek-projek yang dicadangkan. Ini yang mana menjadi *priority* projek di ADB untuk IMT-GT supaya kita kata biar kita bincang usahakan dan akhir sekali baru pergi kepada EPU untuk mendapat kelulusan, kalau pergi dulu dia akan sangkut di EPU. So ini saya rasa pihak Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mengadakan perbincangan mesyuarat dengan menteri-menteri yang berkenaan supaya dapat kita dapat teruskan menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Pendidikan Serantau IMT-GT, menjadikan Pulau Pinang *Green City*, mendapat pembiayaan daripada ADB, menjadikan Pulau Pinang sebagai Hub Halal untuk serantau ini supaya dapat *facilitate* benda-benda yang tak dapat dilakukan diadakan di Thailand dan Indonesia dan sebagainya. *Insya-Allah* kita berharap dengan tekanan dan kekangan yang ada ini kita dapat memecah dengan cara proaktif sepertimana apa *Project Tunnel* dan sebagainya di mana kita sungguhpun kita tak dapat pembiayaan daripada Pusat, kita masih lagi proaktif untuk buat sendiri dengan sumbangan dan bantuan. Kita sangat berharap ADB dapat membantu dalam usaha ini *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan terus bergiat untuk mempergiatkan dasar-dasar dalam membela dan melestarikan Pembangunan Kontraktor-kontraktor Kelas G1, dahulunya dikenali sebagai Kontraktor Kelas F yang semuanya Bumiputera di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Majlis Perundingan Kontraktor Kelas F ataupun G1 sejak tiga (3) tahun yang lepas dan telah menterjemahkan melalui peruntukan dan pengagihan projek-projek secara telus dan mampan kepada Kontraktor-kontraktor ini. Berdasarkan rekod Sistem e-perolehan, pemberian projek-projek kepada Kontraktor-kontraktor kelas G1 sentiasa dipertingkatkan dari tahun ke tahun, *Alhamdulillah* apabila kita mula menubuhkan Majlis Perundingan Kontraktor Kelas F ini. Pada tahun 2010 peruntukannya yang telah kita rekod, yang telah kita dapat adakan RM38.5 juta. Pada tahun 2011 65.8 juta. Tahun 2012 RM72.8 juta dan *Alhamdulillah* sehingga bulan Oktober 2013 sudah pun meningkat kepada RM73.3 juta.

Majlis Perundingan Kontraktor Kelas G1 Negeri Pulau Pinang berperanan juga untuk menyediakan satu platform bagi membuka meja rundingan yang membolehkan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi dan Kontraktor kelas G1 duduk semeja untuk mengkaji, menilai kelemahan dan kekuatan masing-masing secara dua hala. Kerajaan Negeri pula bertindak sebagai *medium* untuk memastikan rundingan ini diberi nilai tambah kepada mereka Jabatan dan Agensi yang berkenaan. Selain daripada itu Majlis Rundingan juga sentiasa mengkaji, mencari jalan untuk mempertingkatkan mutu kerja dan kualiti prestasi kontraktor kelas G1. Di antara usaha yang telah dilakukan adalah mengadakan bengkel-bengkel latihan dan juga kursus-kursus dan juga usaha untuk menembusi Pasaran Konservasi Warisan, ini yang kita dapati yang kontraktor kelas F atau G1 ini tidak dapat menceburi dalam usaha ini oleh sebab *very specialise*. Oleh demikian apa Yang Berhormat apa Yang di-Pertua kita telah mengadakan bengkel-bengkel untuk membawa Kontraktor-kontraktor kelas G1 ataupun kelas F ini untuk menerokai bidang Konservasi Warisan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pembangunan Industri Halal. Industri Halal merupakan Industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi tinggi yang dapat kita terokai, dengan anggaran lebih 2.1 bilion pengguna Muslim yang meliputi seluruh dunia dan nilai pasaran yang semakin meningkat yang dapat kita catat yang dapat dilihat adalah 2.3 trilion US. Kesan permintaan terhadap produk dan permintaan halal adalah sangat memberangsangkan sekarang ini halal sudah pun menjadi satu *global brand* yang dapat diterima oleh semua pengguna tidak kira agama. Usaha Kerajaan Negeri membangunkan industri halal melalui penubuhan Halal Penang sejak 2008 dalam sudah pun lima (5) tahun Kerajaan Negeri telah berjaya menjenamakan dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai Hub Halal Antarabangsa. Sejak penubuhannya Halal Hub Penang telah berjaya membina jaringan perdagangan yang baik dengan beberapa buah negara di dunia. Usaha promosi dan penjenamaan Kerajaan Negeri selama empat (4) tahun ini telah membuahkan hasil, hasilnya adalah merupakan Agensi Kerajaan yang diiktiraf selain daripada Malaysia sebagai Hub Halal Antarabangsa, Pulau Pinang adalah Negeri yang akan *mention* dalam apa-apa usaha Halal di dunia. Tambahan pula Kerajaan Negeri dan Halal Penang banyak menerima jemputan untuk menghadiri persidangan dan juga program-program antarabangsa.

Selain daripada itu Taman Industri Halal Pulau Pinang (TPHPP) yang diwujudkan sejak 2008 berjaya menarik pelaburan daripada sepuluh (10) syarikat dan nilai pelaburannya adalah RM482.2 juta iaitu dekat $\frac{1}{2}$ bilion dengan tanah seluas 53.97 hektar di mana dua buah syarikat telah siap pembinaannya dan sedang dalam proses pengeluaran dan akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Januari 2014 dan dua (2) buah syarikat lagi sudah pun bermula pembinaannya dan dijangka siap 2015, enam (6) buah syarikat lagi pembinaan dalam tahun 2014 *insya-Allah*. Halal Penang turut menerima 13 lagi permohonan, 13 lagi permohonan tanah perindustrian yang baru berjumlah jumlah syarikat yang *on waiting list* ini adalah RM114.38 juta yang masih tertunggak disebabkan tanah perindustrian halal yang *balance* 47 hektar masih belum siap untuk dimasuki pelabur. Halal Penang juga telah memohon 100 hektar lagi daripada pihak PDC untuk dijadikan Fasa Kedua.

Dari aspek memperkasakan integriti dan persijilan Halal, Halal Penang dengan kerjasama dengan bahagian pengurusan halal telah berjaya meningkatkan penambahan jumlah syarikat halal daripada 55 buah syarikat 2008 kepada 579 sehingga November 2013. Iaitu satu peningkatan 953% melalui penganjuran *Outreach Program*. Malahan pada tahun ini Halal Penang dengan Bahagian Pengurusan Halal telah mengaudit dan menganugerahkan Sijil Halal kepada tiga (3) buah syarikat di Belgium baru-baru ini. Pendekatan yang diambil oleh Halal Penang dengan kerjasama bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan JAKIM adalah berbeza dengan agresifnya kerana turut memfokuskan kepada *franchise-franchise* ataupun restoran-restoran yang mempunyai *outlet*. Kita telah berjaya untuk memberi pengiktirafan halal pada *Subway* iaitu sepuluh(10) *outlets* dan *Old Town White Coffee* 16 *outlets*. ...(gangguan). Sehingga Ogos tahun ini, Syarikat-syarikat Nasi Kandar juga telah dapat kita memberi pengiktirafan Halal iaitu lima (5) buah rangkaian yang bermula dengan Nasi Kandar, Nashmir, Pelita dan seterusnya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Batu Maung, cakap tentang isu halal ini dalam soalan saya yang dijawab oleh Ahli Batu Maung, kita di Pulau Pinang ada lebih dari 200 buah hotel, tetapi dalam senarai yang diberikan kepada saya hotel-hotel yang mempunyai sijil halal hanya 31, ini bermakna begitu banyak lagi hotel-hotel yang wujud di Negeri Pulau Pinang yang dikunjungi, dilanggni oleh orang-orang Islam tidak mempunyai sijil halal jadi apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan orang Islam ini dapat makan di kawasan yang sempurna yang halal.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih di atas soalan itu, kita bermula dengan lapan (8) buah hotel pada 2008 dan sekarang telah mencecah kepada 31 hotel. Masalah persijilan ini, bukan masalah, perkara persijilan halal ini ialah perkara di mana pihak *Outlets* itu, pihak restoran itu, pihak hotel itu yang terpaksa memohon sebab itulah sejak Penubuhan Halal Penang kita telah berjaya mengadakan pelbagai *Program Outreach* satu (1). Yang kedua kita menjenamakan Bahagian Pengurusan Halal ini ataupun dulunya sebahagian dari JAIP menjadi Bahagian Pengurusan Halal dan mempunyai objektif ataupun dia punya slogan iaitu "Agresif, Kondusif dan Persuasif".

Agresif ini adalah kita keluar mempromosikan seperti cadangan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, kita keluar mempromosikan, kita adakan perbincangan dengan MAH iaitu Persatuan Hotel sehingga pada tahun 2009 kita telah mula mengadakan satu (1) peraturan iaitu hotel-hotel yang tidak mempunyai persijilan halal tidak dapat mempromosikan Ramadan *Buffet* ataupun buka puasa dan sebagainya. So 2010 dan 2011 kita mula mengambil tindakan di bawah Akta Kementerian Hal Ehwal Pengguna dan juga Akta PBT supaya kita ambil tindakan dan *Alhamdulillah* 2011 sudah mula hotel-hotel yang tidak mempunyai sijil halal tidak dapat mempromosikan program-program ini.

Kita tahu yang kalau lain-lain masanya, kita tak dapat *implement* ataupun tidak dapat paksa mereka memohon sijil halal. Tapi pada bulan puasa ataupun program-program Islam, kita dapat memberi satu (1) peraturan. Yang kedua, adalah kondusif apabila kita sudah *aggressive* mengendalikan *outreach* dan *marketing* dalam segi terminologinya kita kena kondusif iaitu pihak Bahagian Pengurusan Halal kenalah menjadi *efficient so that* kalau menu, 100 menu, 100 item menu, kalau pecah dengan *ingredient* dia sudah menjadi ribuan ribuan *ingredient*, kalau dah buat kena *efficient*, itu kondusif. Last sekali, *persuasive*. *Persuasive* ini masalah, oleh sebab ada syarikat-syarikat Melayu, restoran-restoran nasi kandar, memang orang Islam, tapi dia kata buat apa saya nak ambil sijil halal. Sebab itulah apabila isu masalah restoran yang bersih dan sebagainya timbul, ini adalah satu perkara yang mustahak. Kita mengatakan yang bukan setakat halal tapi dia kena *toyyib*, ataupun *toyyiban*. Iaitu kena bersih, kena baik, kena kesihatannya, *I mean* dia punya rencah-rencahnya, ataupun *ingredient-ingredient* nya tidak orang kata apa *harmful* apa ni *human being*. So, ini adalah usaha kita, *insya-Allah*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Batu Maung. Masalahnya kepada kita di sini, masyarakat Islam, orang-orang Islam mungkin kurang sedar bahawa setengah-setengah restoran, setengah-setengah hotel ni tak ada sijil halal. Dan selalunya bila kata hotel tu, mereka ambil anggapan bahawa dia punya restoran itu halal. Ini *perception* orang ramai. Jadi masalah ni akan timbul kerana dari 200 lebih baru 31 yang ada sijil halal. Boleh tak Batu Maung selaku EXCO Agama di sini mengambil *proactive measures* ...(dengan izin) panggil semua yang 200 itu, tolak 31, terang pada mereka kenapa perlu sijil kerana mereka mengharapkan langganan orang-orang Islam juga. Terima kasih... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini, ini ialah usaha kita. Satu kita sudah buat perjumpaan dan dialog untuk kerana depa pun tak faham kadang-kadang. Apa dia itu sijil halal. Yang kedua adalah kita buat *outreach program* dan yang ketiga ini yang kita orang kata apa kita bagi *carrot* kepada mereka iaitu 2012. Kita telah mengeluarkan, terbitkan Muslim Travel Guide, dan Muslim Travel Guide ini kita senaraikan senarai syarikat-syarikat, restoran-restoran, hotel-hotel yang diiktiraf sebagai halal. Seperti kata, cadangan YB. Telok Ayer Tawar, ini adalah satu cara di mana kita bagi tahu dia orang, kita akan mempromosikan restoran-restoran dan hotel-hotel halal ini untuk pelancong-pelancong Islam. So, kalau nak masuk dalam ini kena daftar, kena mohon persijilan. Sebab itu pada *volume* kedua yang kita akan terbitkan YB. Yang di-Pertua, kita akan mula proses pada tahun ini dan *insya-Allah* kita akan *launch* nya di Dubai, Arab Travel Mart di Dubai. Ini adalah perkara yang akan memberi rangsangan bagi syarikat-syarikat dan hotel ini. Yang satu perkara lagi adalah kerjasama dengan pihak *Tourism Malaysia* ataupun Kementerian Pelancongan dalam Tahun Melawat Malaysia. So, pihak Kementerian Pelancongan telah pun *approach* kita untuk *digitalis* kan Muslim Travel Guide ini di dalam program, dalam *website* mereka. So, ini adalah usaha supaya pihak-pihak restoran dan hotel-hotel akan mendapat rangsangan untuk memohon sijil halal. Sila Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih YB. daripada Batu Maung. Saya nak minta kalau boleh Yang Berhormat bagi pada kita hotel-hotel yang bertaraf lima (5) bintang, empat (4) bintang, tiga (3) bintang, dua (2) bintang, satu (1) bintang yang mana tidak ada sijil halal. Dan perkara ini kita boleh edarkan ketika khutbah Jumaat ataupun kita edarkan di masjid-masjid supaya semua pihak sedar kita tidak boleh hanya melibatkan pengunjung untuk faham yang hotel-hotel ini tidak ada sijil-sijil halal ini. Sebab pemakanan dalam Islam amat sangat penting. Saya harap, kalau boleh diberikan nama-nama hotel ini kita tampal di seluruh masjid di Pulau Pinang supaya semua orang sedar, hotel ini tidak ada, hotel ini tidak ada supaya benda jadi *guideline* pada mereka. Baru ada *impact*.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu cadangan yang baik. *Insya-Allah* kita akan melaksanakan...(gangguan). Pihak Penaga bangkit dulu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Telok Bahang, tetapi saya ingin mencadangkan supaya lebih daripada itu iaitu tadi Telok Bahang hanya menyebut tentang hotel-hotel yang mendapat sijil halal, yang tidak dapat sijil halal, hotel mana. Bagi saya kalau kita boleh perluaskan kepada restoran-restoran. Mungkin kalau kita nak kata restoran-restoran yang tak dapat sijil halal mungkin terlalu banyak. Mungkin kita hanya nyatakan dalam senarai yang dicadangkan untuk diedarkan, restoran-restoran yang mendapat sijil halal dan saya rasa ini boleh membantu, boleh membantu orang Islam khususnya di Pulau Pinang dan juga pelancong-pelancong Islam sama ada daripada Negeri-negeri lain di Malaysia yang datang ke Pulau Pinang. Saya juga ada soalan yang saya ingin bertanya iaitu apakah badan yang diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil halal khasnya untuk Pulau Pinang. Yang kedua, berapa banyak ataupun jumlah sijil halal yang telah dikeluarkan khususnya untuk restoran, hotel dan sebagainya di Pulau Pinang sekiranya ada. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih Penaga. Cadangan yang pertama itu boleh kita lihat dan melihat cara mana untuk kita mengendalikan. Di Pulau Pinang sepertimana yang saya telah sebut tadi iaitu bermula pada 2008 mempunyai 55 syarikat yang mempunyai sijil halal, dia sudah meningkat kepada 579 sehingga November 2013 iaitu peningkatan 953%. Tentang kuasa pemberian sijil halal, dia sudah pun orang kata *devote* Yang Berhormat, apa ni Yang di-Pertua sudah *devote* daripada dulu sampai ke sekarang ni dah masuk dua (2), tiga (3) apa orang kata *period* dah. Sekarang ini yang telah *practise* sekarang adalah JAKIM. JAKIM ialah *authority* yang mengeluarkan pensijilan halal melalui setiap Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia ini.

Di Pulau Pinang kita ada satu pembaharuan dan juga struktur untuk kita melihat keberkesanannya bahagian di dalam Jabatan Agama Islam itu dinamakan sebagai Bahagian Pengurusan Halal. *That's Mean, One Stop Halal Certification Centre ...* (dengan izin) dan ini adalah bahagian yang menerima secara *online*, menerima permohonan halal, memprosesnya dan di Pulau Pinang ini di bawah kuasa Majlis Agama Islam ada satu panel, panel *approval*, panel untuk mengendalikan proses, bukan proses, *approval* halal ni dan panel ini akan bermesyuarat setiap bulan sekali kalau kita tengok soalan yang diajukan iaitu jawatankuasa yang mengadakan mesyuarat-mesyuarat di Majlis Agama Islam di antara jawatankuasa yang paling banyak adakan mesyuarat adalah panel pensijilan halal dan panel ini yang akan meluluskan. Setelah panel ini meluluskan, pihak jabatan akan *key in* balik dan sijilnya akan dikeluarkan oleh JAKIM. Di Malaysia ini hanya mempunyai satu saja *certificate* iaitu daripada JAKIM. Dua (2) tahun yang lepas mempunyai 13 bentuk *certificate* tapi dua (2) tahun yang kebelakangan ini kita telah satukan menjadi satu (1) saja. *Insyallah* JAKIM sedang berusaha untuk mengadakan *security printer*. *Security printer* iaitu JAKIM akan *counter printing* nya dan seterusnya akan dapat *print* daripada Negeri-negeri yang berkenaan, tetapi *certificate* yang sama *number control* oleh sana. SOP sama juga, syaratnya sama di seluruh Malaysia. Dan ini bukan kata kalau di sini tak dapat, dia pergi di Selangor boleh dapat, bukan. *That's mean* ia sama. *So*, kalau *apply* di mana pun dia akan dapat daripada...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh bagi laluan saya dulu. Sebab ada sambungan daripada soalan yang saya nak tanya seterusnya. Terima kasih Batu Maung dan terima kasih kepada Bertam kerana beri laluan kepada saya, terima kasih YB. Dato' Speaker. Ya, daripada jumlah yang disebutkan tadi saya dapati jumlahnya setakat hari ini 579 sijil halal telah dikeluarkan, betul? Syarikat, maknanya ini termasuk restoran-restoran dan hote-hotel. Saya sebenarnya dalam soalan bertulis saya kepada Yang Berhormat, saya merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara. Jadi di dalam Laporan Audit Negara ke atas Jabatan Agama Islam mendapati beberapa kelemahan di antaranya pemantauan terhadap premis yang mendapat sijil halal tidak...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Penaga, untuk memendekkan masa, saya akan menjawab.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Bagi, bagi saya seminit. Ada, ada. Pemantauan tidak dilaksanakan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah terhad. Isunya bagi saya disebabkan saya nampak di sini lebih kurang dikatakan 579 premis telah dikeluarkan sijil halal, tetapi isu pemantauan, isu pelaksanaan ini saya rasa amat penting sekali untuk memastikan halal itu berterusan. Kita tak mahu hanya mengeluarkan sijil halal tetapi selepas itu tak halal. Ini yang amat dibimbangi oleh masyarakat Islam. Jadi saya nampak daripada sini ada tindakan-tindakan yang diambil seperti jawapan yang diberi seperti pada tahun ini sehingga Oktober 2013 sebanyak 83 premis pemegang sijil halal sedia ada telah diperiksa dan daripada jumlah itu sebanyak 16 buah premis telah diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Saya nampak ini ada masalah sikit dari segi penguatkuasaan, sebab saya nampak, kalau saya boleh tanya soalan seterusnya berapa orang kakitangan penguatkuasa yang Jabatan Agama Islam ada untuk memastikan bahawa makanan-makanan yang dibekalkan khususnya untuk orang-orang Islam ini betul-betul halal dan *toyyiban*. Bagi orang Islam saya rasa semua orang setuju ini adalah amat penting sekali dan dengan orang kata apa pemantauan dan penguatkuasaan yang begitu rapi akan memastikan makanan yang kita dapat itu daripada restoran-restoran ataupun daripada tempat-tempat yang telah keluaran sijil halal itu, orang kata apa akan memuaskan hati kita semua. Jadi saya minta penerangan sikit daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kuasa-kuasa YB. Dato' Yang di-Pertua, kuasa *enforcement* ataupun pelaksanaan ini ialah kuasa terletak pada tiga (3) *department*. Satu, Jabatan Agama Islam sendiri. Kedua adalah pihak PBT. Ketiga adalah pihak KPDNKK ataupun di bawah Akta Perihal Dagangan. So, saya akan bagi *detail* sekejap lagi iaitu pihak KPDNKK yang ataupun pihak kementerian yang telah mengadakan satu *amendment* kepada akta pada tahun 2012, di mana pihak syarikat-syarikat, restoran-restoran dan *outlet-outlet* ini tidak boleh mempamerkan perkataan halal pun tak boleh pamer. Tak boleh boh halal restoran, muslim restoran, tak boleh. So, kita tak mau bagi ada kekeliruan dan juga tak boleh kalau ada restoran yang nak bubuh bukan restoran

orang Islam, bubuh ayat-ayat *al-Quran* besar-besar dan sebagainya. Kuasa ini telah sedang diperturunkan daripada kementerian kepada penguatkuasa Jabatan Agama Islam. So, apa yang sedang dilakukan pemantauan dan juga pelaksanaan pensijilan halal dan seterusnya boleh dijalankan oleh tiga (3) agensi ini dan kuasa untuk mendakwa adalah di bawah dua (2) agensi untuk pensijilan halal iaitu KPDNKK di bawah akta perihal dagangan dan juga di bawah akta dalam Jabatan Agama Islam. Sungguhpun saya setuju, ia memang tak mungkin kita mendapat mencukupi penguatkuasaan kita dan sebagainya. Sebab itu juga kita mensyaratkan supaya syarikat-syarikat besar yang mempunyai dia punya *guideline*, mesti mempunyai satu pekerja Islam yang dapat sijil halal mesti ada pekerja Islam.

Yang kedua, kalau syarikat itu besar, *factory* yang besar mesti ada halal *officer*. Kalau syarikat itu lagi besar, dia ada dia punya *guideline* dia, mesti ada halal *committee* macam syariah *committee* dalam bank. Sekarang ini Pulau Pinang telah menerajui satu usaha yang baru. Iaitu untuk kita melatih halal *auditors*, halal *auditors* di mana sebagai macam profesional *auditors* dan akauntan dan sebagainya, di mana kita yang mensijilkan halal *auditors* ini dan syarikat-syarikat boleh *employ* depa dan apabila kalau syarikat itu sendiri ada halal *auditors* yang duduk dalam itu, ataupun halal *committee* yang ada di kilang itu ataupun halal *officer* yang akan menjadi *the first level* untuk memastikan yang syarikat-syarikat ini dapat kekal ataupun memastikan apa yang mereka lakukan ini adalah halal. Selain daripada itu, kita sedang berusaha dengan pihak JAKIM supaya kita dapat memperkemaskan, memperbaiki, yang mustahak bagi kita adalah integriti pensijilan itu. Kalau kita tak jaga, maka sijil banyak-banyak pun tak guna. Orang dah tak mahu percaya dah sijil kita. Sebab itu, itu adalah objektif, *priority* kita yang utama untuk memastikan yang integriti pensijilan kita itu adalah dapat dihormati. Sila Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih Batu Maung dan juga Dato' Speaker, saya cuma nak lontarkan satu pandangan, nak berkongsi kalau boleh nak dapat persetujuan daripada YB. EXCO Agama berkenaan dengan *brochure tourism* kita ni, dan selalunya bila kita ada *tourists map* kita juga ada *food outlet* dan kita juga ada *list*. Semalam bila saya dapat yang untuk Seberang Perai kita nampak banyak restoran kat sini, cuma kita tak klasifikasikan adakah restoran itu halal atau tidak. Kita cuma letak di sini, *Chinese outlet*, *Indian outlet*. Jadi saya rasa saya takut dia mengelirukan. Itu sahaja. Jadi saya minta ia diklasifikasikan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita sepertimana yang saya kata Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita ada *Muslim travel guide*, dan kita *update* untuk *volume* kedua sekarang dan sebagainya. Tapi atas cadangan Yang Berhormat Bertam, saya akan bincang dengan EXCO Pelancongan supaya setiap itu kalau ada halal, bubuh halal dan sebagainya. Tanda halal tu kerana *Muslim travel guide* mungkin kepada untuk *oversea* punya orang, pasai orang Perak, orang Kelantan mai depa tak mahu ambil itu. Tapi ini macam nak pergi *heritage trail* dan sebagainya, mereka mungkin ambil dan apabila *food outlet* ada di situ, saya akan bincang supaya *edition* yang, *printing* yang seterusnya, kita masuk perkataan halal kepada *outlet* mana yang mempunyai sijil halal. Boleh saya teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya nampak isu ini, isu asasnya kita pihak Yang Berhormat dengan pihak pengusaha yang sedar benda ini. Pihak pengusaha dia tahu yang sedia ada dan pihak Yang Berhormat pun tahu di bidang ini. Tapi, yang isu dia pengunjung ini, maklumat ini, kalau kita nak berhubung daripada, bagi *pamphlet*, bagi ni saya rasa kita kena buat kajian yang lebih mendalam ataupun kita boleh membuat hebahan radio ataupun menyatakan hotel ini, restoran itu tidak halal atau kita belanja sikit wang untuk buat hebahan melalui radio seminggu sekali ka, tiga kali baru kita *create awareness*.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Alright, that you see, yang mustahak adalah *certificate halal*, *certificate* halal ni dipamerkan dalam *outlet* itu. Okay, dan saya ambil cadangan Bertam tadi, cadangan Telok Bahang tadi, bolehlah kita adakan *list* untuk katalah senarai hotel, 31 itu. Tapi kalau nak kata *food outlet*, mungkin banyak makanan dan sebagainya dan juga benda ini, apa dia, apa ini, dia *move, that means* hari ini, esok, bulan depan boleh ditambah 10 lagi. *Maybe* lepas persidangan ini tambah 100 lagi hotel dan restoran depa dengar dan tak berminat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, saya rasa macam nilah, sebagai contoh, tak semua restoran kecil ini akan memohon sijil, tapi kita faham orang Islam, orang Melayu, yang mana restoran Melayu kita tak payah *certified* pun tak apa dah. Cuma restoran Chinese *outlet* ini kena, ada Chinese *outlet* yang halal. Ada Chinese *outlet* yang tidak halal.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Inilah sebabnya kita ada yang ketiga, *point* yang ketiga kita nakkan supaya restoran orang Islam pun juga adakan sijil halal. Oleh sebab kita tak mahu satu pengusaha datang, yang bukan Islam yang *employ* orang-orang bukan Islam dan sebagainya, dapat *impression* sebagai syarikat Islam, orang pergi tapi bahan dia, boleh jadi ayam yang dia sembelih, bahan dia, kicap dia, dia punya yang guna *alcoholic content* yang lebih dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita nak cuba selaraskan, selarikan. Syarikat tom yam pun, restoran tom yam pun, kita nak pi *persuade* depa, supaya *apply* pensijilan halal. Ramai orang kata susah, kita kata tak apa, kita boleh permudahkan dalam segi, *for example*, pengusaha katerer, katerer dia buat kat rumah, dia tak dak *industrial kitchen*, tapi yang mustahak ialah *kitchen* dia itu tidak boleh masuk lipas, tidak boleh masuk tikus, cuci dan sebagainya. So itu juga kita boleh usaha untuk membantu beliau, tang mana yang memperbaiki *kitchen* dia supaya dia boleh dapat pensijilan halal, kerana Kerajaan Negeri kita ada *strict rule*, *caterer* yang ada sijil halal saja yang kita akan guna dalam acara-acara rasmi kita. So, oleh sebab itu, kita nak selarikan. Syarikat orang Islam atau bukan orang Islam. Dia kalau ada sijil halal, baru kita boleh kata dia halal, *insya-Allah*.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Sikit lagi, sedikit lagi boleh tak. Tadi saya bertanya tadi berkaitan dengan penguatkuasaan, bagi saya penguatkuasaan ini amat penting sekali sebab kita sering kali kita baca dalam surat khabar, di mana produk-produk yang dikeluarkan oleh satu syarikat itu didapati tidak halal. Atau pun restoran-restoran yang berjenama menjual barang yang dikhuatiri tidak halal. Jadi bagi saya, penguatkuasaan itu amat penting sekali dan saya tanya tadi jumlah kakitangan yang terlibat dalam penguatkuasaan di Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan sijil ataupun nak memastikan makanan itu halal. Boleh tak Yang Berhormat berikan jumlahnya? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Paragraph itu saya akan katakan, boleh jadi saya tidak dapat *figure* jumlah penguat kuasa. Tapi saya akan bincangkan. Boleh saya teruskan? Bagi industri pelancongan dan hospitaliti pula, Halal Penang dengan kerjasama *Penang Tourism* dan EXCO Pelancongan telah memulakan inisiatif untuk menerbitkan panduan *experience Penang Muslim travel guide*, MTG dengan memuatkan informasi seperti restoran premis makanan halal, hotel, destinasi tarikan pelancong di dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab untuk menggalakkan pelancongan Pulau Pinang dari terutama sekali Timur Tengah. Tambahan pula, Halal Penang sedang berusaha untuk menerbitkan MTG ataupun *Muslim Travel Guide Volume* kedua versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang akan dilancarkan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan *insya-Allah*, di Arab Travel Mart di Dubai nanti, dan juga kita akan minta supaya di *centralise* kan dan di *apps* kan untuk diterbitkan di dalam *Visit Malaysia Year*. Bagi membangunkan industri perhotelan di Pulau Pinang, Halal Penang telah memeterai dua MOU satu bersama syarikat Al-Jawhara Group Hotel dan Apartment dan *Caprice* iaitu daripada United Arab Emirates, dan juga *Caprice Gold Group* daripada Turki bagi membangunkan industri pelancongan dan hospitaliti. Di mana Al-Jawhara dan *Caprice* adalah akan bertindak sebagai rujukan kotak utama dan juga melabur di Negeri Pulau Pinang. Hasil daripada MOU itu, Halal Penang sedang bekerjasama dengan *Caprice* dari Turki untuk mewujudkan satu usaha untuk mempromosikan *crescent rating*, *rating star* ada yang telah dimulakan di Malaysia iaitu *crescent rating* kepada syarikat hotel-hotel syariah korporat. Halal penang dengan kerjasama MATTA dan Yayasan Islam Pulau Pinang dan juga Penang Global Tourism dan EXCO Pelancongan, sedang mengambil inisiatif untuk membangunkan modul, *Islamic tour guide module*. Ini untuk melatih pemandu-pemandu pelancong dalam *Islamic tour* ataupun *Muslim travel guide*.

Peningkatan umat Islam yang berinformatif dan bijak membuat pilihan serta di merata dunia pasti permintaan dan tuntutan untuk dibekalkan dengan produk farmaseutikal halal menjadi utama. Oleh yang demikian, halal Penang dengan kerjasama ibu pejabat Kuwait Finance House telah mengambil inisiatif untuk menterjemahkan buku panduan Bahasa Inggeris, *halal index volume 1 Pig Based Pharmaceuticals*, iaitu buku yang memuatkan informasi mengenai ubat-ubat yang bersumberkan khinzir ke Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia untuk rujukan dan panduan.

Dato' Yang di-Pertua, ingin saya panjangkan ucapan saya dalam aspek Hal Ehwal Agama Islam. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memartabatkan Islam dengan meneruskan dasar dan program yang sedia ada. Kesungguhan ini telah diterjemahkan melalui pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang memperuntukkan RM51.17 juta di mana RM11.17 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan Institusi Masjid, Surau dan Institusi Pendidikan seperti KITAB, Sekolah Agama Rakyat dan sebagainya. Usaha memperbaharui sebelum ini, adalah seperti penubuhan majlis syura sudahpun masuk tahun ketiga dan juga Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang. Penubuhan Yayasan Islam sudah masuk tahun kedua dan beberapa *approach* seperti memberi pengiktirafan kepada para huffaz dengan berhasrat untuk melahirkan satu (1) keluarga satu (1) hafiz, sambutan bulan-bulan Al-Quran untuk menerapkan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai satu (1) gaya hidup orang-orang Islam di Pulau Pinang dan program-program lain.

Sejak 2008, pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam telah menerima pelbagai perubahan sama ada dari aspek pembangunan fizikal mahupun pembangunan modal insan. Ini selaras dengan pertambahan peruntukan pembangunan dan mengurus yang dan secara amnya meningkat dari tahun ke tahun. Penubuhan Yayasan Islam Pulau Pinang untuk menjadi satu (1) komplemen agensi kepada Jabatan Agama Islam dan MAIPP telah menghasilkan beberapa projek yang sedang dalam pelaksanaan, di antaranya adalah Sekolah Islam Antarabangsa, Hospital Islam Pulau Pinang dan juga sedang menerajui beberapa aspek di dalam pendidikan ekonomi kesihatan dan pelancongan.

Pembangunan masjid dan surau. Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk memantapkan pentadbiran kariah dan masjid agar institusi masjid dapat diimarahkan sebagai pusat pembangunan ummah. Dengan tujuan itu, sembilan (9) buah masjid telahpun dipilih sebagai masjid contoh iaitu Masjid Madani yang berdasarkan kriteria seperti pengurusan pentadbiran program dan juga aktiviti-aktiviti fizikal dan juga kemudahan-kemudahan fizikal.

Pemilihan jawatankuasa kariah salah satu pembaharuan yang kita memulakan pada tahun 2008 adalah proses pemilihan Jawatankuasa Kariah dengan anak-anak kariah tetapi *Alhamdulillah*, kita dapat mekanisme pemilihan dapat diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 20 September 2012 yang telah diputuskan iaitu, keputusan Mesyuarat Agong Kariah itu bukanlah satu pelantikan tetapi ia hanya satu bentuk pemilihan. Calon yang dipilih hanya akan diperakukan oleh mesyuarat MAINPP setelah memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan sepertimana yang dijelaskan oleh YDP MAINPP seperti yang termaktub dalam perkara 4 (2) Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid di Pulau Pinang 1997 yang berbunyi:

"MAINPP boleh melantik mana-mana anak kariah bagi kariah masjid itu yang pada pandangannya adalah layak untuk menjadi pengerusi dan jawatankuasa kariah."

Oleh itu MAINPP memiliki justifikasi oleh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Acheh dan YB. Penaga.

Untuk makluman YB. Sungai Aceh dan YB. Penaga secara umumnya pelantikan jawatankuasa kariah yang telah yang lebih telus dan terbuka menggunakan kaedah pemilihan yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung dengan baik. Majlis penyampaian tauliah kepada semua telah diadakan pada 20 Oktober 2013. Daripada 200 buah masjid sebanyak 173 masjid iaitu 86.5% telah mengadakan Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Khas. Kita mempunyai 270 buah masjid yang perlu mengadakan Mesyuarat Agung ialah 200 buah masjid dan daripada 200 buah masjid itu, 9 buah masjid ialah masjid yang tidak mempunyai kariah yang tidak perlu mengadakan pemilihan. Itu bermakna kita hanya ada 191 masjid yang perlu mengadakan Mesyuarat Agung dan pemilihan. Iaitu 95.5% 191 daripada 200, 95.5%. Yang telah mengadakan Mesyuarat Agung ialah 164 masjid iaitu 82%. 9 masjid tidak perlu mengadakan Mesyuarat Agung kerana tidak ada kariah pelantikan terus. Lantikan jawatankuasa melalui Mesyuarat Agung 156 iaitu 95% daripada 164 yang telah mengadakan Mesyuarat Agung, lantikan yang telah diadakan 156, 95%. Lantikan jawatankuasa setelah pindaan hanya 8 buah masjid daripada 164, iaitu 4.87% sahaja. Gagal mengadakan Mesyuarat Agung 27 daripada 191, 191 kena buat Mesyuarat Agung, yang buat Mesyuarat Agung 164, yang gagal 27, *total* 191 iaitu 13% sahaja yang gagal mengadakan Mesyuarat Agung seperti yang telah diperuntukkan.

Antara sebab MAINPP memperakukan keputusan, di antara sebab perakukan masjid perakuan MAINPP tidak dibuat mengikut keputusan Mesyuarat Agung adalah:

1. Individu yang mempunyai rekod pentadbiran lampau yang tidak memuaskan antaranya kegagalan dalam Mesyuarat Agung tahunan sejak beberapa tahun, kegagalan membentangkan laporan kewangan;
2. Umur pengerusi atau jawatankuasa yang melebihi 65 tahun, faktor kesihatan iaitu dalam akta. Mesyuarat Agung tidak dijalankan mengikut tatacara pemilihan yang diluluskan seperti dibentangkan laporan seperti kewangan dan sebagainya, kredibiliti individu yang dipertikaikan oleh kariah termasuk oleh imam kariah dan inilah perkara-perkara yang menyebabkan lapan (8) buah masjid tadi diadakan pindaan pada pelantikan dalam Mesyuarat Agung lapan (8) buah masjid sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Itu merupakan secara umum, tapi saya nak ambil senang, saya nak balik saya nak cerita, di Sungai Aceh dia baru sahaja pegang sebagai pengerusi kariah bukan yang lama, yang lama dah meninggal. Selepas itu bila Mesyuarat Agung dia dilantik sebagai pengerusi kariah, tapi bila hantar benda ini ke MAINPP namanya tidak termasuk dalam senarai. Kalau nak nilai dari segi prestasinya pun, waktu pun tak cukup lagi nak nilai, dia orang tempatan. Barang kali saya bukan menuduh, tapi barangkali kerana dia ini merupakan pemimpin UMNO saya tak menuduh, barangkali.

Kedua di Sungai Kechil di kawasan YB. Makhtar, Haji Zainuddin, dia pun begitu, saya tak nampak dia sebagai pengerusi yang prestasi yang tak baik, tapi saya berandaian juga barangkali, bukan menuduh kerana dia merupakan Ketua UMNO Bahagian Cawangan, saya berpandangan harus diperjelaskan sebab sebagai contoh Tuan Haji Zainuddin itu dari kecil dia memang dari segi agamanya *Alhamdulillah*, dengan masyarakat dan sekarang pun dia masih duk belajar di Masjid Negeri, macam-

macam dari segi pengalaman dan pentadbiran juga dia seorang penjawat awam dulu, pengaruhnya semua ada, tapi kalau kata nak sebut kata 100% ini seorang pemimpin mana pun 100% tak bagus. Mana ada dalam dunia, semua bagus, saya kata nak hidup pun susah, mahu mati pun susah, itu P. Ramlee kata. Bagi saya dua-dua orang ini, saya sebagai pemimpin tempatan saya perakuilah mereka memang tak ada prestasi tak baik dengan masyarakat. Itu yang saya nak tanya, tak apa, ceritalah terus terang dari segi apa Tuan Haji Zainuddin ini dan Datok Rahman Desa di Sungai Acheh, kenapa? Dua (2) itu jawab, saya nak balik cerita, petang ini juga saya jumpa di kariah hangpa tak dapat ni sebab macam ni, tak ada di sebaliknya, terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Dato' Speaker dan juga kawan sahabat, rakan seperjuangan saya Sungai Acheh, rakan seperjuangan membela rakyat, betul YB. Dato' Speaker, masih lagi rakan seperjuangan. Masalah dia macam ini kita tak dapat memastikan, saya tidak ada rekod secara spesifik individu, tetapi pihak MAINPP dia kuasa melantik, setelah diadakan pemilihan maka senarai ini akan dibentangkan dalam laporan. YB. Sungai Acheh tahu apabila nak lantik Jawatankuasa Kariah senarainya melalui Ketua Bahagian, tak mungkin 156 ini yang pelantikan Mesyuarat Agung ni, pelantikan yang diterima ini tak mungkin tak ada orang UMNO, tak mungkin, *impossible* sebabnya dulu memang orang UMNO. Tapi bila 156 ini dilantik melalui Mesyuarat Agung kebanyakannya, boleh katakan dilantik kembali, Mesyuarat Agung lantik kembali, tak mungkin semua ini orang KEADILAN, orang PAS tak mungkin kebanyakannya orang UMNO tetapi prestasinya termasuk macam katalah ada sebuah masjid saya tak mahu sebut, di mana sehingga boleh memperlecehkan pemimpin, sungguhpun dia orang baik dia *block* habis, Kerajaan Negeri pun *block*, EXCO agama pun *block* tak boleh masuk dan sebagainya. Oleh sebab ini dan juga kerana sebagai pemimpin di masjid dia kena *magnanimous*, dia tak boleh kira dia orang UMNO, dia orang KEADILAN, dia orang PAS dia mesti bagi khidmat kepada orang PAS, UMNO, KEADILAN, dia mesti *magnanimous*.

Oleh sebab itu dan di antara sebab-sebab lain seperti apa yang saya terima laporan di sini adalah lima (5) tahun gagal mengadakan Mesyuarat Agung Sungai Kechil dan Sungai Acheh di antara yang saya terima laporan. Selain itu adalah sepertimana senarai yang saya telah bagi tadi iaitu individu yang mempunyai rekod yang tak baik dalam pentadbiran ataupun dia mempunyai masalah. Saya pun terkejut juga dapat laporan, dia ada masalah-masalah peribadi, masalah yang menggugat kedudukan dia sebagai pemimpin kariah. Ini saya tak mahu sebut, kita pun tahu ada banyak orang yang mempunyai macam itu, bila ada orang *report* macam ini, ada kariah *report*, apabila Pegawai Agama Daerah buat siasatan dan dapati memang pemimpin ini ada masalah-masalah seperti yang disenaraikan tadi, maka MAINPP yang menerima laporan daripada Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Surau dan menerima laporan daripada Pegawai Agama Daerah dan kariah, setelah menyiasat mencadangkan individu-individu ini atau jawatankuasa-jawatankuasa ini tidak dapat diterima untuk dilantik. Ini saya dah tengok dalam statistik tadi, bukan banyak, lapan (8) buah masjid sahaja, lantikan jawatankuasa setelah pindaan MAINPP. Yakni daripada 200 buah masjid yang mesti buat Mesyuarat Agung, yang adakan Mesyuarat Agung 164 masjid. Yang mengadakan Mesyuarat Agung hanya lapan (8) masjid sahaja yang ada perubahan. Kita tahu dulu macam mana, dulu kita blok habis.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Minta laluan Batu Maung.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ada kaitan kah kesihatan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya bagi YB. Seberang Jaya, selepas ini saya bagi Sungai Aceh. Sebagai ADUN Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tadi dia duk bincang dengan saya, selesai dengan saya dulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sat-sat nak tanya YB. Batu Maung, dalam pentadbiran Kerajaan Negeri sebelum ini, kalau kita maklum sebelum-sebelum ini bila timbul persoalan masjid dan program-program di masjid selalu kita dengar ada halangan-halangan orang tertentu tak boleh masuk, orang ini tak boleh masuk, ada yang pegang *mic* kena rampas *mic*, ada berlaku. Tetapi setakat hari ini sejak 2008 hingga sekarang adakah perkara-perkara ini masih lagi diamalkan seperti pentadbiran dahulu atau kita masih terbuka sekarang ini. Saya ingin makluman daripada YB. Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Untuk makluman YB. Seberang Jaya, selepas ini saya bagi Sungai Aceh tak ada masalah. Untuk makluman YB. Seberang Jaya, bila Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, MAINPP masih lagi diterajui oleh jawatankuasa yang lama selama dua (2) tahun dan jawatankuasa kariah ini setahu saya telah dibaharui 6, 7, 8 kali sebelum itu dan 2008 diperbaharui sekali lagi, 2010 diperbaharui sekali lagi dan 2011 terpaksa diperbaharui sekali lagi oleh sebab keadaan tidak diperkenan oleh Tuanku, so maksudnya adalah jawatankuasa yang sedia ada sejak dulu sehingga awal 2013 ini, adalah jawatankuasa yang lama, tetapi untuk pengetahuan YB. Seberang Jaya *Alhamdulillah* sungguhpun mereka ini Ketua Cawangan UMNO, Ahli Jawatankuasa UMNO kebanyakannya ex sebagai pemimpin masyarakat, *Alhamdulillah*, sebab itu banyak daripada mereka dipilih semula kerana anak kariah dalam masjid tidak dapat membezakan dia punya warna dia, tetapi ada masjid-masjid yang sungguh-sungguh ketara sehingga boleh maki hamun, boleh samun *speaker* tidak bagi, ada sebab itu hanya lapan sahaja, bukan, yang saya kata, ada sebab lainlah yang mesti kita membuat pembetulan lapan (8) sahaja. Kalaulah Yang Berhormat Sungai Aceh daripada 164 yang mengadakan Mesyuarat Agung, 100 Majlis Agama tukar nama *something serious*, tapi ini daripada 164, lapan (8) sahaja. Ini menunjukkan ketulusan.

Insya-Allah saya boleh beri kepastian ini adalah *team ring problem* ...(dengan izin), YB. Dato' Speaker, *team ring problem* apa sahaja benda baru mesti ada *team ring problem* nya, *insya-Allah* pemilihan ini saya ingat Sungai Acheh masih ingat lagi 30 puluh tahun dahulu ada pemilihan, lepas itu tidak ada pemilihan daripada Timbalan Ketua Menteri, saya pun tidak yang mana satu masa dulu sudah mansuhkan pemilihan baru kita wujudkan semula, saya ingat 30 tahun dahulu tidak salah, baru kita wujudkan balik. Saya rasa dalam masa tiga (3), empat (4) tahun ini proses pembelajaran dan proses perubahan minda kariah anak-anak dan jawatankuasa dapat diadakan, saya rasa lagi sekali perubahan lapan (8) ini boleh jadi dua (2) kah, satu (1) kah dan boleh jadi kosong mungkin boleh jadi 100% pemilihan masjid dapat diterima oleh Majlis Agama sebab tidak ada masalah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti sambung nak tanya berapa boleh. Nanti sambung.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker ini, tadi isu wanita dia buka sungguh. Terima kasih, YB. Batu Maung saya bertanya begini, kalaulah kata betul-betul ada masalah dari segi dengan niat hendak buat satu demokrasi masjid, saya rasa tidak payah buat mesyuarat agung. Ini ikhlas, tak payah buat mesyuarat agung, jadi kita minta pemimpin tempatan mencalonkan nama-nama selepas itu Majlis Agama tapislah. Boleh dapat daripada banyak sumber melalui Jabatan Kerajaan, melalui secara rambang, pemimpin kecil di sana berkuasa, ambil kumpul nama itu, bincang, kalau kita membuat mesyuarat agung makna anak kariah pilih, itu cerita dia...(gangguan), nanti sekejap bagilah peluang lama ini. Bila anak kariah pilih kita kena terima, itu anak kariah pilih kerana mesyuarat agung demokrasi, kalau demokrasi dah pilih orang itu, jadi wakil rakyat macam saya, tidak elok, takkan bila sudah hantar hendak pinda kerana saya tidak membuat mesyuarat agung dan sebagainya, itu tidak adil.

Kalau betul ikhlas, tidak perlu membuat mesyuarat agung minta nama penempatan kecil bawa kepada Majlis Agama, siasat sehabis-habis, kalau hendak rujuk wakil rakyat itu pun tidak apa, tak rujuk pun tidak apa, ini sudah heboh dalam mesyuarat agung, hendak buat mesyuarat agung pun susah, sebab saya terasa sangat, saya sendiri pergi rasmi mesyuarat agung itu, yang hadir wakil daripada Pejabat Agama dan wakil Pejabat Agama tidak mempertikaikan apa pun sehingga saya tinggal tempat itu, lepas itu balik-balik dengar dua (2) minggu selepas itu...(gangguan). Duduk-duduk ini soal agama jangan kalut, selepas itu pula, bila sudah tidak pakai senarai itu, nama yang baru itu datang dari mana? Adakah anak kariah hendak berkumpul duduk kelompok lain pilih orang itu, ataupun ada orang tertentu yang mengambil nama itu bawa ke sini? Sebab selepas Mesyuarat Agung dua (2), tiga (3) minggu dan mereka kata boleh mesyuarat sahaja, nama mereka tidak akan lekat. Awal-awal sudah tahu, hebat, demokrasi apa itu. Kalau betul-betul nak bagi semua orang ada, sebab saya dok sebut kita walau pun PAS, PKR, selagi kita Islam, masjid jangan kita campuradukkan dengan politik.

Saya sudah sebut dan ulang, sembahyang kita satu Kiblat, Rukun Islam jumlah yang sama, waktu kita hendak sembahyang waktu yang sama. Rukun Iman yang sama, mengapa kita berpecah dalam dalam soal ini? Kalau betul lebih adil lagi, saya hendak mencadangkan pilih semua parti campur dalam itu baru adil, ambillah parti PAS beberapa orang, parti PKR beberapa orang, UMNO ambillah, takanlah UMNO tidak ambil, benci-benci pun UMNO, Melayu juga Malik pun Melayu juga Islam. Ambil tapis layak tak layak. Jadi saya hendak minta kalau hendak cakap dari segi keadilan, telus, itu cara dia, saya buat soalan pertama, kalau hendak macam itu tanpa perlu ada mesyuarat agung pilihlah nama di sana mai bincang.

Yang kedua nama yang digantikan itu dari mana dia datang, atas fakta apa dan alasan apa mereka ini dipilih, saya tahu saya orang kampung Sungai Acheh, saya tahu, saya tidak mahu hendak burukkan sesiapa, tidak betul, habis kalau hendak sebut Seberang Jaya, Seberang Jaya pun baru mai, anakanda pun pandai pasal agama saya ingat pasal kesihatan sahaja, pasal agama bukan pandai sikit. Masjid Sungai Acheh dia tidak larang, Dato' Mansor buat moreh dekat situ, apa nama, bukan setakat baru, dalam pilihan raya pun tidak ada masalah, yang lain saya tidak tahu, tidak tahulah kot Sungai Kecil tidak bagi ustaz masuk, tetapi dua tiga kali saya masuk Ustaz Maktar, kadang-kadang Ustaz Maktar jadi Imam, itu sahaja. Saya takut sekarang mereka kata kerana mereka ini UMNO, tetapi saya menepisnya, bukan begitu, takkan Jabatan Agama dan Pejabat Agama Islam ini menjaga soal agama, agama Islam ialah Agama yang tersohor, tetapi hendak bertindak macam ini. Jadi saya harap Batu Maung dapat mempertimbangkan kalau kata ikhlas, ikhlas sebab Batu Maung sebagai seorang Islam tidak dapat lari dari Allah. Allah dapat mengetahui niat kamu buat, ingat saya pesan yang itu, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Maung, hendak jawab sekarang.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kasim):

Sikit saja, terima kasih Sungai Acheh. sepertimana saya katakan tadi prosedur, cara-cara apa pun yang kita lakukan akan mempunyai masalah-masalah yang akan timbul. Apa yang kita telah lakukan di sini adalah satu perubahan dan perubahan ini saya setuju ada kelemahannya, ada masa pembelajarannya untuk menyesuaikan *is a new system* tiga puluh (30), empat puluh (40) tahun tidak pernah ada pemilihan. Jadi kita sedang berusaha supaya pemilihan yang akan datang *insya-Allah* dia akan mempunyai senarai ahli kariah yang lengkap. Kita akan adakan masa yang sesuai yang elok dan sebagainya supaya masalah gagal mengadakan mesyuarat agung ini akan dapat kita *reduce* kan *to zero*. *Insya-Allah* dan juga masalah perubahan di peringkat MAIPP juga kita akan cuba *minimize* kan, cuba *adapt* masalah yang kecil ini kita akan cuba, saya memberi kepastian dengan izin *Allah*, pemilihan yang akan datang akan menjadi lebih telus *insya-Allah*, akan menjadi lebih baik dan dia akan menjadi satu *wave of life* kepada ahli-ahli kariah, saya akan sambung selepas itu

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tanya sikit sahaja, bolehkah kalau betul tanda ikhlas dan telus bagilah jawapan kepada saya secara bertulis kenapa Masjid Sungai Aceh terbiar begitu lama, gunakan sebagai alasan yang telus jangan dok selindunglah, tulis betul-betul, saya akan maklumkan, inilah sebabnya lepas ini hampa kena baiki sebab hampa jawatankuasa yang baru.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kasim):

Insya-Allah saya akan bentangkan dalam mesyuarat MAIPP nanti dan meminta kepada MAIPP menyediakan satu laporan sebab-sebab hendak adakan perubahan Sungai Aceh dan Sungai Kecil sebab-sebab dengan ada perubahan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tapi bagi kepada sayalah. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Timbalan Speaker, saya ingin meneruskan penggulungan saya, sepertimana yang dimaklumkan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan juga YB. Permatang Pasir dalam sidang kelmarin bahawa MAINPP telah memutuskan untuk mengisytiharkan seluruh masjid di Negeri Pulau Pinang sebagai masjid bebas asap rokok ataupun dinamakan sebagai MASBAR. Pelancaran MASBAR telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 08 November yang lalu di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas. Kempen ini antara lain bertujuan mendidik umat islam memuliakan dan memartabatkan masjid dengan tidak melakukan perkara yang mencemarkan kemuliaan masjid dengan asap rokok dan ia juga selari dengan keputusan Jawatankuasa Fakta Negeri Pulau Pinang berkaitan pewartaan pengharaman rokok bahkan ia juga bertepatan dengan kempen cara hidup sihat "Cleaner, Greener, Healthier Penang".

YB. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui portfolio agama menubuhkan jawatankuasa pendidikan di peringkat MMK Agama. Usaha ini adalah bagi melihat Pendidikan Islam secara *total*, iaitu dari peringkat terendah iaitu tadika ke universiti sebagai *feeder* dan satu *complete application system* ...(dengan izin). Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) milik MAINPP menawarkan konsep pengajian syariah dan tahfiz yang diintegrasikan dengan maktab...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Minta laluan, untuk maklumat kita ada wakil daripada KITAB, pelajar-pelajar KITAB ada datang daripada tengah hari ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih YB. Permatang Pasir, yang itu menawarkan konsep pengajian Syariah dan Tahfiz yang diintegrasikan dengan maktab adalah undang-undang dakwah perbankan kewangan, peringkat diploma untuk memenuhi keperluan masyarakat dan yang berterusan perkembangan yang pesat memerlukan kampus tetap yang penuh dengan kelengkapan dan mempunyai imej tersendiri. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk mendapatkan beberapa universiti terkemuka dunia seperti Imam Muhammad Ibni Saud Universiti, King Saud Universiti daripada kedua-duanya daripada Arab Saudi, Universiti Al-Azhar daripada Mesir dan beberapa universiti daripada Indonesia. Baru-baru ini Universiti Islam Rotterdam juga berminat untuk mengadakan kerjasama. Ini ialah usaha kita untuk menjadikan KITAB sebagai Universiti Islam Pulau Pinang, *insya-Allah*.

Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang dijangka pada tahun 2014 sebuah Sekolah Islam Antarabangsa bakal didirikan di Pulau Pinang. Projek ini akan dikendalikan oleh Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad di atas tanah 1.97 hektar di lot 260 Mukim 10 Daerah Barat Daya yang bernilai lebih RM6 juta dijangka siap dalam tempoh dua (2) tahun *insya-Allah*. Projek ini juga bakal mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan di rantau ini memandangkan inilah satu-satunya Sekolah Islam Antarabangsa di kawasan utara tanah air.

YB. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program dakwah sedia ada Kerajaan Negeri melalui MMK Agama telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Saudara Kita pada Jun 2013 ini adalah sebagai salah satu usul dari muzakarah menangani gejala murtad yang telah diadakan awal tahun ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh saya sendiri akan menumpukan usaha bagi menangani gejala murtad, bimbingan kepada saudara kita dan ia dianggotai oleh persatuan-persatuan NGO dan juga jabatan-jabatan kerajaan. *Alhamdulillah* baru-baru ini kita telah berjaya mewujudkan sebuah masjid ataupun mengintegrasikan jawatankuasa-jawatankuasa sebuah kariah masjid iaitu Masjid Titi Papan di George Town dengan saudara kita dari masyarakat Tionghua sebagai jawatankuasa kita. *Insya-Allah* kita berharap Masjid Titi Papan ini akan menjadi mercu aktiviti saudara kita yang berbangsa Tionghua.

Pelbagai program diadakan untuk apa ni untuk kita mempelbagaikan usaha dakwah di antaranya adalah pada 31 Disember ini pihak MMK Agama dengan beberapa pihak akan mengadakan Program Sembang Ambang 2014 bersama Ustaz Azhar Idrus di padang Majlis Perbandaran Butterworth. Program ini juga akan diserikan dengan pelbagai kumpulan dan ustaz-ustaz muda. Di antara perkara pembaharuan acara sambutan Maulidur Rasul ialah bertemakan pada tahun ini "Udhuwah Al-Rasul, Mengukuh Ukhuwah Memartabatkan Ummah", ialah usaha untuk kita mengetengahkan dan berusaha agar umat Islam Pulau Pinang mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW. Pemantapan institusi keluarga menjadi satu lagi usaha Kerajaan Negeri di bawah MMK, akan adakan muzakarah menangani masalah penceraian telah diadakan pada awal tahun 2012 dan di antara usaha-usaha usul daripada muzakarah ini adalah untuk menggerakkan pelbagai aktiviti yang sedang dijalankan aktiviti gerak kerja.

Seminar keluarga dan sebagainya. Kaunseling bagi keluarga-keluarga yang mula menghadapi masalah juga diperkemaskan dan kita sedang mula mendapatkan kaunselor-kaunselor sukarela daripada pihak-pihak NGO dan pihak-pihak profesional untuk sama-sama menangani masalah penceraian ini dari mula. Membangunkan sistem data kahwin dan cerai, Kerajaan Negeri dengan kerjasama sebuah kolej pendidikan sedang membangunkan sebuah sistem bagi mengumpul dan menganalisa data-data punca masalah keluarga yang dihadapi di Pulau Pinang. Memantapkan pengurusan halal isu yang dibangkitkan oleh YB. Penaga berkaitan Laporan Audit 2012 bagi Jabatan Agama Islam Pulau Pinang berkaitan dengan kelemahan pemantauan terhadap premis-premis sijil halal tindakan segera telah diambil terhadap untuk memperbaiki kelemahan dan dari segi pemantauan premis-premis sijil halal sedia ada seperti berikut:

- 1) Penjadualan semula proses pemantauan yang lebih kerap bagi tahun ini sehingga oktober 2013 sebanyak 83 premis pemegang sijil halal yang sedia ada telah diperiksa dan daripada jumlah itu sebanyak 16 buah premis telah diambil tindakan di bawah akta perihal dagangan 2011.
- 2) Permohonan tambahan kenderaan khusus untuk bahagian halal bagi memudahkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan kerana sebelum ini terpaksa menggunakan kenderaan *pool* Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. Permohonan ini telah diluluskan oleh Jabatan Kewangan Negeri dan akan diperolehi dalam tahun ini juga. *Insya-Allah*.
- 3) Menjadikan aktiviti pemantauan sebagai satu prosedur operasi bagi pensijilan MS ISO 9001:2008 dan MS ISO 1900:2005. Oleh itu perancangan dan aktiviti pemantauan penguatkuasaan berjadual secara lebih statistik mengikut *standard* akan ditetapkan.
- 4) Mendapatkan kad kuasa bagi penguat kuasa atau perihal dagangan 2012, "Perintah Takrif Halal dan Perakuan Bagi Penandaan Tanda Halal" yang mana sebelum ini hanya dimiliki oleh pegawai-pegawai KPDNKK dengan penurunan kuasa. Ini akan membolehkan pegawai dari bahagian halal menguatkuasakan undang-undang halal tanpa perlu bergantung kepada pihak KPDNKK dan ia boleh melancarkan lagi proses pemantauan penguatkuasaan dan siasatan dilaksanakan.

- 5) Memohon penambahan kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan perjumpaan dengan pihak JPA pada 01 November 2013 telah mendapat persetujuan secara dasar permohonan tersebut mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan negeri-negeri.

Pihak JAIPP sedang menyediakan kertas cadangan tersebut, jawatankuasa JAIPP yang tidak aktif dan dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong. Ada di antara jawatankuasa yang dilantik oleh MAINPP tidak mengadakan mesyuarat secara berkala seolah-olah MAINPP seperti tiada kesungguhan dalam menguruskan soal agama. Saya kurang bersetuju dengan dakwaan Yang Berhormat tiada kesungguhan mengurus soal agama, ia boleh dilihat dari segi jawatankuasanya yang penting seperti Jawatankuasa MAINPP itu sendiri telah mengadakan mesyuarat sebanyak 30 kali sejak 2009, begitu juga Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Tanah dan Aset diadakan setiap dua (2) bulan sekali. Manakala Jawatankuasa Pembangunan Masjid Hal Ehwal Kariah dan Jawatankuasa Panel Persijilan Halal Malaysia Pulau Pinang diadakan setiap bulan. Sementara mesyuarat tender pula bergantung kepada projek-projek tersebut ialah seperti kos projek ataupun seperti RM200,000.00 ia adalah di bawah Jawatankuasa Sebut Harga. Jawatankuasa Sebut Harga dan jika wangnya datang daripada agensi atau Kerajaan Negeri maka pelantikan dan penawaran kontrak oleh agensi atau Kerajaan Negeri. Sebut harga telah mengadakan mesyuarat sebanyak 20 kali bagi melaksanakan projek-projek MAINPP. Terdapat jawatankuasa yang tidak bermesyuarat kerana ia diadakan mengikut keperluan, seperti jawatankuasa tatatertib, kumpulan pengurusan, Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan, Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak, hanya diadakan sekiranya terdapat kes-kes. Bagaimanapun saya mengakui bahawa terdapat beberapa kelompongan dalam Jawatankuasa tertentu yang masih boleh diperbaiki oleh MAINPP bagi memantapkan lagi Pengurusan Pentadbiran Umat Islam di Negeri Pulau Pinang.

YB. Telok Ayer Tawar, ada membangkitkan tentang isu penuluran ajaran Syiah di kalangan penganut ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah, beliau juga telah merujuk Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (4) Kebebasan Beragama Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya. Undang-undang Persekutuan boleh mengawal dan menyekat perkembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat, draf Enakmen sekatan dan kawalan perkembangan agama bukan Islam telah pun siap. Kerajaan Negeri belum memutuskan untuk membentangkan di Dewan ini. Ini adalah kerana negeri-negeri yang telah menggubal Enakmen berkenaan tetapi masih belum menguatkuasakan. Selain daripada itu, peraturan yang sedia ada seperti yang di bawah Seksyen 5, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 yang menyebut mana-mana orang, sama ada dia beragama Islam atau tidak yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama lain daripada doktrin ataupun kepercayaan agama Islam di kalangan orang-orang yang beragama Islam adalah melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dibicara di Mahkamah Sivil dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, juga belum pernah dikuatkuasakan kerana tiada aduan yang diterima setakat ini.

Mengenai permohonan penjelasan mengenai satu majlis penerangan mengenai ajaran Syiah di Masjid Seberang Jaya pada 08hb Disember 2013 yang telah dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Setelah saya membuat penyiasatan YB. daripada Seberang Jaya telah menelefon pengerusi setelah melihat kain rentang yang ada menelefon Jawatankuasa Masjid Perda dan beliau dapati Pengerusi Jawatankuasa Masjid Perda iaitu DO SPT tidak mengetahui tentang program itu. Tapi yang sedihnya YB. Telok Ayer Tawar menyebut yang ada usaha untuk menyekat ataupun *cancel* program itu dan mungkin daripada orang atasan. Ini saya ingin menyangkalnya, kerana kami pun tidak tahu, saya pun tidak tahu program-program seperti itu dan pihak pengerusi pun tidak tahu. Selepas mendapat salinan surat yang telah diemelkan kepada saya oleh orang yang saya tidak kenali, iaitu daripada Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Pulau Pinang. Yang saya ingin persoalkan sebab apa Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Pulau Pinang, jika hendak menjalankan program-program seperti ini tidak berbincang atau tidak menerusi struktur yang ada. Mungkin pihak JAIPP boleh *sponsor* makan program ini, lagi senang. So tak payahlah buat senyap-senyap, masalah ini saya pasti Permatang Pasir selaku YB. MAINPP pun tak tahu.

Saya selaku EXCO Agama pun saya tak tau. Bila orang tanya YB. Seberang Jaya dia pun tak tau so sebab itu dia telefon DO SPT iaitu Pengerusi Masjid, Pengerusi Masjid pun tak tahu. Lepas itu dia telefon masjid tanya, so masjid beritahu kata program ini. Itu sahaja, saya pun tak tahu macam mana timbul kenyataan yang mengatakan, yang beliau cuba telefon dan halang program ini, mungkin Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar terima arahan daripada atas. Jadi saya minta selepas ini tak payah bawa dalam Dewan ini, saya minta selepas ini pihak YB. Telok Ayer Tawar untuk memberi maklumat, terus kepada saya, siapa yang keluarkan *statement* itu, *that the demeaning statement*. Seumpama saya, Kerajaan Negeri mempunyai hubungan dengan kumpulan Syiah. Ini *very dangerous*, saya rasa Yang di-Pertua pun kalau tahu ada program itu, mungkin YB. Yang di-Pertua pun nak pergi dengar juga. Jadi saya minta supaya jabatan-jabatan Persekutuan yang ada di Pulau Pinang kita kerjasama, perkara-perkara yang baik ini kita buat sekali, tak payah buat senyap-senyap sehingga pengerusi pun tak tahu, itu jawapan saya kepada pertanyaan YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Sikit sahaja. Terima kasih Batu Maung, saya terima kasih kepada Batu Maung kerana memberi penjelasan tentang apa yang berlaku sebab bila kita dapat berita dari luar bunyi macam-macam, jadi saya mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri terutama sekali EXCO Agama dan Majlis Agama Islam akan memberi kerjasama ataupun membantu untuk memberi penerangan kepada orang Islam tentang apa dia Syiah. Apa bahayanya dan bagaimana ianya tak harus dibendung supaya tidak berkembang di masa-masa depan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita telah mengambil pendekatan yang lebih global dalam segi ini dan apa yang kita telah bincang baru-baru ini dalam MMK Agama, kita nak *approach* dia dalam segi memberi penerangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah kerana kalau kita tanya kepada umat-umat Islam yang mempunyai fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah, mereka pun tak tahu apa Ahli Sunnah Wal-Jamaah, tetapi apabila orang fahaman Syiah nak mai cakap

dengan dia so boleh jadi dia terpengaruh, so oleh yang demikian kita berpendapat yang kita mempunyai penerangan tentang Ahli Sunnah Wal-Jamaah, so *that* orang-orang akan faham akan tahu secara mendalam apa dia itu Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan apabila datanglah tak kira Syiahlah, Tuhan Harun kah, manakah mai, umat Islam Pulau Pinang akan mempunyai pengetahuan dalam segi aspek ini *insya-Allah*.

Tentang cadangan-cadangan Sungai Acheh supaya elaun Pengerusi Kariah diberi *insya-Allah* kita pihak peringkat MAINPP semasa dua (2) tahun yang lepas sudah pun berbincang usaha ini untuk melihat usaha supaya Pengerusi dan Setiausaha Kariah juga diberi elaun *because* mereka juga adalah memainkan peranan sebagai pemimpin masyarakat apatah lagi pula kita sekarang ini di Pulau Pinang. Sekarang ini kita hendak memartabatkan masjid sebagai Pusat Pembangunan Ummah bukan setakat masjid untuk beribadat sahaja, dengan itu dengan konsep Masjid Madani yang kita cuba ketengahkan di Pulau Pinang ini. Kita akan juga susuli dengan usaha untuk kita memberi sedikit elaun *insya-Allah* kepada Pengerusi dan Setiausaha Kariah. Kita sedang membuat kajian apa yang kita hendak lakukan adalah selepas pemilihan. Sebab kita tahu kata pemilihan masjid ini, prosesnya telah jalankan dan mereka ini dipilih dan selepas itu kita akan mengadakan kursus-kursus pemantapan, pentadbiran, kewangan dan sebagainya, *insya-Allah* kita akan usaha untuk melihat usaha untuk memberi elaun ini.

Tentang Jawatankuasa Darul Hidayah yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar apa ini yang dahulunya menganggotainya. Untuk makluman Yang Berhormat, Pengurusan Darul Hidayah pada masa ini diurus tadbir oleh Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan MAINPP dan belum bercadang untuk melantik jawatankuasa yang baru kerana pengurusan Darul Hidayah berjalan dengan baik, kerja-kerja pembangunan Darul Hidayah telah pun bermula dengan anggaran kos RM6.7 milion yang prosesnya telah mula dan saya rasa sudah hampir siap pembangunan tambahan bangunan dan sebagainya, *insya-Allah* kita berhasrat untuk *empower* dan usaha kita untuk memperbaiki pusat Darul Hidayah ini menjadi *one stop* kepada pembangunan saudara kita, sebab selepas muzakarah yang diadakan mengenai isu-isu menangani murtad ini, kita dapati kalau nak mengangani isu murtad, kalau mereka sudah di peringkat murtad, itu dah *fail*, so apa yang kita nak usahakan di sini adalah kefahaman Islam kepada orang-orang bukan Islam yang memeluk agama Islam satu (1). Yang kedua adalah apa *partner* mereka atau kalau mereka nak masuk Islam kerana mereka nak kahwin, kita tak lihat pasangan mereka lelaki atau perempuan dan yang kita hendak tengok ialah ialah keluarga mereka, supaya kita hendak mengetahui, dapat kita timbangkan dan *insya-Allah* kekuatan iman mereka dan apabila mereka masuk agama Islam akan dapat menangani masalah-masalah murtad. Masjid Batu Uban yang dibangkitkan oleh YB. Batu Uban akan di....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan sikit sahaja. Terima kasih Batu Maung saya ada bangkitkan tentang peruntukan di bawah Pusat Urus Zakat di mana dalam kutipan itu seharusnya $\frac{1}{8}$ untuk Asnaf Mualaf itu berjumlah RM9 juta. Jawapan yang saya terima perbelanjaan untuk Asnaf Mualaf tahun lepas tak sampai RM4 juta, jadi ini bermakna ada lagi lebihan dan juga bermakna bahawa tidak cukup perhatian diberi kepada Asnaf Mualaf. Jadi saya

mintalah kalau boleh dipertingkatkan lagi pembangunan Asnaf Muallaf bukan sahaja sekadar *one stop centre* di situ, selain daripada aktiviti-aktiviti dakwah dan sebagainya untuk memperkasakan NGO-NGO Islam ini supaya mereka boleh menjadi badan yang boleh membantu kita untuk menyelesaikan beberapa masalah ahli-ahli mereka.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar, memang saya dalam muzakarah yang diadakan baru-baru banyak diperbincangkan dan kita tak mahu *duplicate*, kita nak *compliment*, kalau boleh NGO-NGO Islam yang menjalankan aktiviti dakwah, Jabatan MAINPP dan sebagainya kita nak *compliment so that* kita nak *save resources* kita, *so that* kita ada lagi *resources* yang boleh kita belanja lagi saya faham dan banyak lagi perkara yang perlu dilaksanakan untuk kita menangani saudara-saudara kita itu. Kita ada mentor-menti sistem sekarang, kita ada *tracking* sistem, sekarang *database* saudara-saudara kita ini *so that* kita boleh berdampingi mereka dan masjid akan memainkan peranan yang mustahak sebab itu *Alhamdulillah* Masjid Titi Papan telah kita dapat masukkan apa ini saudara kita daripada Tionghua menjadi Jawatankuasa Masjid Titi Papan di Jalan Burma *so* kita nak melihat Masjid Titi Papan menjadi satu pusat pembangunan dakwah saudara kita yang berbangsa Tionghua ini dan *insya-Allah* kita akan teruskan usaha kita supaya sistematik kita akan mempunyai sistem yang lebih baik dalam segi menangani isu-isu.

Untuk Hal Ehwal Pengguna apa YB. Timbalan Speaker, saya ingin laporkan iaitu pihak MMK Hal Ehwal Pengguna telah menubuhkan pemantau pengguna sejak tahun 2008 sungguhpun keberkesanannya tidak begitu efektif lagi dan kita sedang giat untuk memperkemaskan supaya kumpulan pemantau pengguna di Pulau Pinang ini akan memainkan peranan untuk menjadi mata dan kepala kepada Kerajaan mata dan telinga kepada Kerajaan supaya kita dapat berusaha menangani isu-isu pengguna bukan isu-isu harga tetapi isu-isu pengguna secara akar umbi. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan Peraturan 6(A)(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 12 Disember 2013 Khamis dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon):

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6(A)(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 12 Disember 2013 hari Khamis dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya." lebih banyak dan dipersetujui. Persidangan diteruskan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan ini untuk membuat penggulungan bagi isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi perbahasan mengikut portfolio yang dipengerusikan oleh saya. Saya mulakan dengan portfolio Kerajaan Tempatan di mana banyak isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian berhubung dengan Kerajaan urusan Kerajaan Tempatan ini pertamanya YB. Seri Delima dan Bertam juga telah membangkitkan beberapa isu berkaitan aktiviti yang dijalankan di persisiran pantai khususnya Batu Feringghi. Untuk makluman Dewan ini, pada masa kini aktiviti pantai telah pun dikawal dan dikuatkuasakan di bawah Enakmen Lancang Air Peribadi tahun 1999. Walau bagaimanapun aktiviti pantai yang dikawal di bawah Enakmen ini hanya melibatkan aktiviti jet ski sahaja jadi kita pun tak faham pada masa Enakmen itu digubal ianya cuma tumpu perhatian kepada Lancang Air Peribadi sahaja, tetapi bukan membabitkan bot-bot dan sebagainya dan juga *para sailing*.

Walaupun bagaimanapun aktiviti MPPP sedang mengkaji untuk meminda Enakmen ini dan kalau boleh mungkin ada Enakmen yang baru yang dapat merangkumi semua aktiviti di pantai dan di laut. Supaya dapat memberi kuasa kepada MPPP dan MPSP juga, sebab ini Enakmen Negeri dan sepatutnya bidang kuasa adalah pihak Kerajaan Negeri tetapi dalam Enakmen ini telah diturunkan kuasa kepada MPPP dan MPSP. Di tempat pentadbiran masing-masing. Dengan adanya Enakmen atau pindaan ini MPPP dalam kes ini boleh mempunyai kuasa dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti sukan laut. Pihak MPPP telah menempatkan Pegawai Penguatkuasa di sekitar pantai Batu Feringghi bagi mengawal selia aktiviti jet ski di kawasan yang telah dizonkan. Sudah beberapa kali saya melapor balik kepada Dewan ini usaha-usaha yang dilakukan oleh penguat kuasa tempatan. Apabila kita ambil alih memang Batu Feringghi memang tidak dikawal langsung aktiviti-aktiviti atas usaha MPPP dan juga Pejabat Daerah kita dapat sekurang-kurangnya menguatkuasakan Enakmen walaupun tidak sempurna dan juga telah menubuhkan satu persatuan pengusaha-pengusaha aktiviti pantai dan laut dan juga meletakkan zon-zon dan memastikan usaha-usaha mengadakan insuran.

Pelanggan-pelanggan mesti menandatangani satu aku janji tentang protokol keselamatan dan risiko yang mereka akan hadapi dalam aktiviti-aktiviti laut ini. Jadi dalam masa ini MPPP juga menganjurkan kursus penguat kuasa aktiviti pantai dan 25 pegawai memang ditugaskan di sepanjang pantai Batu Feringghi dan kursus-kursus ini penceramahnyanya terdiri daripada Jabatan Laut Wilayah Utara, Marin Polis, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Nampaknya begitu susah untuk PBT memainkan peranan sebab ianya bukan *core business*. PBT untuk mengawal kegiatan di atas laut. Kita ada Jabatan Laut, Marine Polis, Penguat Kuasa Maritim dan sebagainya tetapi oleh kerana Enakmen ini telahpun diperturunkan kuasa kepada MPPP, maka MPPP perlulah memainkan peranan sebagai *lead* agensi untuk menggabungkan semua tenaga dari pelbagai jabatan bagi menangani isu-isu di sepanjang Batu Feringghi, Telok Bahang dan juga Tanjung Bunga.

Bagi jet ski yang tidak berlesen memang MPPP telah mengeluarkan kompaun atau kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen. Bagi *para sailing* yang masalah kita pun bercadang supaya kaedah yang digunakan sekarang mungkin perlu diubah di mana bot perlu dipasang dengan *switch* dan turun naiknya *para sailing* adalah atas bot sendiri, dan bukan menggunakan pantai sebagai melepas dan mendarat supaya masalah berhubung dengan pendaratan itu dapat ditangani kalaulah bot-bot itu dipasang dengan *switch* di mana turun naiknya *para sailing* dapat dilakukan di kawasan laut, dan MPPP juga telah dan sedang bekerjasama dengan Persatuan Perhotelan Malaysia Cawangan Pulau Pinang (Penang Chapter) dalam mengendalikan isu berkaitan dengan aktiviti pantai di Batu Feringghi. Memanglah hotel menjadi satu *stake holder* yang amat penting dalam perkara ini dan MPPP akan bekerjasama dengan Malaysian Hotelier's Association, Penang Chapter bagi tujuan menambah baik segala usaha di Batu Feringghi.

Yang Berhormat Telok Ayer Tawar membangkitkan isu gerai yang dirobohkan tanpa diberi notis tetapi restoran makanan laut di pantai Bagan Ajam hanya dikompaunkan. Ini dua kes yang berasingan. Bagi kes mengapa gerai dirobohkan kononnya tidak diberi notis, saya rasa laporan itu tidak tepat kerana memang MPPP telah ambil tindakan penguatkuasaan mengikut peraturan dan undang-undang yang memberi kuasa kepada MPPP melakukannya. Dalam kes ini Gurney kes ini di Gurney, kes itu di Pantai Bagan Ajam. Kalau dicampuradukkan maka cetuslah tuduhan-tuduhan *racist* yang kita melalui pada hari itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Saya rasa merumuskan atau membuat andaian ataupun menyatakan ia *racist* adalah cukup tak benar, dan kerana apa yang dibangkitkan adalah fakta yang berlaku. Saya bukannya reka-reka jadi yang menyatakan sepertimana Ahli Air Putih kata saya buat fitnah itu tidak betul. Mana saya fitnah benda ini berlaku dan dilaporkan dalam surat khabar diroboh tanpa notis. Kemudian lagi satu di Bagan Ajam, ini adalah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan. Yang di Gurney Drive oleh MPPP dan di Bagan Ajam oleh MPSP... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya harap Yang Berhormat bagi saya peluang untuk menjelaskan sebab fakta yang dibawa oleh Yang Berhormat bukan fakta yang sebenarnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau macam itu jawapan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri tidak betullah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ini Persiaran Gurney. Apa yang saya kata Persiaran Gurney ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

You go ahead.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tak sudi mendengar jawapan dulu. Dalam kes ini memang dua buah gerai makanan tanpa izin telah dibina oleh pemilik rumah No. 32 dan 34 Lorong Bagan Jermal sejak tahun 2009. Yang kemudiannya disewa kepada peniaga berketurunan Siam, warganegara Thailand. Sebagai gerai makanan tom yam yang mula berniaga jam 4.00 petang hingga jam 5.00 pagi keesokan hari. MPPP telah menerima banyak aduan dari penduduk yang menghuni di kawasan itu di mana perniagaan itu mengganggu ketenteraman hidup mereka terutamanya pada waktu malam, akibat daripada bunyi bising serta kerusi meja di letak di kaki lima yang membahayakan pejalan. Memang notis di bawah Seksyen 72 (6) Akta Jalan, Parit, Bangunan Tahun 1974 dikeluarkan *even as far back as July 2009* dan sebelum tindakan roboh satu notis pun dikeluarkan sebelum tindakan diambil.

Jadi bagi kes yang berlaku di pantai Bagan Ajam, untuk makluman Dewan ini, kes-kes binaan tanpa kebenaran restoran dan gerai-gerai makanan, saya percaya lebih daripada empat (4) restoran di sana termasuk gerai-gerai, saya rasa ada 13 binaan di atas tanah Kerajaan. Jadi dalam kes ini ia berlaku di atas tanah Kerajaan, iaitu *reserve* Pantai Bersih Bagan Ajam. Seksyen 1 SPU dan tindakan penguatkuasaan sebenarnya di bawah Pejabat Daerah dan Tanah SPU di bawah Kanun Tanah Negara 1965 Seksyen 425 dan 426A. Beberapa mesyuarat telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah SPU dan MPSP sebenarnya dijemputlah bersama-sama agensi teknikal lain seperti PDRM, TNB, PBAPP, JKR dan lain-lain. Tindakan diketuai oleh MPSP dan MPSP diminta membantu dari segi logistik dan dalam kes ini tindakan penguatkuasaan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tanah. YB. Bukit Tengah telah meminta maklumat lengkap bagi pembinaan enam pasar awam...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Belum habis lagi tentang isu tadi. Terima kasih kepada penjelasan yang telah dibuat. Sebenarnya kawasan yang dibina itu memang betul kawasan tepi pantai, *reserve* pantai tetapi yang empat (4) restoran ini berasal dari sebuah *shade* saja tapi telah menjadi bangunan kekal. Mungkin ada lain-lain yang berniaga itu semua pakai kanopi saja. Yang saya sebut dan minta jawapan bertulis daripada Kerajaan Negeri adalah empat (4) kedai makan makanan laut ini, yang telah dibina bangunan kelak disambung sampai ke kawasan laut tanpa sebarang kebenaran. Dan tindakan yang diambil hanya mengkompaun, maknanya beri peluang mereka berniaga, bayar kompaun setahun sekali. Ini jawapan yang diberi. Saya bukan reka-reka jawapan ini. Saya bukan buat fitnah, jadi apa tindakan seterusnya yang akan dibuat tentang empat (4) kedai makanan laut ini. Kalau di sebelah Pulau MPPP telah diberi notis. Tidak dilaporkan dalam surat khabar dan terus diroboh. Yang ini apa tindakan yang akan dibuat.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya telah memaklumkan Dewan ini apa keputusan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tanah dan Negeri untuk mengambil tindakan selanjutnya. Bagi PBT MPPP dan MPSP dijemput untuk membantu dalam operasi tertakluk kepada Jawatankuasa Tanah Negeri untuk buat keputusan berhubung dengan binaan-binaan yang menceroboh tanah kerajaan iaitu rezab pantai. Berbalik kepada Bukit Tengah yang ingin maklumat lengkap mengenai pasar, kompleks makanan dan tapak penjaja yang dibina oleh MPPP dan juga MPSP. Untuk makluman kepada Dewan ini, MPPP pada masa terkini telah dan sedang menjalankan projek-projek naik taraf di Pasar Chowrasta, Pasar Tanjung Bunga, Pasar Batu Lancang, Pasar dan Kompleks Bayan Baru, Pasar Taman Tun Sardon, Pasar Lebuh Campbell. Manakala kompleks makanan adalah di Padang Brown dan Kompleks Taman Desa Genting, Balik Pulau dan juga Kompleks Huma House, Batu Feringghi. Dan bagi tapak penjaja, tapak penjaja Jalan Perak satu cadangan meningkatkan kawasan tarikan pelancongan jajaran Batu Feringghi iaitu pasar malam di sepanjang Batu Feringghi juga akan dinaiktarafkan aktiviti itu yang merangkumi cadangan untuk membaiki kawasan pejalan kaki bagi menyusun dan menempatkan penjaja-penjaja yang menjalankan aktiviti di sana.

Sementara di Lengkok Batu Maung, projek naik taraf tapak penjaja akan dijalankan, tapak penjaja Taman Free School juga akan dirancang untuk disusun semula. Bagi MPSP pula dua (2) pasar awam yang dinaik taraf pada masa kini dan sedang dilaksanakan adalah Pasar Awam Berapit, Pasar Awam Kampung Baru dan satu pasar baru di Perkampungan Juru baru ditawarkan kontrak dan dimulakan kerja. Sementara gerai makanan yang dinaik taraf adalah gerai makan Taman Jaya Bukit Mertajam. Inilah tambahan dari projek-projek lain yang telah pun dilaksanakan oleh kedua-dua PBT sepanjang tiga tahun ini. Saya percaya dalam beberapa tahun lagi tertakluk kepada peruntukan lebih banyak pasar, kompleks...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Pohon penjelasan. Saya nak tanya sikit mengenai hal penjaja ini. Kita ada banyak penjaja yang tidak daftar kita panggil penjaja haram. Tapi masalah di sini bila kita ambil tindakan terhadap penjaja haram ini, yang tidak berdaftar, yang tidak berlesen, lebih sesuai la, haram ini rezeki itu halal kita saja. Yang tidak berlesen ini, di dua-dua di Pulau dan di Seberang Perai ini berapa banyak dan bila kita dah ambil tindakan mereka ini untuk cari makan kehidupan mereka. Apakah program yang kita buat, adakah sebelum kita ambil tindakan ini? Kita kena pastikan tempat untuk pindah, berapa banyak, bila kita ambil tindakan? Mereka ini ada bidang kuasa untuk cari makan, apakah sebelum ambil tindakan, sebab bagi saya *self entrepreneur* mereka ini ada bidang kuasa, berusaha sendiri, mereka tidak perlu bantuan kerajaan *train* mereka, kalau kita ambil tindakan mereka hilang punca pencarian perniagaan dan hilang punca rezeki. Adakah kita sediakan tempat, pastikan berapa ramai tempat dia begini, begitu? Kalau kita tidak buat, mereka bukan cari rezeki tidak betul mencuri ke, menghalang ke, saya takut kekangan hidup apabila hilang peluang perniagaan mencari rezeki mereka bertukar menjadi perkara-perkara lain yang tidak sihat, akan melibatkan kejadian lain-lain la, benda-benda negatif itu berlaku. Saya minta Kerajaan Negeri sebelum apa-apa tindakan diambil kita kena kaji dulu bagaimana kita nak *plan*, supaya hidup mereka ini terjamin daripada rezeki cari sendiri.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa Yang Berhormat perlu sedarlah apa saya katakan tadi memang usaha untuk saya memberi peluang kepada penjaja-penjaja yang tidak berlesen untuk mendapat peruntukan gerai, pasar atau tapak penjaja yang dinaik taraf, kalau ada ruang yang kosong memang ada misalnya Chowrasta selepas naik taraf memang ada ruang untuk ditawarkan. Sebenarnya MPPP dan MPSP mengadakan *interview* setiap bulan *just walk in* beratus-ratus gerai disediakan setiap *interview* gerai disediakan setiap *interview* keputusan dapat diketahui dalam 48 jam melalui SMS itu sudah pun di tambah baik urusan dan prosedur PBT supaya peniaga-peniaga kecil dapatlah gerai-gerai yang disediakan, tetapi kita pun faham di Negeri ini masih ada beribu-ribu gerai yang tidak ada lesen, sebab kebanyakannya ceroboh tanah Kerajaan, *reserve* jalan dan sebagainya gejala yang kita lihat memang sukar untuk ditangani. Kita sedar bahawa apa usaha untuk untuk menempatkan semula perlu juga menyediakan tapak alternatif. Itulah cabaran kita pikul untuk memastikan peluang-peluang ini dapat diberikan kepada peniaga-peniaga kecil, di samping dengan tegasnya menyatakan bahawa, tidak dapat toleransi kalau suka-suka buka gerai, bina atas tanah Kerajaan sebagainya.

Pihak Kerajaan Negeri dan saya sendiri mengaku perkara ini, baru-baru ini saya cadang dan dapat persetujuan pihak Kerajaan Negeri dan EXCO untuk menggubal satu dasar pematuhan dan penguatkuasaan. Dasar pematuhan terhadap undang-undang kecil atau apa akta pun, apa peraturan dan garis panduan dan selanjutnya. Apakah tindakan yang kita akan ambil setelah meneliti keadaan dan menyediakan, kalau boleh tapak-tapak alternatif atau memberi satu peluang kepada proses pemutihan dan sebagainya. Supaya kita dapat sebuah Negeri lebih afdal, lebih teratur sementara kita menjadi sebuah negeri bandar raya bertaraf antarabangsa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya *for the* rekod, untuk kita rekod, kita dengar tadi ada beribu-ribu peniaga, dalam kita rancangan ini. Berapakah ruang kosong yang kita *plan* kosong? Untuk tahun ini berapa, untuk tahun depan berapa, adakah angka beribu ini kita boleh kita *tackle* tiap-tiap tahun berapa ratus? Adakah rancangan ini dijalankan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang rancangan ada usaha dan ada beberapa peringkat, kita tidak ingin lihat setiap hari ada gerai baru, kalau begitu apa usaha pun tidak dapat kejar. Jadi kita putuskan dari tarikh itu, sebarang binaan yang tidak ada kelulusan, gerai yang tidak ada kelulusan tindakan penguatkuasaan akan diberi keutamaan kepada kes-kes sedemikian supaya kita dapat mengawal keadaan sebelum meneruskan kes-kes yang sedia ada. Kita perlu menangani kes-kes yang baru supaya bilangan itu dapat dikawal sementara usaha-usaha penempatan semula dapat dijalankan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Padang Kota. Berkenaan penjaja yang tanpa berlesen ini. Sebenarnya kita ada banyak faktor juga YB. Padang kota kata tadi sebentar tadi, penguatkuasaan diambil itu khasnya, apabila ada banyak aduan-aduan khasnya mengganggu lalu lintas dan juga menimbulkan kacau ganggu ke atas jiran-jiran yang di sekitar itu. Itu tindakan yang saya rasa perlu diambil dengan segera, jika penguatkuasaan seperti aduan-aduan tersebut tidak diambil, maka keadaan dan ketenteraman di kawasan tersebut akan juga dipengaruhi. Oleh itu, saya rasa selagi kita tidak ada satu dasar yang holistik untuk menangani penjaja-penjaja yang tanpa berlesen ini. Maka saya rasa yang penguatkuasaan ke atas kes-kes yang menerima aduan-aduan yang banyak ini, perlu diambil, diutamakan supaya dapat mengembalikan keadaan. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan. Saya nak bagi pandangan sedikit sebenarnya tadi andai kata mereka ini individu ada *self determination* ada nak mencari rezeki, kalau ada individu *self determination* nak mencari rezeki, sebenarnya ada banyak cara yang tidak haram yang mereka boleh gunakan, yang penting adalah jika gerai-gerai ini memang di tempat yang tidak sepatutnya, maka tidak patut menggalakkan situasi begini dan disebabkan itu Kerajaan Negeri pun ada *Smart Center* di mana mereka yang ingin mencari pekerjaan yang tidak haram, yang memang *legal*, mereka boleh pergi ke *Smart Center* untuk menggunakan *self determination* daripada rezeki mereka untuk mencari pekerjaan yang betul.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan Yang Berhormat apa yang saya maksud apabila satu orang berniaga penjaja berniaga satu tempat yang sewa kedai yang lebih mahal RM2,000.00, RM3,000.00. Sebab itu saya tanya soalan saya tadi kita tahu ada ribu,

banyak. Apakah perancangan Kerajaan Tempatan gerai contohnya tahun depan berapa banyak untuk *level* gerai ini disediakan? 300 ke, 400 ke, boleh kita *transfer* mereka masuk kawasan itu, kalau kita nak minta mereka cari satu tempat, kalau kita tidak disediakan satu gerai mereka, kena cari rumah-rumah kedai dan rumah-rumah kedai *cater* dan nak sesuai dengan gerai jual goreng pisang, jual laksa, pendapatan sehari RM50.00, RM60.00 nak sewa gerai, nak sewa kedai yang besar tidak mampu sebab itulah soalan ini saya tanya perancangan kita untuk mereka yang ramai ini. Setahun berapa banyak gerai yang boleh kita masuk mereka supaya mereka boleh cari makan, itu yang niat saya, jangan salah faham.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dari dua pandangan dari satu pihak, pihak sana dan pihak sini, di sana. Walaupun ada pandangan ini menunjukkan keprihatinan terhadap isu ini, *appreciation* terhadap beban yang terletak di atas PBT untuk menangani isu-isu ini yang bukan senang PBT...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Perlu mendapat keseimbangan di antara orang yang ingin penguatkuasaan berbanding dengan peluang menjalankan perniagaan secara sah. Jadi sebab itulah kita rasa sudah sampai masanya satu (1) dasar pematuhan, satu (1) dasar penguatkuasaan dapat digubal supaya kita dapat lihat secara lebih holistik isu-isu yang di hadapan kita dan sememangnya bukan senang, memang satu cabaran. YB. Telok Bahang sebenarnya telah membangkitkan saya merenung juga sebab kebanyakan melibatkan kes-kes ini kaum Melayu dan Bumiputera gerai-gerai kecil, di tepi jalan. Saya pun nak tanya-tanya setelah 30 tahun Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya pelbagai program-program membantu, tetapi masih tidak dapat melonjak kepada satu (1) landasan yang lebih tinggi berbanding apa yang kita lihat sekarang cuma mampu menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di tepi-tepi jalan. Bukan PBT pikul tanggungjawab sepenuhnya tetapi apa pula dengan agensi-agensi lain-lain Kerajaan Pusat dan sebagainya dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera dan Melayu khususnya dalam perniagaan kecil-kecilan ini. Itu memang wujudnya satu percanggahan dengan *rule phase* dan *law phase society* yang kita lihat sekarang memang bercanggah dan penguatkuasaan pun dijalankan secara berhemah, bukan setiap hari kita melakukan penguatkuasaan. Oleh itu, dalam kes disebutkan tadi tahun 2009, tahun 2013 baru ambil tindakan perobohan. Itulah dilema yang kita hadapi masyarakat kita khususnya PBT apabila menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Nak beri pandangan sedikit.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Padang Kota. Saya nak cerita apa yang berlaku mungkin boleh diambil iktibar oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sepanjang Pantai Bersih memang ramai orang berniaga bawah pokok kelapa, bawah pokok ketapang, pasang khemah dan sebagainya kawasan saya itu, kawasan Telok Ayer Tawar. Saya ingat 13 tahun dulu saya ada mohon kepada MPSP untuk membina *food court*, gerai-gerai di kawasan Pantai Bersih itu. 30 unit, berebut-rebut orang ambil, tapi di *food court* kena bayar sewa. Selepas masuk penggerai-penggerai dalam *food court*, penggerai luar pula masuk yang di luar masuk *food court* yang lain pula masuk luar, jadi yang maju saya pelik orang Pulau Pinang suka makan di bawah pokok berbanding tempat yang bersih, dan yang lebih teratur. Ini budaya kita agaknya bersantai. Jadi di bawah itu tak bayar sewa, tak bersih itu maju. Akhirnya yang di atas *food court* bila tengok di bawah maju, habis semua lari turun. *Food court* dah tidak maju, tak jalan dengan baik. Ini menunjukkan satu penguatkuasaan. Saya ingat dah selesai isu penggerai-penggerai tanpa izin di bawah tu, tetapi nampak gaya dua (2) kali masalah sebab yang dalam *food court* itu gaduh tak ada *bisnes*, yang di bawah menjadi masalah kepada duduk dalam *food court*. Ini harap dapat memberi iktibar Pihak Berkuasa Tempatan supaya mengambil tindakan sebelum ianya menjadi bubur, nasi menjadi bubur.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya menganggap pandangan Telok Ayer Tawar sebagai *satu endorsement* kepada satu dasar pematuhan dan penguatkuasaan. Saya rasa kalau satu isu yang selalu kita hadapi campur tangan Ahli Politik apabila tindakan-tindakan dan penguatkuasaan diambil.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tambah sikit saja. Kawasan Pantai Bersih cukup popular dan saya rasa banyak lagi kawasan-kawasan pantai dan sebagainya. Tepi sungai yang popular. Kalau boleh buatlah gerai di situ, tempatkan mereka di dalam gerai-gerai secara elok supaya mereka boleh berniaga dengan sempurna. Perhatian harus diberi untuk kemudahan pada peniaga-peniaga kecil ini supaya mereka tak jadi peniaga haram.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Itu sebab mendorong saya mencadang dasar ini sebab saya pun harap dalam Penggal Kedua ini isu-isu sedemikian dapat ditangani dengan lebih berkesan. Penggal Satu kita buat banyak juga, Penggal Kedua fokus Bahagian Kerajaan Tempatan memang kita cuba dari segi pematuhan bukan dari segi penjaja di tepi jalan tapi lain-lain perkara yang memerlukan pematuhan terhadap undang-undang. Saya mungkin baru mula...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Bahagian Kerajaan Tempatan memang pukul 9.00, pukul 10.00 tak boleh habis. Saya rasa cukup setakat ini untuk penjaja-penjaja.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan pendek kata.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

(gangguan), penjaja-penjaja. Memang YB. Penaga, YB. Sungai Dua, YB. Bertam dan YB. Pulau Betong saya *skip* lah semua ini. Ini berhubung dengan penjaja-penjaja dan sebagainya. Tadi saya rasa hujah-hujah tadi jelas menunjukkan komitmen pihak Kerajaan Tempatan untuk menangani isu-isu berhubung dengan penjaja ini.

YB. Batu Uban menimbulkan isu di mana tindakan tidak diambil terhadap salah guna premis kediaman untuk tujuan komersial. MPPP dan MPSP akan ambil tindakan terhadap semua aduan dan salah guna premis kediaman untuk komersial. Ini satu lagi kategori yang kita perlu tangani. *Change of view* dan sebagainya. Jadi sampai waktu kita ada dasar ini. Memang PBT akan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 27 dan juga Akta Jalan, Parit dan Bangunan ke atas kesalahan tukar guna bangunan daripada bangunan kepada komersial. YB. Batu Uban juga menyentuh masalah pemantauan di peringkat penyelia serta kekurangan di peringkat bawah.

Untuk makluman Dewan, bagi meningkatkan tahap pemantauan kerja-kerja pembersihan di lapangan, *ratio* penyelia dan pekerja adalah 1:10. Satu penyelia kepada 10 pekerja. MPSP membuat pengisian kakitangan mengikut waran perjawatan yang telah diluluskan oleh JPA. Walau bagaimanapun, MPSP juga membuat pelantikan tambahan Pekerja Awam sebanyak 1,000 orang secara lantikan kontrak khususnya bagi menampung kerja-kerja pembersihan di seluruh Seberang Perai. Manakala MPPP pula sentiasa melaksanakan pemantauan ke atas kakitangan mereka. Bagi kategori kakitangan bawahan yang bertugas di luar pejabat, sistem panggilan nama dilaksanakan bagi memastikan kakitangan sentiasa berada di tempat bertugas. Bagi kakitangan yang bertugas di pejabat, buku rekod keluar/masuk pejabat disediakan di setiap jabatan bagi mengawal pergerakan kakitangan pada waktu bekerja.

YB. Pengkalan Kota, YB. Seri Delima dan YB. Permatang Pasir membangkitkan isu warga asing yang menjalankan perniagaan di premis-premis perniagaan di seluruh Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu berkaitan dengan penglibatan warga asing dalam menjalankan aktiviti perniagaan di premis-premis perniagaan dipantau oleh PBT bersama dengan Jabatan Imigresen. Pada masa kini, MPPP sedang giat menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersama Jabatan Imigresen bagi mengatasi isu peniaga warga asing dan pemantauan dan pemeriksaan dijalankan bagi memastikan tidak salah guna permit kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Namun satu isu yang timbul adalah apabila memang menjadi dasar tidak membenarkan warga asing untuk mendapat lesen penjaja.

Walau bagaimanapun, untuk lesen premis am dan industri pemilikan oleh warga asing adalah dibenarkan memandangkan wujudnya pelabur-pelabur warga asing yang membuka perniagaan dan industri di Pulau Pinang. Isu utama yang timbul adalah apabila lesen warganegara kita disewakan kepada warga asing dan dijadikan 'Ali Baba' yang baru, di mana lesen orang tempatan tetapi pengusaha itu orang warga asing. Untuk menangani masalah ini, MPSP bersama dengan Agensi Penguatkuasaan yang lain secara berterusan memantau dan mengadakan operasi bersepadu.

YB. Tanjung Bunga dan YB. Berapit telah membangkitkan isu tanah tinggi yang berisiko. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, MPPP dan MPSP mempunyai pegawai yang memantau kerja di tanah tinggi yang berisiko. Pemaju hendaklah menjalankan pembangunan mengikut pelan yang diluluskan. Pemaju akan didakwa sekiranya tidak mengikut pelan berlulus. Bagi kawasan Seberang Perai, pembangunan di tanah tinggi adalah kurang berbanding dengan kawasan Pulau. Selain itu, cadangan untuk mewujudkan *task force* bagi perkara ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa. Setiap pembangunan di tanah tinggi memerlukan kelulusan laporan geoteknik sebagaimana syarat yang dikenakan oleh JKR sebelum pertimbangan permohonan kebenaran merancang. Selain dari pemantauan oleh MPPP, pemaju dikehendaki melantik jurutera geoteknikal dan jurutera pemeriksa bebas, *independent checker* untuk memastikan kerja-kerja pembangunan dijalankan mengikut pelan kerja tanah yang diluluskan oleh MPPP.

YB. Tanjung Bunga juga mencadangkan untuk mewujudkan jabatan-jabatan baru. Suka saya maklumkan kepada Dewan ini, MPSP telah menubuhkan beberapa jabatan baru seperti Direktorat Penguat Kuasa, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa dan Jabatan Landskap di samping beberapa unit baru seperti Unit Warisan di Jabatan Bangunan dan Unit Eko Komuniti yang menjuruskan kepada aspek Program Kitar Semula dan Local Action 21 di Jabatan Kemasyarakatan. Manakala MPPP telah mengemukakan permohonan baru bagi penstrukturan semula organisasi majlis ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kini masih dalam peringkat pertimbangan. Ini dibuat kerana kita pun sudah pohon untuk mendapat status bandar raya dan memerlukan pengstrukturan organisasi dan penambahan jawatan tetapi permohonan ini masih dalam peringkat Ketua Setiausaha Negara untuk membuat kelulusan terakhir sebelum Pulau Pinang dapat pengiktirafan sebagai status bandar raya. Harap-harap dapat dicapai dalam tahun yang akan datang. Oleh itu berbagai jawatan dipohon dalam *exercise* ini dan jabatan-jabatan yang baru yang telah pun diwujudkan dalam pengstrukturan semula ini adalah Jabatan Perundangan, Jabatan Landskap, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Warisan dan Direktorat Penguat Kuasa. Penubuhan jabatan-jabatan dan unit-unit baru ini adalah untuk memastikan peningkatan prestasi perkhidmatan dan kecekapan mutu kerja PBT.

Kerajaan Negeri mengambil serius cadangan YB. Paya Terubong untuk meningkatkan usaha ke aras teknologi hijau termasuk cadangan untuk membina bangunan jimat tenaga dan rumah mampu milik untuk semua rakyat Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MPPP dan MPSP pada masa kini ke arah pelaksanaan teknologi hijau. Sebagai contoh, perancangan pembangunan di Batu Kawan adalah berkonsepkan Eco-City. MPSP mengenakan syarat menggalakkan pemaju membina bangunan yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau bagi menjimat

tenaga. Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah penyediaan bukaan atau ruang pencahayaan dan pengudaraan semula jadi yang mencukupi, menggalakkan tadahan air hujan untuk kitar semula serta lain-lain kemudahan. Manakala MPPP pula sedang merancang untuk melaksanakan konsep *low carbon city*. Selain itu, MPPP dari semasa ke semasa mengesyorkan pemaju ke arah pembangunan yang jimat tenaga antaranya menggalakkan bangunan untuk mempunyai pengiktirafan *Green Building Index (GBI)*.

Untuk makluman Dewan ini, di bawah Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan Nisbah Plot di MPPP iaitu 87 unit seekar yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 28 Jun 2010 telah ditetapkan kadar bayaran pemajuan adalah RM15 kp untuk kediaman dan RM21 kp untuk perniagaan. Bagi projek yang mendapat pengiktirafan *Green Building Index* di semua peringkat bermula daripada reka bentuk, pelaksanaan sehingga siap projek tahap emas dan ke atas bayaran pemajuan RM5 untuk kediaman dan RM7 untuk perniagaan dikenakan, maksudnya kadar lama diikuti kalau mana-mana pemajuan dapat GBI sebagai satu insentif untuk pemaju mencapai GBI bagi bangunan-bangunan itu. Rebat hanya boleh dituntut perakuan siap dan pematuhan dengan mengemukakan pengesahan daripada *GBI Accreditation Panel*.

Cadangan YB. KOMTAR agar menyarankan Kerajaan Negeri menerapkan pelaksanaan teknologi hijau, penjimatan tenaga seperti lampu LED dan tenaga solar sememangnya telah lama dibincangkan dan diberi perhatian yang serius. Bagi jangka masa pendek, MPPP telah memasang *time switch* sebagai peralatan tambahan pada kotak kawalan (*feeder pillar*) lampu jalan bersama dengan peralatan *photocell* untuk mengawal waktu menghidupkan dan mematikan lampu jalan. Kaedah ini akan dapat mengawal penggunaan tenaga elektrik pada kadar yang sepatutnya dan dapat mengelakkan pembaziran tenaga. Inilah sesuai dengan cadangan untuk meningkatkan atau menambah tarif elektrik sebanyak 15% pada tahun akan datang. Maka ini satu penjimatan yang besar.

Manakala perancangan MPSP lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan rekreasi dan taman awam melalui projek CSR. Terdapat beberapa kawasan yang telah menggunakan teknologi hijau seperti Taman Tugu di Seberang Jaya, Taman Tugu Kota Demokrasi di Bagan iaitu menggunakan LED dan Solar dan Bukit D.O yang menggunakan LED. Perancangan lima (5) tahun Jabatan Kejuruteraan MPSP juga turut menekankan mengenai keutamaan pemasangan lampu LED di kawasan *compound* pejabat-pejabat milik MPSP sebagai percubaan sebelum diperluaskan di kawasan lain. Ini akan bergantung kepada peruntukan semasa MPSP.

YB. KOMTAR juga menyarankan PBT supaya membuka tawaran RFP ataupun memanggil tender untuk menggantikan semua lampu jalan yang lama. Sebagai tindakan jangka panjang, MPPP telah merancang untuk menggunakan *lantern* lampu jalan HPSV atau menggantikan yang sedia kepada lampu LED yang bersesuaian melalui tender ini. Susulan dengan perancangan ini, MPPP telah memasang lampu jalan LED di beberapa lokasi sebagai tapak kajian penggunaan lampu jalan jenis LED. Pemasangan lampu jenis LED melalui tender akan dilaksanakan tahun hadapan seperti berikut 5,000 jenis lampu jenis LED dipasang di kawasan *Free Trade Zone* dan *route 6* melalui RFP pada pertengahan tahun 2014. 6,000 lampu jenis LED akan dipasang di kawasan George Town melalui RFP pada baki jalan, lampu jalan di bawah seliaan MPPP akan di jalankan tahun 2015. YB. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan. YB. Padang Kota, dalam cadangan saya ada juga cadangkan *technology solar* kerana kita *facing* banyak *cable port* semasa musim hujan atau hari hujan semuanya yang menyebabkan sepanjang jalan mungkin tidak mempunyai lampu jalan dan ini kerap berlaku di kawasan-kawasan bandar, so ini juga membahayakan pengguna jalan raya. Adakah cadangan *solar* yang tidak perlukan kabel bawah tanah itu akan di *consider* kan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Setiap teknologi memang ada kebaikan, kelebihan dan kelemahan juga, dalam kes ini memang kelemahan sistem *solar* adalah bateri yang perlu ditukar juga menelan perbelanjaan yang besar juga. Jadi memang MPPP dan MPSP akan mengkaji kesesuaian teknologi apabila melaksanakan RFT ini. YB. Permatang Berangan telah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji semula *development charges* atau sumbangan perparitan yang telah menyebabkan harga rumah naik. Ini memang satu pandangan yang selalu di kita dengar bahawa *development charges* yang di *impose* oleh PBT telah menyebabkan harga rumah naik tetapi dalam kenyataan baru-baru ini oleh REHDA. Kalau pecahan kos untuk bina rumah 60% adalah dari segi binaan *material* dan *construction*. Dari segi *development charges* 10% to 50% dan lain-lain menyebabkan ada beberapa faktor yang menyebabkan mengapa harga rumah di Negeri Pulau Pinang, kos tanah juga mengapa harga rumah di Negeri Pulau Pinang telah mencapai satu kadar yang tinggi.

Jadi bagi MPPP, dasar mengenai kawalan ketumpatan bayaran pemajuan yang telah dilaksanakan sejak tahun 80-an tak pernah dikaji semula, RM5.00 bagi satu persegi untuk kediaman dan RM7.00 untuk perniagaan. Kadar ini memang tak diubah sejak tahun 80-an, tetapi baru-baru ini diubah kerana sesuai dengan dasar ketumpatan yang lebih tinggi. Lapan puluh tujuh (87) berbanding lima belas (15) atau tiga puluh (30) unit. Maksudnya dengan dasar ketumpatan ini lebih banyak unit dapat dibina di satu (1) tapak, satu (1) keping tanah, maksudnya kalau diambil purata sepatutnya harga rumah patut turun walaupun ada kenaikan dalam *development charges*, tetapi berbalik kepada isu pokok *development charges* cuma *constitute* 10% hingga 15% dari kos dan sememangnya kalaulah pemaju atau tuan tanah tak rela untuk membayar *development charges* memang pun boleh. Dia ikut densiti saja kalau densiti enam (6) itu tak ada *development charges* kalau densiti lima belas (15) ikut tak ada *development charges*. Kalau densiti tiga puluh (30) ikut tak ada *development charges*. Cuma dalam kes-kes permohonan untuk meningkatkan densiti dan boleh diluluskan *development charges* dikenakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Di MPSP sebenarnya selama ini, tak ada *development charges*, cuma Kerajaan Negeri merasakan Pulau Pinang sudah pun dikenakan caj ini begitu lama, itu pun merancang dan akan berkuat kuasa juga sudah pun kuat kuasa juga. Di MPSP untuk melaksanakan caj pembangunan mulai 1 Oktober tahun ini. Di mana kadar itu jauh rendah berbanding dengan Pulau iaitu RM3.75 kaki persegi bagi perumahan dan RM5.25 kaki persegi bagi perniagaan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya cuma tertarik dengan *development charges* yang telah dinaikkan oleh Kerajaan Negeri dan mengikut apa yang dikatakan tadi, kenaikan yang kita nampak pada tahun yang akan datang selepas pelaksanaan GST dan juga YB. Padang Kota bersetuju yang dengan adanya pelaksanaan GST bahan-bahan pembinaan yang akan menaik secara begitu mendadak akan mempengaruhi sekali gus ke atas harga-harga rumah yang di Pulau Pinang dan juga di seluruh Malaysia ini. Oleh itu ada apa-apa tindakan dan usaha daripada Kerajaan Negeri untuk membantu orang-orang muda rakyat Pulau Pinang untuk memiliki rumah. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Komponen tanah dan kos pembinaan merupakan 80% daripada kos sebuah rumah. jadi kalau GST dikenakan atas binaan sememangnya akan membawa impak kepada kos untuk menyediakan rumah-rumah. Dan perkara ini saya rasa Kerajaan Negeri telah menjawab apakah usaha untuk menyediakan rumah mampu milik jadi beberapa bulan ini Kerajaan Negeri telah berusaha dengan begitu gigih untuk menangani satu masalah di Pulau Pinang di mana ada satu golongan yang besar. Misalnya YB. KOMTAR, dia menggunakan pengalaman dia sendiri yang terperangkap di tengah-tengah, terlalu layak untuk memiliki LMC tetapi tak cukup layak untuk membeli banglo atau kondominium, tetapi paras harga dalam lingkungan dalam RM200,000 hingga RM400,000 adalah satu (1) lingkungan yang mampu dibeli oleh golongan pertengahan ini, dan memang usaha-usaha yang dijalankan selama satu (1) dua (2) tahun ini adalah menuju kepada arah ini menyelesaikan masalah golongan yang inginkan rumah mampu milik.

Cadangan untuk meluaskan lukisan mural ke Seberang Perai sepertimana dibangkitkan oleh YB. Jawi akan diberi perhatian di George Town. YB. Bertam telah mengesyorkan bahawa hebahan melalui sidang akhbar dan sebagainya diadakan, sememangnya telah dilakukan oleh YB. Air Itam semasa beliau EXCO bersama dengan George Town World Heritage Incorporated. Dan juga MPPP memang telah menjalankan promosi terhadap *mural art* yang berada di sekitar Tapak Warisan Sedunia.

Cadangan YB. Machang Bubuk supaya disediakan tempat riadah kepada Orang Kurang Upaya merupakan cadangan yang baik dan kita sudah menerima pakai konsep *universal design, it is good for the OKU and it is good for everybody* kalau semua taman-taman permainan itu direka bentuk dengan mematuhi *universal design accessibility* maka saya rasa lebih banyak tempat-tempat rekreasi ini dapat disediakan

untuk semua golongan semua jenis *gender*. Baru-baru ini MPPP telah membina satu taman permainan kanak-kanak yang pertama di Malaysia iaitu, *accessible*, Taman Permainan *Accessible* yang dibina mengikut *universal design requirement* itu, satu contoh di mana kita ambil berat tentang keperluan. Mungkin ada *Gender Responsive Budgeting*. MPPP dan MPSP membolehkan mereka melihat keperluan yang sebenar dan merancang dan membina mengikut kehendak sebenar.

YB. Kebun Bunga, yang membawa kita yang membawa kita ke seluruh dunia, tetapi tak lari dari satu isu tempatan iaitu, isu di kawasan saya sebenarnya, Sekolah Shih Chung yang terbiar begitu lama. Di Jalan Sultan Ahmad Shah, itu di kawasan saya juga. Dan juga di pinggir Tapak Warisan Sedunia. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan mana-mana bangunan yang terbiar, khususnya usang dan berbahaya atas faktor keselamatan kepada orang awam dan persekitaran, apabila selepas tuan punya bangunan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan. Memang dalam tiga (3) empat (4) tahun ini. Dari 500, 600 bangunan usang yang terbiar. Kita dapat mengurangkan sehingga lebih kurang, 100 sahaja. Usaha ini memang ada banyak kerja-kerja naik taraf, pemulihan dan sebagainya. Ataupun sekurang-kurangnya diletakkan *holding* untuk menjaga keselamatan.

Bagi kes Sekolah Shih Chung ini, pemilik pernah mengemukakan pelan permohonan kebenaran merancang untuk membangunkan tempat itu. Tetapi kita tahu memandangkan ia terletak di tempat Tapak Warisan Dunia, memang cabaran itu amat besar untuk dapat persetujuan daripada *technical review panel*. Jadi oleh kerana tidak dapat mematuhi garis panduan, kawasan pemeliharaan Pulau Pinang, permohonan itu ditolak. Permohonan itu untuk membaiki bangunan juga selain daripada bangunan yang barulah di atas tapak itu. Tetapi mungkin cadangan itu tidak memenuhi garis panduan berhubung dengan kerja-kerja pemulihan tetapi memang saya tahu, pemaju dan tuan tanah memang, memang mahu membaiki pulih bangunan itu, tetapi tertaklukkan kepada kehendak garis panduan warisan. Setelah itu apa yang digunakan saya biarlah Yang Berhormat untuk meyakinkan pemilik itu bahawa, bangunan itu, amat-amat bersejarah dan mungkin menawarkan ianya untuk dijadikan *consulate* Negara China sekali lagi. Itu terpulung kepada usaha Yang Berhormat. Kalau boleh saya ingin bantu jugalah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Yang Berhormat. Boleh penjelasan sedikit mengenai bangunan yang disebut tadi, iaitu bangunan Sekolah Shih Chung yang berada di Jalan Sultan Ahmad Shah, yang bangunan ini, saya akan bantulah kerana jikalau ada peluang, cubalah sebanyak mungkin boleh minta bahawa bangunan ini boleh ditukar atau boleh ditubuhkan sebagai sebuah Tapak Warisan yang sebenarnya, untuk Yang Berhormat dalam Dewan yang ini tidak dapat maklumat mengenai bangunan ini, bangunan ini sebenarnya dalam sejarah telah tiga (3) kali menjadi, *consulate* Negara China sebelum itu. Jadi yang saya lupa menyatakan bahawa bangunan ini ia memang tapak, salah satu tapak di mana revolusi Negara China dan *meeting place* ...(dengan izin), tempat mesyuarat di Pulau Pinang. Kerana bangunan ini sebenarnya merupakan salah satu bangunan ini di Pulau Pinang Negara China sudah tukar sejarah mereka kerana revolusi yang telah dicadangkan ataupun dirancangan adalah di Pulau Pinang dan dengan ini saya rasa, seperti yang dinyatakan sebelum itu, dari segi pelancongan, dari

segi diplomasi di antara Negara dan Negara G2G dan juga dari segi yang baru-baru ini yang dibincang di antara *Prime Minister* kita dengan Presiden Negara China, Presiden Xi Jing Ping iaitu mengenai menubuhkan satu konsultan di Pulau Pinang. Saya rasa amatlah sesuai jikalau bangunan ini boleh di bawah bimbingan dan peraturan dan juga pembantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menwujudkan bangunan ini sebagai satu bangunan yang amat sesuai bersejarah dan bermakna. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga. Saya berharap usaha Yang Berhormat akan berhasil juga dan Yang Berhormat juga membawa isu di Kawasan Padang Tembak supaya diberi nafas baru dari segi infrastruktur dan kemudahan awam. Saya percaya Yang Berhormat pun sedar pada tahun ini sahaja MPPP telah menaik taraf Kawasan Padang Tembak dengan perbelanjaan RM1.35 juta. Nanti lain-lain ADUN merasakan saya pilih kasih mengapa banyak belanja di Kebun Bunga, di Padang Tembak. Antara kerja-kerja adalah membina dan menyiapkan laluan Pejalan Kaki dan Rel Penghadang, membina dan menyiapkan Tempat Letak Kereta, membina dan menyiapkan laluan pejalan kaki, mengecat semula garisan lalu lintas, membekal dan memasang tiang lampu dan sebagainya sejumlah RM1.35 juta dibelanjakan pada tahun ini. Yang Berhormat Bertam dan Seri Delima juga membangkitkan isu berhubung penggondolan Bukit Relau, apabila Yang Berhormat berucap rakan di sebelah Telok Bahang dia risau sebab kepala dia pun dia kata semakin gondol...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini menyakitkan hati Pengerusi.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Untuk makluman Dewan ini, tiada maklumat berhubung projek yang hendak dilaksanakan, sebab tiada permohonan kebenaran merancang di Bukit Relau dikemukakan kepada MPPP, itupun pernah kita jelaskan. Mengikut rekod tiada kebenaran merancang diberikan atas pembangunan di Bukit Relau kerana permohonan memang tidak dikemukakan. Untuk makluman Dewan ini, pemilik tanah yang telah menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran masih meneruskan kerja-kerja mitigasi dan sebenarnya MPPP telah mewajibkan mereka mengemukakan dan melantik satu konsultan yang berwibawa untuk kemukakan *mitigation plans* selewat-lewatnya 19 Disember ini kalau dilulus maka kerja-kerja mitigasi yang lain dapat dijalankan oleh tuan tanah, tuan tanah sebenarnya telah melantik Pakar Geoteknikal untuk kemukakan pelan mitigasi yang menyeluruh. Saya cuma nak tegaskan di sini bahawa PBT mempunyai kuasa secara *administrative* sahaja untuk menyenarai hitam mana-mana individu atau syarikat yang melanggar peraturan PBT. Dalam kes tanah di Bukit Relau, MPPP juga mempunyai kuasa yang sama sekiranya MPPP memutuskan untuk membuat demikian.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Telok Bahang, pemantauan berkala sentiasa dijalankan oleh MPPP ke atas bukit-bukit di Pulau Pinang di mana dua jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh pakar-pakar yang berpengalaman iaitu Jawatankuasa '*Hillside Development Planning Review*' untuk mengkaji semula

polisi-polisi dan satu Jawatankuasa Penasihat Teknikal bagi memastikan cadangan pembangunan baru mematuhi *guidelines* yang digubalkan pada tahun 2012 dan juga melatih dan memantapkan lagi kakitangan Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan MPPP dalam menyediakan kerja-kerja harian di samping memajukan strategi dan perancangan untuk meningkatkan pengurusan yang mampan.

Yang Berhormat Tanjong Bunga pernah bercadang supaya *man power* dalam Bidang Geoteknikal ditambah baik, saya percaya MPPP sedang dalam usaha melantik atau melantik beberapa Jurutera dan juga kemungkinan juga secara kontrak melantik pakar dari luar negara untuk memperkukuhkan Unit atau Bahagian Geoteknikal di Jabatan Kejuruteraan MPPP.

Yang Berhormat Sungai Acheh membangkitkan masalah Pasar Kemboja dan saya rasa jawapan bertulis sudah pun dikemukakan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Acheh juga membangkitkan projek pembangunan di sebelah Pasar Raya Yawata yang itu di kawasan Jawi juga, Yang Berhormat kata yang diwartakan sebagai kawasan umum atau taman permainan. Mengikut rekod MPSP tiada pewartaan untuk kawasan umum di sebelah Pasar Raya Yawata di Nibong Tebal.

Yang Berhormat Sungai Pinang mencadangkan pemasangan CCTV untuk Bandar Selamat. MPPP telah melaksanakan pemasangan CCTV ini dan di beberapa tempat di Jalan Sungai, di simpang Jalan Jelutong, dan Jalan Madrasah, di Simpang Jalan Jelutong, Jalan Perak, simpang Jalan Perak, Jalan Slim, Simpang Jalan Penaga, Lorong Juru, Jalan Jelutong berdekatan dengan Pejabat Pos. Yang Berhormat Sungai Dua juga ada sentuh tentang pemasangan CCTV dan saya ingin maklumkan bahawa MPSP sedang dalam pelaksanaan pemasangan 56 CCTV di Seberang Perai dan perkara ini dalam pertimbangan Lembaga Perolehan yang akan bersidang 12 haribulan, iaitu hari ini juga.

Untuk makluman kepada Dewan, Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk memasang CCTV di setiap persimpangan jalan raya utama untuk memastikan keselamatan dan mengawal kesesakan lalu lintas. Untuk langkah permulaan lokasi pemasangan kamera CCTV akan ditentukan oleh MPPP bersama Polis berasaskan statistik jenayah. Sebahagian lokasi yang ditentukan itu juga melibatkan persimpangan-persimpangan jalan iaitu di antara 60 buah kamera CCTV yang telah dipasang setakat ini dan MPPP dalam bulan ini sedang memasang 75 buah kamera CCTV yang dijangka dapat disiapkan pada 24 Disember ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan YB. Padang Kota, berkenaan dengan CCTV yang saya juga ada membuat satu soalan bertulis kepada kepada Kerajaan Negeri di mana dalam jawapan YB. Padang Kota ada menyatakan bahawa sehingga kini tiada sebarang CCTV dipasang di KADUN Machang Bubuk. Walau bagaimanapun tiga buah CCTV telah disenaraikan dalam persimpangan untuk pemasangan bagi tahun 2013 dan 2014 dan lokasi-lokasi yang telah dikatakan dalam jawapan ini ada tiga (3) lokasi. Satu (1) persimpangan lampu isyarat Jalan Kulim ke Taman Machang Bubuk dan kedua simpang Jalan Kolam dan Sekolah Kebangsaan Juara Cherok To'kun, ketiga persimpangan lampu isyarat jalan masuk ke Taman Budiman, jalan masuk ke Tesco Alma dan Persiaran Seri Impian.

Apa yang saya nak bangkit di sini adalah walaupun tadi YB. Padang Kota ada menyatakan lokasi-lokasi itu telah ditentukan oleh pihak PDRM berkaitan dengan kes-kes jenayah yang berlaku, soalan saya adakah ketentuan pemastian kawasan lokasi tersebut ada tanya dulu ADUN-ADUN kawasan dan juga sebab saya rasa ada tempat yang lebih penting lagi, lebih sesuai untuk dipasang CCTV itu dan sekiranya tempat itu sudah ditetapkan tanpa rundingan dengan penduduk-penduduk kampung atau Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan tersebut maka mungkin merupakan satu pembaziran ke atas CCTV yang dipasang tersebut. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Cuma tiga (3) di kawasan Machang Bubuk macam mana nak atur pun saya rasa tak cukuplah untuk seluruh kawasan Machang Bubuk, tapi Yang Berhormat boleh hubungi terus dengan Bahagian Kejuruteraan MPSP untuk mengesyorkan tempat-tempat yang boleh dipasang CCTV iaitu dalam kontrak ini iaitu 56 buah akan dipasang di seluruh Seberang Perai. Kerajaan Negeri berterima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Paya Terubong untuk menjadikan Kolam Dondang sebagai Taman Rekreasi di kawasan Paya Terubong tetapi... (gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota, tentang isu CCTV dalam pembahasan saya juga ada sebut jika memasang CCTV sahaja itu tidak cukup. Dalam kes keruntuhan struktur Menara UMNO kita telah dapat satu pengajaran yang cukup, cukuplah, kerana jika kita ada CCTV dan tidak mempunyai petugas yang mahir sepenuh masa CCTV itu hanya satu CCTV sahaja, so adakah Kerajaan Negeri mencadangkan untuk mengambil petugas sepenuh masa untuk mengawasi CCTV ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa walaupun PBT dan Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada isu-isu jenayah namun keselamatan dan hal ehwal negara itu bukan *co-business* Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Berkuasa Tempatan cuma boleh membantu dalam usaha ini dan agensi sepatutnya PDRM perlulah memberi perhatian kepada usaha ini dan memang ia dipasang mengikut di bawah NKRA. Itu satu inisiatif Kerajaan Pusat dan seharusnya PDRM ambil iktibar dalam kejadian ini untuk menambah baik. Tak ada alasan bahawa tak cukup kakitangan walaupun itu alasan sebenarnya ianya perlu ditangani juga oleh PDRM, walaupun Ketua Menteri sendiri telah menawarkan untuk hantar kakitangan majlis untuk membantu tetapi saya rasa tertakluk kepada PDRM sebab ini memang *co-business* mereka.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota, yang saya ketahui sistem CCTV ini ada tiga (3) *main station* mungkin cakap *main station* atau di satu di MPPP di tingkat tiga belas (13) Jabatan Kejuruteraan, satu di IPK, satu di IPD *police station* la. Jadi bermaksudnya tingkat tiga belas (13) kita tidak mempunyai petugas sepenuh masa dan di *police station* pun tidak mempunyai petugas sepenuh masa untuk menjaga CCTV ini CCTV ini untuk mengawal keselamatan, mencegah jenayah, so adalah

penting untuk mempunyai petugas sepenuh masa untuk menjaga dia dan kecuali, selain daripada mencegah jenayah CCTV ini juga untuk digunakan untuk pengawasan lalu lintas.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya harap PDRM dapat mendengar seruan Yang terhormat KOMTAR yang banyak kali menyentuh perkara ini untuk perhatian PDRM. Berhubung dengan pembinaan rumah burung walet yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penaga. Sukacita saya jelaskan bahawa semua pembinaan rumah burung walet adalah perlu mendapat kelulusan daripada PPT. Apa jenis juga bangunan mengikut akta dan undang-undang yang diguna pakai. Dan bangunan yang didirikan tanpa kelulusan adalah menyalahi Seksyen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Tindakan boleh diambil untuk meruntuhkan bangunan-bangunan sedemikian. Manakala isu berkaitan dengan minuman keras yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong, Kerajaan Negeri dengan bantuan pihak polis membuat pemantauan ke atas premis menjual minuman keras dan juga lesen tidak akan dikeluarkan kepada premis-premis di bawah rumah pangsa. Itu memang satu pendirian yang tegas di mana dan lain-lain perkara akan dipertimbangkan tentang kesesuaian premis yang memohon untuk mendapat lesen arak ini. YB. Sungai Acheh mencadangkan supaya elaun Ahli Majlis dinaikkan. Untuk makluman Dewan ini, memang Kerajaan bercadang dan bersetuju untuk menaikkan elaun ini yang akan diumumkan apabila pelantikan baru dilakukan awal bulan Januari akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kita dapat tahu dak lagi berapa elaun itu yang dinaikkan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sekurang-kurangnya apa yang mereka dapat sekarang adalah RM700.00 elaun dan RM600.00 elaun mesyuarat. Jadi kita cadang menambah sekurang-kurangnya 100%. Mengenai pengurusan lalu lintas, YB. Tanjong Bunga telah menyarankan *subway* di kawasan George Town. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang adalah sehingga tahun 2030 dan kajian ini tidak mencadangkan penyediaan *subway* untuk sistem transit awam. Ini adalah kerana sistem *subway* hanya *viable* dan dapat berfungsi secara berkesan dalam sebuah bandar yang mempunyai penduduk yang padat serta bilangan penduduk yang menggunakan pengangkutan awam yang tinggi. Walau bagaimanapun penyediaan *subway* untuk sistem transit awam boleh dipertimbangkan pada satu masa hadapan dengan peningkatan penduduk Pulau Pinang dan peralihan pengguna kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.

Bagi menjawab YB. Tanjong Bunga tentang laluan basikal. Saya ingin memaklumkan bahawa MPPP telah mengadakan Program Rundingan Awam bagi cadangan menyediakan Rangkaian Laluan Basikal di atas jalan sedia ada. *Green Road Sharing Concept* pada 4 Ogos dan tempoh hari MPPP juga telah bercadang untuk mengadakan *Bicycle Sharing Program* untuk menggalakkan penggunaan basikal di Tapak Warisan Dunia dan memang usaha untuk menyediakan *Bicycle Lane*, laluan basikal sedang dilaksanakan di peringkat-peringkat yang sudah pun kita nampak ada

sebahagian sudah siap dan dijangka dalam beberapa bulan lagi laluan dari Queensbay sehingga GAMA. Mungkin dapat disediakan apabila kerja-kerja pembinaan trek dan jambatan dan lain-lain kemudahan dapat disediakan. Manakala di MPSP mereka melakukan *trial ride* di SPU, SPT dan SPS. Memang konsep laluan itu di SPU adalah melalui kawasan-kawasan sawah dan bukan jalan-jalan utama. Lebih sebagai satu kegiatan rekreasi dan bukan satu *mode of public transport* setakat ini.

Saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu dalam ucapan sememangnya telah pun dijawab melalui jawapan bertulis dan saya tidak bercadang untuk mengulangnya. Bagi isu tebatan banjir, punca berlakunya banjir kilat adalah disebabkan hujan yang lebat dan berpanjangan. Aktiviti pembangunan yang berleluasa tanpa kawalan dan sistem perparitan yang tidak *efficient*. Terdapat dua kaedah yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi atau mengurangkan risiko kejadian banjir kilat iaitu penyelesaian secara struktur. Penyelesaian secara struktur melibatkan komponen pembinaan kejuruteraan seperti membina rumah pam, *barrage* seperti yang ada Singapore, ban, pengukuhan tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan kolam takungan, empangan dan juga pelencongan sungai. Manakala penyelesaian secara bukan struktur adalah melalui kempen-kempen penyediaan kajian reka bentuk terperinci bagi lokasi yang mengalami masalah banjir, Sistem Ramalan Awal Banjir, Sistem Stesen Siren, *Public Info* Banjir, penempatan semula penduduk dan sebagainya.

YB. Seri Delima telah membangkitkan masalah banjir di Lapangan Terbang Antarabangsa dan saya percaya Yang Berhormat EXCO Kerja Raya telah pun memberi jawapan. Dan bagi YB. Bukit Tengah yang membangkitkan berhubung peruntukan RM18 juta bagi projek tebatan banjir dan saya ingin maklumkan bahawa peruntukan pembangunan tahunan yang diluluskan adalah sebanyak RM13 juta tambahan RM5 juta adalah untuk tujuan membersihkan beberapa sungai dan pencemaran di kawasan Seberang Perai dan Jambatan Pulau Pinang. Senarai projek-projek memang sudah pun dapat di dalam buku Bajet. Kalau meneliti memang senarai-senarai bagaimana peruntukan ini digunakan telah disenaraikan. Bagi menangani isu banjir yang dibangkitkan oleh YB. Berapit, sebuah projek tebatan banjir di Kampung Baru sedang dilaksanakan dan harap boleh siap pada 17 Mac tahun depan dan pelaksanaan projek ini akan membantu menyelesaikan masalah banjir di kawasan Kampung Baru dan *Bee Garden*.

Berkaitan dengan isu banjir di kawasan Machang Bubuk. Saya merasakan ADUN yang muda, yang baru, memang menghadapi tekanan kerana banyak kali berlakunya banjir kilat di kawasan Machang Bubuk dan Alma. Jabatan Perairan dan Saliran SPT, saya rasa telah mengumumkan beberapa projek yang akan dilaksanakan untuk menangani isu ini dan baru ini kita pun meluluskan satu peruntukan supaya JPS, SPT boleh menjalankan satu Kajian Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam bagi SPT. Jawatankuasa yang diketuai oleh saya merasakan Kajian Pelan Induk ini amat penting supaya kita dapat satu gambaran yang holistik tentang masalah di setiap daerah dengan rujukan dan kerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan. Sebenarnya Pelan Induk bagi Daerah Barat Daya sudah dalam peringkat *final draft*. Dan saya pun mendapat persetujuan EXCO bahawa kalau boleh dan mesti boleh setiap daerah perlu juga menjalankan kajian Pelan Induk ini yang akan memimpin usaha semua agensi dalam menangani isu banjir dalam jangka yang panjang iaitu dalam tempoh 10, 20 tahun yang akan datang. Jadi dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Yang

Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan *portfolio* Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Semoga.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Penjelasan, sebelum itu sikit saja. Terima kasih. Yang pertama tadi walaupun Padang Kota menyebut soalan-saolan bertulis dah dijawab tak payah cerita. Cuma nak dapat maklumat tambahan tentang macam mana kedudukan Pasar Kemboja. Nanti saya balik saya nak cerita macam mana. Memang adalah. Kata dalam proses, tapi ini sekurang-kurangnya tentu dah ada keputusan walau tak banyak pihak PBT dan telah ambil tindakannya. Yang kedua, saya sambung sikit lagi, dari segi kebersihan tempat-tempat permainan kanak-kanak, kelengkapan peralatan tempat permainan itu banyak yang rosak. Di kawasan saya, sebagai contoh di Taman Sempadan, kasihan budak-budak nak main ni. Saya minta pertimbangkan segera lah. Ada dia orang dah hantar surat aduan tapi tak tak diambil tindakan lagi. Dah ambil gambar semalam ni, minta. Jadi saya haraplah dapat pertimbangan. Kemudian yang kedua, saya tak tahu, mungkin saya tak ada YB. Padang Kota jawab saya minta maaf. Saya nak bangkitkan soal taman permainan kanak-kanak di Jalan Nuri, Nibong Tebal. Padang permainan kanak-kanak itu dah lama wujud di situ, tak besar kecil saja untuk kemudahan pengunjung-pengunjung *supermarket*, pengunjung gerai dan kedai di situ. Sekarang ini dah dibina tandas di situ. Jadi saya tengok sempit, terlalu sempit tinggal tempat permainan tu. Dah asalnya sempit, sekarang dibina tandas tu. Jadi kalau boleh kita timbang tengoklah. Tapi nak timbang macam mana, dah bina dah. Cuma kita nak jelaskan pada rakyat lah kenapa perlunya tandas itu dari tempat permainan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ada sudah jawab tadi iaitu ianya bukan diwartakan sebagai taman permainan tetapi saya akan minta MPSP menimbang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Berhubung dengan Pasar Kemboja Yang Berhormat sedar bahawa ia terletak di sempadan Pulau Pinang dan Perak yang melibatkan MPSP dan juga Majlis Daerah Kerian. Jadi perbincangan telah pun diadakan bersama MPSP dan Majlis Daerah Kerian untuk mencari penyelesaian bagi menangani kesesakan dan ketidakselesaan penduduk. Di antara cadangan penyelesaian adalah hari peniaga ditukar dari Jumaat dan Isnin ke hari Sabtu sahaja. Pertukaran lokasi ke Masjid Seri Ampangan atau JKKK Seri Ampangan, Transkrian. Walau bagaimanapun ini cuma cadangan dalam perbincangan di antara dua Majlis sebelum keputusan muktamad dapat dibuat. Jadi itulah kedudukan terkini, saya rasa Yang Berhormat boleh bawa baliklah kepada penduduk-penduduk di sekitar itulah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Cuma ada sikit. Yang kata nak buat di Masjid Seri Ampangan, Masjid Seri Ampangan. Yang ini diatur oleh pihak PBT ataupun ada badan-badan tertentu yang buat permohonan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Detail saya tak dapat jawablah Yang Berhormat. Mungkin saya akan minta pegawai bertanggungjawab berhubung dengan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tapi tak pasti lagi.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tak pasti lagi, cuma cadangan saja.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sebab begini. Memang dengar dah cerita itu. Orang masjid, ada setengah tak setuju takut jadi masalah pula di masjid itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Wakil rakyat mesti dilibatkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Wakil rakyat...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Mesti dilibatkan dalam proses....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Maksudnya selepas ini kalau MPSP nak lulus pun selain daripada jabatan teknikal, wakil rakyat juga dijemput untuk bincang. Terima kasih Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jadi dengan ini sekali lagi saya ucapkan terima kasih...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Saya minta laluan. Tanya dua soalan penting. Dua ialah sebab yang jawab soalan ni YB. Chow, tapi saya tak, *sorry, sorry*, YB. Padang Kota, jadi saya tak pasti saya boleh tanya soalan ni sekarang. Tapi sebelum, saya akan cubalah. Jadi berkenaan dengan kemudahan bas, boleh saya tanya sekarang. Saya dapat jawapan dari YB. Padang Kota berkenaan sebab saya banyak sangat terima permintaan daripada penduduk di KADUN Penanti. Jadi, saya tengok ada bas yang dari Kepala Batas ke Bukit Mertajam, maknanya di laluan itu dia tak lalu di Taman Guar Perahu tu semua, Taman Guar Perahu ada 4,500 penduduk di situ, sebagai contohnya dan

hanya ada empat (4) bas yang dari Kepala Batas ke Bukit Mertajam dan kekerapan dia 35 to 45 minit. Saya nak mohon adakah kebarangkalian yang perkhidmatan bas akan ditambah terutamanya di laluan di Taman Guar Perahu sebab penduduk kat situ kebanyakannya *low income*.

Lagi satu (1) soalan, ataupun rayuan ialah berkenaan dengan, saya diberitahu yang EXCO sudah membuat keputusan untuk tidak menambah bilangan tong sampah. Tapi di kawasan saya sebagai contohnya, beberapa kampung dia hanya ada satu (1) tong, jadi *share*. Tapi pembuang sampah tu bukannya orang kampung, yang buang sampah itu peniaga, macam kedai makan semuanya, pasar malam, jadi penduduk, saya sendiri telah beritahu dalam beberapa Mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya yang saya dan juga kepada YB. Phee dan juga Puan Rosnani, saya nak beli tong sampah itu dan letak, tapi setiap kali saya cakap dia orang kata, kena ikut *speck* dan laluan dan sebagainya, tapi sampai sekarang tak ada apa-apa.

Yang terbaru saya diberitahu dah EXCO memang sudah buat keputusan tidak akan menambah bilangan tong sampah sebab nak menuju kepada *zero waste* ataupun sampah sifar. Jadi masalahnya penduduk terlampau marah, jadi dia orang buat *banner poster* besar gambar saya dan letak tong sampah letak dekat gambar saya lah. Jadi kemarahan penduduk itu. Saya tahu memang kita kena buat sampah sifar, saya pun memang tahu, tapi dengan keadaan yang seperti yang saya kata, beberapa kampung, sekurang-kurangnya tiga (3) kampung campur tiga (3) taman, kadang ialah taman memang sepatutnya pergi ambil sampah tiap-tiap rumah, tapi entah macam mana kadang ada yang *communal*, kadang tanah-tanah lot yang MPSP tak akan pergi rumah ke rumah dan kampung. Jadi, saya nak merayu kalau polisi ini mungkin dibuat secara peringkat ke ataupun bukan di kawasan kampung. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Profesor telah tak sabar ya...(gangguan) untuk menjawab. Sabar, kena sabar juga. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan pertama Yang Berhormat Penanti. Mengikut Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang, sekurang-kurangnya 500 bas diperlukan di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk mencapai satu tahap perkhidmatan yang cekap dan tepat. Tapi pada masa kini *Rapid Penang* cuma menggunakan lebih kurang 256 bas sahaja dan beroperasi di 42 laluan. Jadi mungkin 500 bas itu bolehlah menambahkan *efficiency* perkhidmatan bas dan juga menawarkan laluan-laluan yang lebih banyak. Jadi sehingga itu, saya rasa di kawasan-kawasan tertentu memang menghadapi kesulitan.

Namun begitu, atas inisiatif Kerajaan Negeri, kita memang menjalankan program *shuttle service* yang ditaja dan dibayar oleh pihak Kerajaan Negeri dan Bahagian Pengurusan Lalu Lintas sedang berusaha dengan *Cityliner* untuk selain daripada *Rapid Penang*, *Cityliner* boleh memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan yang masih belum menerima perkhidmatan daripada *Rapid Penang*. So, kita pun banyak kali dijanjikan oleh *Rapid Penang* bahawa bas-bas baru akan sampai, memang ada, tetapi masalahnya, bas-bas baru digunakan bukan untuk menambah *efficiency*, tetapi untuk mengganti bas-bas *batch* pertama yang sampai pada tahun 2007. itu pun sudah banyak rosak. So, bas-bas baru bukan letak untuk menambah baik servis, ataupun laluan yang baru, tetapi mengganti bas-bas yang sudah rosak.

Soalan kedua memang MPSP menuju kepada tong sampah bagi setiap premis sahaja, dan bukan *communal dust bin*. Oleh sebab itulah, ada *communal bin* peniaga dari kawasan luar datang untuk buang sampah. Itu pun menyebabkan masala kepada penduduk setempat. Jadi saya rasa saya perlu ucapkan terima kasih atas kesabaran penduduk di Seberang Perai sebab masalah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sejak tahun 2005 sudahpun diarahkan untuk *put on freeze*. Kontrak-kontrak baru, peralatan, dan sebagainya. Kontrak-kontrak dilanjut bulan demi bulan. Apa yang dibangkitkan dari Pulau Betong, kontraktor akan hilang *capital asset* juga. Sebenarnya dalam begitu tempoh ini memang tak adalah penambahbaikan dari segi aset-aset. Jadi, 1 haribulan Januari, MPSP akan ambil alih di seluruh Seberang Perai dengan melakukan sendiri kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal dan isu-isu seperti taman-taman permainan itu pun akan ditangani dan kita sedar cabaran di MPSP adalah kekangan dari segi kewangan. Jadi, kita cuma boleh buat sekadar yang boleh dengan bantuan pihak Kerajaan Negeri. Dan saya rasa... (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Terima Kasih Yang Berhormat Padang Kota, satu (1) saja soalan, saya mohon maaf, sepatutnya saya tanya lebih awal. Saya dalam perbincangan Bajet ada memohon kalau boleh dipertimbangkan untuk menambah tapak parking di Pasar Awam Kepala Batas. Saya mohon sedikit penjelasan untuk saya balik dan maklumkan kepada penduduk di sana.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

For you to take back to Kepala Batas MPSP telah kenal pasti sebidang tanah, satu (1) ekar lebih di tepi pasar untuk tujuan tempat letak kereta. Bila tak tahu lagi. Kena *acquire* tanah itu, dan selepas itu bina. Sekian, terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan berhenti rehat selama 20 minit. Kita akan sambung semula pada jam 5.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.45 petang.

Dewan disambung semula pada jam 5.00 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Persilakan Yang Berhormat dari Perai.

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan dengan isu-isu di bawah portfolio saya. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seperti Ucapan Bajet Y.A.B. Ketua Menteri tempoh hari Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk menjadikan Pulau Pinang Pusat Kecemerlangan Sains dan Teknologi melalui *Penang Science Cluster Tech-Dome*. Dengan ini inisiatif yang melibatkan dana RM25 juta inisiatif ini bakal melahirkan bakat serta modal insan bagi menyediakan kemahiran selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri ini.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kebun Bunga dan Yang Berhormat Pulau Tikus dalam Pembangunan Modal Insan dan pengekalan bakat atau *talent pool* Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang proaktif dengan penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang yang dipandu sepenuhnya oleh pihak industri khususnya multinasional yang menitikberatkan penggalakan dari aspek kreativiti, inovasi, penyelidikan latihan usahawan saintifik bagi memantapkan lagi daya saing tenaga kerja di Negeri Pulau Pinang. Selain itu pelaksanaan *Project Penang Tech Centre* yang berada dalam peringkat akhir perancangan akan membantu peningkatan, penyertaan dan kerjasama di antara rakyat dan sektor swasta dalam bidang Sains dan Teknologi. Tumpuan Kerajaan Negeri dalam keseluruhan aspek pembangunan ekonomi seperti membasmi membangunkan teknologi tinggi, ekonomi pengetahuan, sektor perkhidmatan dan *industry alternative* seperti pelancongan akan dapat membangunkan dan mengekalkan modal insan di Megeri ini. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peluang pekerjaan bagi menarik minat bakat-bakat dengan pembinaan *Penang Science Park Batu Kawan Industrial Park* serta mengadakan berbagai program untuk menarik pelabur asing serta mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil inisiatif dengan menyediakan persekitaran mesra pelabur bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada Negeri ini.

Ahli Permatang Pasir ada membangkitkan tentang Kerajaan Negeri perlu bersikap lebih proaktif dengan memberikan peluang kepada graduan. Untuk makluman Yang Berhormat Negeri melalui Invest Penang semangnya telah menubuhkan *CAT Centre* sejak Mac 2009 bagi membantu graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu maklumat serta iklan jawatan kosong kerajaan sentiasa dikemas kini Laman Web Kerajaan Negeri selaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memberi peluang perniagaan kepada graduan ini. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu PDC telah melancarkan Skim Micro Kredit Perniagaan, Program Kecil Titian Kesaksamaan Rakyat.

Bagi cadangan Ahli Seri Delima untuk mengadakan Ekspo Pekerjaan bagi golongan Mak Nyah Kerajaan Negeri melalui *CAT Centre* dan *Invest Penang* telah mengadakan karnival atau Ekspo Perkerjaan secara berjadual dari semasa ke semasa tanpa pengkhususan kepada sesuatu gender dengan selaras dengan kesaksamaan gender Negeri Pulau Pinang. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengulas isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong yang tidak ada di sini untuk meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan kerajaan. Bagi meningkatkan tahap

kompetensi kakitangan kerajaan, pelbagai bidang latihan telah dilaksanakan setiap tahun berdasarkan perancangan yang dilaksanakan melalui *training needs analysis* perancangan berdasarkan TNA tidak hanya fokus kepada aspek pembangunan berkaitan fungsi kakitangan malah turut menyentuh aspek pembangunan profesionalisme dan produktiviti pengurusan kewangan, kemahiran ICT, pembangunan nilai dan etika, pembangunan sosial dan insaniah serta pemantapan penulisan dan komunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Sehubungan dengan itu bagi memastikan kursus-kursus yang dianjurkan adalah yang berkualiti dan terkini, Kerajaan Negeri turut menjemput penceramah pelbagai agensi sama ada dari pihak konsultan swasta dan pengurusan agensi Kerajaan seperti Institut Integriti Pulau Pinang, Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia dan juga agensi-agensi yang lain. Selain memberikan fokus terhadap kualiti modul kursus yang telah dirancang, Kerajaan Negeri turut menambah peluang kepada kakitangan kerajaan daripada semua kumpulan perjawatan berkursus dengan menambah bilangan kursus dan menambah baik pengurusan latihan serta penawaran kursus melalui Sistem e-Pengurusan Latihan bagi memastikan visi, pemberian visi memberi perkhidmatan bertaraf antarabangsa. Kerajaan Negeri turut melibatkan kakitangan kerajaan dengan pendedahan latihan keluar negara dengan kerjasama JPA dan mencalonkan pegawai untuk menghadiri kursus jangka pendek ke Jepun dan Korea bagi Program Pertukaran Belia.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Kota ini sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Kota iaitu mengenai penempatan warga asing secara berpusat dan teratur. Baru-baru ini selepas lawatan Yang Berhormat Datok Keramat dan ADUN-ADUN lain ke Singapura, maka dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri menempatkan pekerja asing di Pulau Pinang mencontohi Singapura dan sebagainya. Saya sebenarnya tidak tahu apa sistem Singapura dan sejauh mana kita boleh mempertahankan penempatan pekerja asing dari segi perikemanusiaan di mana kita mengasingkan mereka. Jadi memang kita dapat cadangan daripada pihak swasta di mana mereka cadangkan Pulau Pinang khususnya satu tempat tiada kerja di mana mereka akan membina bangunan yang tinggi di mana mereka menempatkan pekerja asing dan masalah yang terjadi di Pulau Pinang adalah tempat, di mana kita mahu letak, kemudian ini apabila kita mengasingkan pekerja asing ini, mungkin timbul juga, saya tidak kata ini mustahil, saya tidak kata ini bahawa ia perlu tidak diusahakan, tapi saya rasa memang ada masalah dari segi perikemanusiaan dan dari segi aspek-aspek lain. Saya rasa perkara ini perlu kita bincang kemudian kita teliti secara terperinci sebelum cadangan ini boleh dilaksanakan sama ada Negeri Pulau Pinang atau tempat-tempat di negeri-negeri lain. Saya pun tahu bahawa usaha atau projek di mana penempatan pekerja asing di Johor, saya juga mengalami masalah dan saya rasa itu bukanlah satu yang boleh dijadikan satu contoh yang baik. Jadi masalah pekerja adalah dilihat dari asing pelbagai segi dan saya rasa bahawa Kerajaan Pakatan mesti bincang perkara ini dan kita juga berjaga-jagalah sebab kita tidak menempatkan dan begitu ghairah di tempat-tempat mungkin ini akan membawa masalah yang lain.

Hal Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Speaker untuk makluman Dewan yang mulia pendidikan dan pelajaran merupakan kawalan, kawalan Kerajaan Persekutuan maka Dasar Pendidikan Negeri lebih menumpukan kepada pendidikan tidak formal

kepada setiap peringkat komuniti. Mengenai cadangan daripada YB. Telok Bahang berkaitan peruntukan kepada Sekolah Bantuan Modal pada masa hadapan Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan penambahan sekiranya terdapat keperluan-keperluan semasa bukan saja kepada Sekolah Bantuan Modal ini termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Agama Rakyat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

YB. Dato' Speaker, sedikit penjelasan. Berkenaan dengan pendidikan ini yang saya pun banyak kali bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah daripada tahun 2010 lagi tentang untuk wujudkan sebuah sekolah rendah yang mana kawasan saya sendiri, yang terdapat berhampiran sekolah di Sekolah Tanah Liat dengan sekolah dekat Penanti dekat depan masjid Kubang Semang. Kemudian saya telah difahamkan satu pengambilan tanah oleh Kementerian Pelajaran untuk mewujudkan sebuah sekolah di Mukim 5 dan kawasan yang dia ambil ialah kawasan pertanian, kawasan padi kemudian saya difahamkan pampasan telah pun diberikan kepada pemilik tanah sehingga hari ini belum lagi yang saya difahamkan kedua-dua sekolah yang saya sebut tadi sudah tidak dapat menampung keperluan pelajar, jadi kalau lambat untuk diambil tindakan membangunkan sekolah baru ini mungkin akan menjejaskan lagi sehingga akan menjadi dua sesi dan sebagainya. Jadi kenapa agak lambat, lama sangat, bahkan pampasan telah pun dapat, itu persoalannya.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Permatang Pasir, saya tidak pasti sama ada saya ada jawapan kepada soalan tadi ini memang yang satu diletak di bawah Kerajaan Pusat, kalau Kerajaan Pusat ingin mengambil tanah dan membayar pampasan kepada pemilik saya ingat itu terserah kepada Kerajaan Pusat, kemudian untuk membangunkan sekolah saya rasa Kerajaan Pusat. Jadi kalau ada proses di mana ini proses dilambatkan jadi saya rasa kita perlu rujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Jadi dalam hal macam Sekolah Bantuan Modal di mana Kerajaan Negeri boleh memberi tanah tapi lesen untuk membina sekolah adalah dalam tangan Kerajaan Pusat. Ini memang kita mengalami, tanah kita akan beri tetapi lesen ini kita beritahu, apabila kita beri tanah, kalau mereka setuju dan akan bina tidak ada masalah, apabila beri tanah kalau mereka tidak bersetuju ini akan melambatkan untuk pembinaan sekolah apatah lagi tanah tambah untuk sekolah dan sebagainya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan, terima kasih. Saya ingin menyentuh tentang pendidikan tidak formal terutamanya saya ingin mendapat perhatian YB. Pulau Betong, di Pulau Pinang kini kami ada satu projek dipanggil Tech-Dome Penang, tujuan projek ini adalah sebagai respon kepada komplek daripada pihak industri di mana graduan-graduan kita tidak berupaya untuk tidak ada *thinking skill* tak dapat menyelesaikan masalah, walaupun graduan *engineer*, graduan sains mereka terlalu *by the book*, dan kami melihat banyak negara yang sudah membangun mereka ada *science and technology centre* dan ini memainkan peranan yang amat penting untuk mencungkil bakat memberi inspirasi dari kecil lagi mereka sudah ada minat serta dapat *think out of the box*, dalam projek Tech-Dome Penang ni kita sudahpun, pelan sudah agak teliti aktiviti-aktiviti dan program-program yang kita akan buat sudahpun agak teliti dan dibuat

melalui memang *engagement* yang agak komprehensif dengan industri serta wakil-wakil pendidikan. Masalahnya Pulau Pinang ini dengan Kerajaan Persekutuan adalah tidak berapa jauh dan walaupun ianya amat penting projek seperti ini demi pembangunan modal insan, bukan saja di Pulau Pinang tetapi di Northern Region, di rantau Asia Tenggara. Kami memang amat berharap Kerajaan Persekutuan boleh memberi saya masa, mungkin untuk membentangkan projek ini dengan teliti kepada Kerajaan Persekutuan. Bajet yang kami perlukan adalah RM23 juta tapi kalau saya pasti bahawa apabila anda meneliti pelan Tech-Dome Penang. *You will be impressed we have done a very good job on little budget, thank you.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Tikus bukan arah ke Perai.

Timbalan Ketua Menteri II:

Nampaknya arah kepada Pulau Betong, jadi ini bukan, mungkin saya pun tidak boleh jawab, cuma saya arahkan kepada Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih minta penjelasan. Saya bersetuju bahawasanya banyak komplek tentang pemilihan graduan masa kini, minda akan tidak terbuka, seperti apa yang saya katakan pelajar-pelajar yang *graduate CGPA 3.0 above* dan mereka ini terlampau tertumpu perhatian kepada bacaan buku dan sebagainya, kurang aktiviti luaran, kurang aktiviti dengan masyarakat dan sebagainya, jadi saya yakin sebenarnya bahawasanya orang-orang yang graduan *below 3.0* juga diberi peluang, kerana mereka ini lebih terbuka dan aktif masa sekolah dan saya setuju bahawasanya perlu ada tindakan. Saya tahu bersama di USM di bawah *Northern corridor*, saya tidak tahu apa nama skim itu, memang ada program *CRASH*, sebab saya ada bersama di situ dengan *CRASH* menyampaikan sumbangan hujung koridor dan juga USM, memang ada program itu dibuat, dan saya menyokong penuh kerana itu membuat ruang kepada pelajar yang berinovatif dan kreatif untuk bekerjasama dengan pihak industri dan saya percaya bukan kita mengharap daripada Kerajaan Pusat tetapi kita harus juga dan saya percaya *Northern Corridor* dia bukan pilih parti tidak, kalau setahu saya dia memberi ruang yang cukup luas kepada para pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan. Saya rasa Kerajaan Negeri tidak ada halangan sebab *Northern Corridor* Penang adalah sebahagian daripada Koridor Utara boleh bekerjasama dan tentunyalah, sayalah orangnya yang lebih akan menyokong apa saja pasal pendidikan dan perkembangan minda anak-anak kita setuju apa yang dicadangkan oleh Pulau Tikus dan pertimbangan yang berat daripada Perai, itu kita buat bersama-sama dengan *Northern Corridor*.

Timbalan Ketua Menteri II.

Saya rasa apa yang dibangkitkan saya akan jelaskan apa yang dibangkit oleh Pulau Tikus adalah lebih luas daripada kuasa Kerajaan Pusat dan juga kuasa Kerajaan Negeri masing-masing, *because this is a big problem*. Isu ini pendidikan sama ada sistem pendidikan kita selama ini ada mengalami satu krisis di mana pelajar-pelajar sampai dari Tahun 1 ke Tingkatan 5, saya sendiri dalam pemantauan di sekolah-

sekolah mereka di Tingkatan 5 tidak tahu membaca dan menulis. *Is more larger more fundamental problem of Malaysian Education system.* Kerajaan mungkin ini satu yang saya rasa perlu satu pendekatan di mana saya rasa tidak ada masalah, tidak ada persaingan antara Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, sebab ini adalah tentang masa depan pelajar-pelajar kita.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih, minta laluan, saya hendak beri penjelasan sikit, *CRASH* itu sebenarnya adalah satu platform untuk mengkoordinasikan universiti dengan perindustrian. Salah satu fungsinya adalah untuk melatih *post graduate student* yang sudah ada ijazah, *post graduate student* dalam kemahiran penyelidikan, *target* di tahap *post graduate student*. Tetapi menurut kajian antarabangsa sudah dibuktikan bahawa banyak kali, apabila kanak-kanak sudah sampai usia 14 tahun sudah tidak boleh, amat susah hendak tukar fikiran mereka lagi, sama ada mereka suka *engineering* atau sains tidak serta bakat mereka dalam *science and engineering*. So kita *target* dengan usia yang lebih muda lagi di peringkat sekolah rendah ataupun yang lebih awal, maka *CRASH* industri serta semua anggota yang terlibat dalam *CRASH* juga bersetuju bahawa sudah terlewat kalau kita *target* mereka di tahap begitu. Jadi Tech-Dome Penang tujuannya adalah untuk *target* mereka pada peringkat umur yang lebih awal dan kami berharap Kementerian Sains and Teknologi akan memberi minat ataupun sokongan terhadap projek ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perai teruskan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan saya ada dua (2) soalan. YB. Pulau Tikus sebut tadi kajian menunjukkan umur 14 tahun ke bawah seperti yang saya ada beri cadangan kepada Perai di Penanti apa yang saya cuba buat ialah seperti yang saya cadangkan ialah cuba membina pusat-pusat inovasi untuk kanak-kanak, murid-murid sekolah dari sekolah rendah sampai sekolah menengah, masalah yang dihadapi adalah mencari tapak, jadi baru-baru ini seperti yang saya ada berbincang dengan YB. Perai tentang Perpustakaan Desa, saya tidak tahu bilangan dia, bila saya melawat Perpustakaan Desa ini, maknanya dia sudah dekat dengan lokasi sekolah dan apa yang diperlukan maknanya penambakan dia, sebagai contoh di KADUN Penanti, ada perpustakaan desa yang dibina sejak 1994, jadi apa yang boleh dibuat kos yang agak rendah hanya untuk tambah sikit kawasan dan besarkan sedikit, macam di KADUN Penanti itu senang sajalah, pecahkan *wall* yang tengah itu tutupkan yang di bahagian depan, apa yang kita boleh letak ialah alat-alat *electronic kits* atau *idronel kits* dan *robocop kits*, jadi budak-budak yang sekarang ini baca buku, tatapi apabila dia belajar secara, mempelajari secara buku, tetapi dia boleh belajar secara eksperimentasi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Apa penjelasannya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Penjelasannya, saya hendak sebut jika minat kepada sains dan *engineering* perlu dipupuk pelajar-pelajar di bawah, semasa mereka empat belas tahun ke bawah. Saya hendak mengesyorkan Kerajaan Negeri menggunakan kos yang agak rendah mengguna pakai Perpustakaan Desa terutamanya di KADUN Penanti untuk di tambahan lagi sebagai Pusat Inovasi. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

Pertama kepada Ahli Penanti, Penanti telah berbincang dengan saya tentang Perpustakaan Desa di kawasan Penanti dan saya telah cadangkan kepada Ahli Penanti bahawa dia akan menulis surat kepada, sebab Perpustakaan Desa adalah di bawah Perpustakaan Negeri Pulau Pinang, dan saya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi YB. Permatang Pasir, memang saya rasa kalau ada cadangan baik satu yang boleh dilaksanakan saya rasa tidak ada apa-apa halangan untuk berbuat demikian. Kepada soalan tadi bukan soalan kepada Pulau Tikus ini, isu ini *formula education versus informal* ...(dengan izinnya). Saya rasa oleh kerana sistem formal ini ada pelbagai masalah maka kita nampaknya bahawa *informal education* walaupun tidak sistematik tidak ada satu koordinasi dan kita pun dibuat dalam Penang Education Council di mana pendidikan ini bukan kita mahu ganti *formula education* tetapi pendidikan di mana kita menanam minat benar-benar minat dalam pelajar-pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan, dalam bidang sains teknologi, bidang rekaan, penciptaan dan sebagainya. Jadi cuma masalah adalah bahawa ini perkembangan-perkembangan secara *informal*, ini satu cara yang saya rasa baik. Ini menunjukkan dan ini mencerminkan bahawa *seriously wrong with the formula education* jadi saya tidak ada masalah, cumanya koordinasinya dan mungkin saya rasa tidak begitu teratur tetapi memang itulah saya rasa definisi *for informal education*.

Saya teruskan YB. Air Itam pula mencadangkan penetapan tambahan buku-buku bahasa ibunda kepada 10% setahun. Pada masa ini Perbadanan Perpustakaan Awam telah mempunyai polisi pemilihan bahan-bahan perpustakaan pindaan 2011 yang menyatakan berapa peratusan buku dalam pelbagai bahasa dan di dalam proses perolehi koleksi buku itu. Bahasa Melayu 60% , Bahasa Inggeris 30% Bahasa Cina 5% dan Bahasa Tamil 5%. Perbadanan Perpustakaan Awam, tiada halangan untuk meminda polisi perolehan ini sekiranya dipersetujui oleh Lembaga Perbadanan Perpustakaan. Perolehan koleksi buku ini juga bergantung kepada peruntukan yang mencukupi sepertimana yang kita maklum bahawa lebih kurang separuh daripada peruntukan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam datang dari Kerajaan Persekutuan dan separuh daripada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan YB. Dato' Speaker, saya ada merujuk kepada Perbadanan Perpustakaan Negeri di Seberang Jaya, Pemangku Pengarah dia telah memberi tahu saya, kekurangan buku Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di semua perpustakaan termasuk Perpustakaan Pulau Pinang dan juga Desa. Apakah kita akan diambil oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan untuk membantu menambahkan lebih banyak koleksi-koleksi buku-buku Bahasa Cina dan Bahasa Tamil *below* 5% kerana

saya mendapati bahawa kalau kita ingin mengumpul minat atau hobi, mempertingkatkan budak-budak sekolah mereka boleh merujuk ke perpustakaan pada masa lapang ataupun masa *weekend* ataupun cuti sekolah supaya mereka dapat rujukan-rujukan ilmu, bukan saja budak-budak dewasa pun orang yang telah bersara. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan, sambung sedikit daripada Jawi, saya minta Perai kerana bila saya baca berita-berita lama, pernah ada pengumuman bahawa sebenarnya inventori stok buku bahasa ibunda, khasnya Bahasa Cina hanya 3.5% inventori 3.5%, sekiranya saya dengar *correctly* tadi menyatakan sasaran setiap tahun 5%, saya sendiri cadangkan 10% supaya kita naikkan 10% yang *total inventory* dia akan naik *zero point something* setiap tahun, dia mungkin sampai satu (1) kepada hingga lima (5) tahun sampai 5%. Memang koleksi Bahasa Melayu agak bagus, saya selalu menggunakan *library* khasnya di Balik Pulau kerana koleksi anak-anak kecil bawa mereka pergi, dan di Scotland Road pun saya selalu guna. Saya dapat bahawa koleksi Bahasa Melayu sangat bagus dan juga koleksi Bahasa Inggeris juga bagus, kerana koleksi Bahasa Inggeris dulu diwarisi, apabila dulu di *island* bukan di Scotland, dulu *island* kita di Dewan Sri Pinang, waktu kecil saya selalu naik bas dari Air Itam pergi ke Dewan Sri, pinjam buku dari Perpustakaan Dewan Sri, waktu itu British Council apabila mereka pindah ke premis baru, mereka meninggalkan banyak buku Bahasa Inggeris kepada perpustakaan kita, banyak *collection* buku. Jadi sekarang kita ada kekurangan dari segi Bahasa Ibunda, oleh itu saya membuat cadangan tadi iaitu 10% supaya kita ada peningkatan sejumlah inventori kita boleh naik setiap tahun. Itu cadangan kita kerana saya dapati ramai pelbagai lapisan masyarakat menggunakan *library* dan mereka juga ada mengutara supaya buku-buku bahasa ibunda dinaikkan *percentage* dia.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada Ahli YB. Air Itam dan Jawi. saya rasa saya tidak ada apa-apa halangan tentang cadangan kita menambah, memang perhatian terhadap apa penyimpanan buku bahasa Cina dan Tamil ini kita sebenarnya mencetuskan dua (2), tiga (3) tahun selepas apabila kita ada program di Seberang Jaya, di mana di Ibu Pejabat Perpustakaan. Saya rasa ini satu cadangan yang baik kita akan membawa kepada Lembaga Perpustakaan Awam di Pulau Pinang. Saya pun bahawa sama ada kita mahu lihat sudut peratusan Bahasa Inggeris 30% dan sebagainya. Saya memang mengakui bahawa koleksi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu cukup baik. Koleksi Bahasa Inggeris pun cukup baik. Cuma saya rasa kita perlu kakitangan di perpustakaan ini di mana mereka akan ditempatkan supaya untuk menguruskan buku-buku Mandarin dan juga Bahasa Tamil. Memang kita ada sekarang mungkin saya rasa tidak cukup. Kalau boleh kita tambah tapi kita perlu pengurusan dan kakitangan.

Mungkin saya tak banyak lagi, cuma satu dua perkara. Yang Berhormat Dato' Speaker isu Enakmen Kebebasan Maklumat yang dibangkitkan oleh YB. Bukit Tengah, selaras dengan penguatkuasaan Enakmen Kebebasan Maklumat di Negeri Pulau Pinang yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan, implikasi kewangan yang akan terlibat dalam mengurus tadbir. Pelaksanaan Enakmen ini ialah berkait dengan pewujudan Lembaga Rayuan terlibat telah pun diambil kira sebagai dasar baru dalam Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud Bekalan B01 Pejabat Ketua Menteri dan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tahun 2014. Manakala, di peringkat Jabatan pula, jawatan Pegawai Penerangan adalah disandang oleh pegawai-pegawai yang sememangnya berkhidmat di jabatan-jabatan terlibat. Sehubungan itu, bajet tambahan tidak perlu disediakan untuk bayaran elaun kepada pegawai-pegawai penerangan memandangkan tanggungjawab tersebut adalah sebahagian dari senarai tugas jawatan hakiki Pegawai Penerangan berkenaan.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh YB. Air Itam berkaitan dengan persediaan kakitangan kerajaan dalam melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat Kerajaan Negeri akan melaksanakan latihan berkaitan secara berjadual dan arahan berserta taklimat ringkas mengenainya akan diadakan kepada pegawai yang terlibat. Cuma ini pada tahun depan kita mahu senaraikan nama Lembaga Rayuan, apabila kita akan mengadakan perkara itu diselesaikan saya rasa Enakmen Kebebasan boleh dilaksanakan di Pulau Pinang, cuma di Negeri Selangor dia belum dilaksanakan tetapi saya dengan Kerajaan Negeri Selangor ini dia tunggu kita lihat sama Pulau Pinang hendak melaksanakannya atau tidak. Jadi proses semua ini cuma Lembaga Rayuan Pegawai-pegawai telah dipastikan cuma Lembaga Rayuan ini akan dimasukkan dalam akta dan akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong chin Wen):

Laluan YB. Perai, kalau tidak silap saya Selangor telah melaksanakan Enakmen sebab dalam laporan saya nampak ada berita mengenai permohonan maklumat di peringkat itu.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya tak pasti mungkin kita boleh *check* sama ada ini dilaksanakan di Selangor. Tapi saya dengar daripada pegawai, belum dilaksanakan mungkin, saya pun tidak begitu tetapi itulah cerita baru, apabila kita buat senarai pegawai kemudian kita akan namakan juga nama-nama Lembaga Rayuan dan sebagainya, tapi kalau mereka ada buat tidak ada masalah. Terima kasih. Akhir kata, saya ingin....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap soo Huey):

Sebenarnya saya hendak kembali kepada isu yang dibangkitkan pada permulaan ucapan iaitu....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Tikus, biar kena-mengena, tiada halangan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap soo Huey):

Kerana dia telah tunjukkan *body language* untuk membenarkan. Kepada awal ucapan kita telah membincangkan tentang pembinaan modal insan dan juga peranan Kerajaan Negeri dalam pembangunan Sains dan Teknologi memang kita telah mendapat kejayaan melalui Majlis Sains Negeri, Penang Council dan projek *Tech-Dome* Penang juga berjalan dengan lancar. Namun kedua-dua aktiviti ini adalah dari peringkat hendak mencungkil minat orang ramai dengan Sains dan Teknologi dan

mencungkil bakat. Di peringkat mereka yang sudah pun di bidang Sains dan Teknologi ada kebanyakan berasa mereka tidak mendapat cukup sokongan dari Kerajaan Negeri dan mereka juga, saya rasa Kerajaan Negeri perlu berusaha dengan lebih gigih lagi memahami, sebenarnya di Pulau Pinang di mana kelebihan kami, di mana kekurangan kami siapakah yang buat kerja yang baik dan patut diberi ganjaran dan kalau kita boleh *map out* yang memahami situasi dengan lebih teliti lagi, maka amat senang untuk mengenal pasti di mana lubang-lubang yang mana kalau kita tutup, *you know, we do something about it*, akan dengan senang menjadikan Sains dan Teknologi di Pulau Pinang dengan lebih baik lagi. So, secara kesimpulannya pandangan saya adalah kalau kita lebih memahami Sains dan Teknologi di Pulau Pinang, pelbagai bidang dalam Sains dan Teknologi di Pulau Pinang kita akan dapat lebih menyokong mereka yang terlibat dalam bidang-bidang ini. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Pulau Tikus sendiri kena faham bahawa tanpa penglibatan Kerajaan Negeri tidak wujudnya *Penang Science Council* dan kita jadi sebagai tulang belakang kepada *Penang Science Council* kepada *Penang Tech Centre* dan sebagainya. Jadi saya rasa kalau ada apa-apa kekurangan dari segi Kerajaan Negeri, ini boleh dibincangkan dalam mesyuarat. Saya ingat Yang Berhormat sendiri salah seorang dari *Penang Science Council*. Jadi kalau mereka ini rasa Kerajaan Negeri memang tidak minat ataupun tidak membuat kerja bersungguh saya pun tidak faham. Apa masalah yang menarik kita daripada penglibatan yang secukupnya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan, maksudnya saya adalah misalnya kalau kita tahu memang ada kesesakan lalu lintas tetapi untuk memahami cara untuk memperbaiki situasi, kajian terperinci diperlukan. Sama juga dengan Sains dan Teknologi, semua orang buat kerja dia sendiri dan tidak ada koordinasi serta Kerajaan Negeri sendiri tidak ada *data base*. Kita ada pakar-pakar yang diberikan pengiktirafan antarabangsa tapi mungkin kita tidak tahu. So, kalau kita boleh buat satu audit untuk memahami siapakah pakar-pakar dalam bidang yang berbeza dalam Pulau Pinang, kita boleh tahu kekuatan kami serta kelemahan kami dan menggunakan pengetahuan ini untuk membantu dalam pengurusan Negeri, *we can tap on the expertise*.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak setuju, kalau ada apa-apa kekurangan saya rasa ini perlu dibincang dalam Jawatankuasa Penang Sciences Council dan ini boleh dikemukakan. Tetapi saya rasa perkara ini, Pengerusi Penang Sciences Council adalah Ketua Menteri Pulau Pinang dan saya rasa ini perlu disampaikan kepada beliau dan mungkin pada mesyuarat yang akan datang kita boleh bincangkan perkara ini. Okey. Terima kasih, saya rasa itu sahaja. Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan agensi-agensi kerajaan dan juga semua NGO termasuk komuniti-komuniti di institutsi tertentu yang telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Program Sains dan Teknologi, Inovasi, Pendidikan Sumber Manusia, Ekonomi dan Hal Ehwal Bukan Islam kepada rakyat Negeri Pulau Pinang selama ini. YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong, sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Ahli Kawasan Pantai Jerejak.

Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, YB. Dato' Speaker Dewan, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian. *Alhamdulillah*, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah diberi kesempatan untuk bertemu dan berkumpul dalam Dewan yang mulia ini, membawa amanah dan harapan baru rakyat Negeri Pulau Pinang. Di kesempatan waktu ini, saya ingin mengajak seluruh Ahli Dewan dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mendoakan kesejahteraan saudara mara kita yang menjadi mangsa banjir seperti yang berlaku Negeri Pahang, Kelantan, Terengganu dan Johor. Mudah-mudahan *Allah s.w.t.* memelihara Negeri Pulau Pinang daripada sebarang bencana dan mala petaka pada masa-masa hadapan. Kita juga bersyukur di atas keprihatinan Kerajaan Pusat yang telah menaikkan harga gula, petrol, tarif elektrik, tol dan akan menaikkan tambang pengangkutan awam juga, dengan inisiatif ini juga saya yakin kita akan melihat penurunan pesakit diabetes, kadar kemalangan jalan raya dan kebakaran disebabkan litar pintas. Ucapan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Y.A.B. Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah membentangkan ucapan Bajet tahun 2014 Negeri Pulau Pinang ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan 2014 di persidangan Dewan kali ini bagi kali keenam dengan tema "Mentransformasi Negeri Bertaraf Antarabangsa dan Pintar," pembentukan yang berjiwa rakyat, rahmat, dilimpahi bersama-sama.

Bajet 2014 merupakan bajet keseluruhan yang memberi penekanan ke arah pentadbiran berteraskan hasil ataupun ...(dengan izin), *outcome base administration*, bagi mengatasi ketirisan dalam bentuk penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan amalan rasuah. Kerajaan Negeri berjaya mencapai kejayaan dengan merekodkan lebih Bajet setiap tahun, menaikkan aset kumpulan wang disatukan sebanyak 50% sejak tahun 2008 kepada RM1,192 juta. Pengurangan hutang Kerajaan Negeri sebanyak 95%. Kerajaan Negeri meneruskan prestasi cemerlang lebih Bajet tahunan dengan lebih bajet 2012 sebanyak RM114.47 juta sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang memuji keupayaan Negeri Pulau Pinang dalam mengamalkan sistem pengurusan kewangan yang terbaik. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, pada peringkat awal apabila Tun telah merasmikan pada awal bulan Julai lepas. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat Pakatan Rakyat dan juga pembangkang, UMNO, Barisan Nasional yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 kali keenam dengan tema "Ke Arah Mentransformasikan Negeri Bertaraf Antarabangsa dan Pintar" yang turut melibatkan portfolio saya sendiri, iaitu portfolio mengenai Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Koperasi, Pembangunan Masyarakat dan Keusahawanan yang telah diamanahkan kepada saya. Memandangkan saya diamanahkan untuk memegang portfolio Perhubungan Masyarakat. Saya ingin mengajak semua rakyat bersatu padu tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan, bangsa, agama mahupun pegangan politik.

Di sini saya ingin menasihatkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk diri saya sendiri supaya mengurangkan membangkitkan isu perkauman demi menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat berbilang kaum di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Saya juga ingin meminta Ahli Kawasan Pantai Jerejak supaya menasihati segelintir kecil Ahli Majlis yang juga mempunyai sikap begitu, yang bukan hendak menyatupadukan rakyat di kawasan, tetapi memecahbelahkan rakyat dengan bermacam-macam perkara yang pelik-pelik. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya ingin juga menyentuh persoalan yang dibangkitkan pada peringkat awal perbahasan kita iaitu Ketua Pembangkang yang membangkitkan isu peniaga, walaupun telah dibincangkan beberapa kali kerana ia merupakan isu perkauman yang tidak seharusnya dibangkitkan, jadi kita sama-sama bersetuju untuk tidak membangkitkan isu perkauman walaupun kita tahu bahawa kita semua ada bangsa masing-masing, tetapi demi kesejahteraan rakyat kita adalah semua untuk keseluruhan rakyat. Saya ingin ungkap sebuah hadis daripada Rasulullah saw, "*Siapa yang matinya di bawah bendera untuk menganjak kepada assobiah, atau membantu assobiah, maka ia akan mati dalam keadaan jahiliah.*" Ini hadis riwayat Muslim, Ahmad Dana Said

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Minta laluan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Ahli Kawasan Pantai Jerejak, saya nak minta Ahli Kawasan Pantai Jerejak tolong *explain* sikit tentang *assobiah* ini sebab agak barulah, *insya-Allah*, tolong terangkan dengan terperinci. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Bertam sebagai orang Islam saya merujuk juga kepada ayat Al-Quran, surat Al-Hujurat, yang berbunyi, dengan izin, "*Yaa ayyuhaa nnaasu innaa khalaqnaakum min dzakarini wauntsaa waja'alnaakum syu'uuban waqabaa-ila lita'arafuu* " yang maksudnya, "Wahai manusia, Tuhan menyatakan, aku menjadikan kamu lelaki dan wanita, bersuku-suku, berpasang-pasang adalah untuk kamu kenal mengenali antara satu sama lain. Memang kita dijadikan berbagai bangsa, tetapi tujuannya adalah untuk kita kenal mengenal supaya kita dapat tolong lebih di antara satu sama lain." Jadi bukan kita tidak bangga kita sebagai sesuatu bangsa tetapi untuk kita bagi sama rata, sama rasa, ini adalah ulasan ringkas saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, saya dalam konteks ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kita buang perkataan Melayu, kita buang perkataan Cina. Saya tanya balik kepada Yang Berhormat kenapa gerai-gerai yang kecil dirobohkan, kenapa gerai-gerai yang besar hanya dikenakan kompaun, restoran yang besar-besar dikenakan kompaun, yang kecil dirobohkan?

Timbalan Ketua Menteri I:

Telah pun dibincangkan lebih awal, asas kepada notis untuk dirobohkan tersebut kena diperbetulkan dan kita bersetuju kalau asas itu tidak betul, maka perlu diperbetulkan. Jadi asas kalau tidak mengikut kepada peraturan, maka kita harus ambil tindakan sama rata, sama rasa.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, sebenarnya gerai-gerai yang dirobohkan di kawasan saya tadi, saya tidak komen, tapi memang gerai-gerai yang dirobohkan itu, bukan sahaja notis telah diberi tetapi kita menerima banyak aduan dan aduan daripada orang Melayu juga dan ia memang berdasarkan, kerana pertanyaan, asas pertanyaan adalah mengapa gerai kecil Melayu dirobohkan dan selepas itu restoran-restoran *seafood* tidak dirobohkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ahli Kawasan Pulau Jerejak, seperti yang saya kata tadi, tanpa sebut Melayu dan Cina, tetapi dalam hal ini Yang Berhormat Ketua Pembangkang terpaksa merujuk, So, Yang Berhormat telah menulis surat menyurat melahirkan ada pelbagai-bagai kaum ada pelbagai bangsa, ada Khuraisysh, ada Arab, Parsi dan macam-macam ada, berbangsa-bangsa kita. Tetapi dalam konteks ini Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar nak merujuk spesifik kes, yang ini Cina, yang ini Melayu, kenapa itu dikatakan sebagai *racist*. Itu bukan *racist*, itu nak menunjukkan itulah hakikatnya nak menunjukkan perkara sebenarnya. Kalau kita buang perkataan Melayu Cina dalam memberi penjelasan, kenapa bila kita masuk perkataan Melayu, Cina jadi *racist*, kenapa? Sebab itu saya kata Yang Berhormat, kita kalau ada kadang-kadang benda itu kita perlu spesifik sebut, kita perlu sebut, bukan bermakna kita *racist*, tidak. Kita nak mencari keadilan kenapa itu dan kenapa ini, kenapa itu boleh, kenapa ini tidak boleh. Boleh jelaskan sikit.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti, nanti, dengar dulu, Ahli Kawasan Padang Kota, saya akan bagi, bincang dalam konteks penguatkuasaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dalam jawapan saya ada sebelas (11) gerai termasuk gerai di Pantai Bersih, saya percaya yang tujuh (7) lagi itu Yang Berhormat sendiri kata *canopy* la, milikan

orang Melayu, saya rasa ada terima kompaun dan tidak dirobohkan, mengapa Ketua Pembangkang tidak mahu menggunakan lain-lain gerai yang juga dikeluarkan kompaun sahaja dan tidak dirobohkan berbanding dengan kedai orang Cina. Siapa yang mulakan dalam episod ini tetapi pilih untuk guna satu (1) kes yang berlaku 30 kilometer away di Persiaran Gurney untuk mengukuhkan tuduhan Yang Berhormat bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat pilih bulu dalam tindakan terhadap orang Melayu sahaja. Mengapa tidak gunakan tujuh (7) lagi gerai Melayu di Pantai Bagan Ajam yang juga terima kompaun sahaja, tidak dirobohkan sama dengan gerai-gerai Cina itu, tetapi banding dengan satu (1) kes yang melibatkan orang Melayu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Ahli Kawasan Pantai Jerejak, terima kasih. Saya nak ajaklah, kalau boleh satu Dewan ini pergi tengok yang empat (4) restoran di Bagan Ajam, betapanya keadaan itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sekarang isu jadi saiz pula, besar tidak ambil tindakan, kecil...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Memanglah, ia restoran, yang ini gerai, itu hakikatnya, salahkah saya nak cakap...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kita sama-sama salah, ceroboh tanah sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang satu boleh kompaun, yang lagi satu tidak boleh kompaun, ini kompaun setahun sekali, *continue*, tahun depan kompaun sambung, tahun lagi satu kompaun, sambung, yang ini terus pergi roboh.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Serahkan sahaja kepada Jawatankuasa Tanah untuk buat keputusan, takkan Yang Berhormat tidak mahu terima alasan itu. Itulah tunjuk niat di belakang apa yang ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tiada niat, saya membawa, kita wakil rakyat...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau tidak ada, bagus, kita selesai perkara ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya wakil rakyat, saya bawa masalah rakyat di sini, jangan membuat tuduhan-tuduhan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa telah menjawab, jelaslah niat di mana, kalau tidak ada niat, bagus...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Niat saya membantu rakyat, itu sahaja...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Bagus.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu sahaja, jangan menuduh saya bukan-bukan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jangan tuduh kerajaan ini bukan-bukan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Terima kasih Ahli Kawasan Pantai Jerejak, terima kasih YB. Dato' Speaker, saya secara peribadi, saya tidak suka dengan apa yang berlaku di dalam Dewan. Saya adalah Ahli Dewan, saya adalah Wakil Rakyat yang dipilih rakyat dan semenjak daripada Jumaat yang lepas inilah isu yang kita bangkitkan, tidak putus-putus. Jadi saya minta sebelum kita melabuhkan tirai persidangan kita esok. Isu ini kena diselesaikan kerana kita akan berjumpa lagi lima (5) tahun depan, setiap tahun akan ada dua (2) kali persidangan dan saya nak tahu *what is the guide line*, kita tidak boleh menafikan bahawa negara kita ini negara majmuk, kita ada bangsa Cina, kita ada bangsa Melayu, kita ada bangsa India. Dalam kita berdebat akan keluar juga sekali sekala terkeluar juga perkataan-perkataan yang apabila kita perincikan, membawa kepada pemahaman yang berbeza.

Ketua Pembangkang ada hasratnya sendiri, Ahli Kawasan Padang Kota interpretasinya sendiri, Ahli Kawasan Pantai Jerejak interpretasinya sendiri. Jadi susah, jadi kita jadi macam, kita nak melaksanakan tugas tetapi sampai tidak ada langsung orang kata titik semangat untuk kita memanfaatkan kalau ada kesilapan, ketelanjuran. Ini Dewan, saya rasa Dewan ini, janganlah dijadikan satu tempat hanya

nak tunjuk siapa hebat, siapa ini, tidak diselesaikan. Saya minta ini kena diambil kira sebab menjadikan sukar, saya sendiri pun nak buat soalan kena berfikir, takut tersilap. Saya orang Melayu, tapi saya juga berdarah Cina. Adakah apabila saya bercakap tentang Cina, saya *racist*, adakah saya cakap tentang Melayu, saya *racist*, jadi ini sangat sukar. Jadi pada kawan-kawan semua Ahli-ahli Dewan ini, saya minta sangat-sangat supaya isu ini tidak perlu kita panjangkan, kita cari penyelesaian ataupun selepas persidangan ini mungkin YB. Dato' Speaker *can call everybody*, kita duduk. Bagi saya ini tidak jadi masalah kerana saya nak buat tugas. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Pulau Jerejak, saya nak bercakap sedikit....(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri I:

Tak payah, tak payah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sikit sahaja, sebab saya tahu daripada pihak Yang Berhormat ikhlas, saya tahu, bersih, ikhlas dan saya ada beberapa isu lagi yang saya akan utarakan di luar Dewan supaya apa Yang Berhormat ungkapkan untuk kita bersatu padu, tolong-menolong ini direalisasikan di peringkat bawah. Saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat berkenaan isu ini, ya saya tahu begitu banyak isu-isu yang berlaku yang boleh saya utarakan, tapi kalau saya utarakan akan menjadi panjang, tetapi saya akan berjumpa Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini di peringkat bawahan. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya alu-alukan kepada semua, bukan sahaja pada Ahli Kawasan Pulau Betong kerana asas saya tadi adalah jelas bahawa kita akan tolong menolong antara satu sama lain sebab *point-point* saya selepas ini adalah semua dengan perhubungan masyarakat, berhubung portfolio yang saya kena jaga dengan baik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Pantai Jerejak bagi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Disebut tadi berkenaan dengan *Assobiah* yang disambut oleh Bertam cuma bila melibatkan persoalan *Assobiah* tadi ini yang saya teringat juga bahawa Nabi *Rasullullah s.a.w.* katakan apabila orang bertanya Nabi "*Laisa Minna Man da'ila Asobiah*" sebab kita faham, semua kita tidak kira Melayu, Cina atau India, masing-masing hendak mempertahankan bangsa dia, tak salah, nak pertahankan bangsa tidak salah, tapi bila disebut *assobiah* ini saya teringat bila Nabi sebut "*Laisa Minna Man da'ila Asobiah*" bukan dari kalangan kami golongan orang yang menyeru di atas dasar kebangsaan. Bila disebut, bila ditanya lagi "*manassobiah*" ya *Rasulullah* apa itu kebangsaan, Nabi menyatakan "*antu'ina kaumaakaa takallahzub*"...(baca ayat Al-Quran). Ini saya takut kita lari kita punya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak tambah sedikit "*Assobiah*" mementingkan kaum sendiri, walaupun baik dan salah pun dia mesti pentingkatkan kaum dia sendiri, itu "*assobiah*", zalim.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Itu yang saya sebut tadi (baca ayat Al-Quran)..... itu nak ingatkan balik, supaya semua orang, India, Melayu, Cina, tidak salah untuk mempertahankan bangsa sendiri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Pulau Jerejak.

Timbalan Ketua Menteri I:

Baik, di bawah MMK Perhubungan Masyarakat, program yang berbentuk "Pemimpin Bersama Rakyat" telah dilaksanakan program diberi nama "Program Santai Rakyat Serta Usahawan dan Koperasi." "Program bersama MMK Usahawan dan Koperasi telah diadakan di setiap daerah, ada daerah yang mengadakan selama sepuluh (10) hari, ada daerah yang mengadakan selama satu (1) hari bertujuan merapatkan jurang di antara pemimpin Kerajaan Negeri dan juga rakyat hingga ke akar umbi bagi merasai denyut nadi rakyat dan membuktikan bahawa kami bukannya pemimpin yang hanya berada di bilik berhawa dingin sahaja. Karnival ini juga memberi ruang kepada usahawan dan koperasi di Negeri Pulau Pinang untuk memasarkan dan memperkenalkan produk mereka. Selain itu, pengisian program juga melibat pameran dan kaunter khidmat agensi-agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak swasta.

Di samping itu, program gotong-royong, klinik kesihatan percuma, forum perdana, persembahan artis tempatan, acara sukan rakyat, kenduri rakyat dan cabutan nombor bertuah turut diadakan. Sehingga kini, Program Karnival Santai Rakyat dan Karnival Santai Rakyat Usahawan dan Koperasi telah berlangsung di Kampung Permatang Janggus, Daerah Seberang Perai Tengah, 17 Mac 2013. Padang Awam Jawi 25 Oktober 2013 hingga 3 November 2013. Tapak Letak Kereta Queensbay Mall. Bayan Lepas 22 November 2013 sehingga 1 Disember 2013. Perkarangan Flat Taman Tun Sardon di Gelugor pada 30 November 2013 dan seterusnya pada 28 Disember ini akan diadakan di perkarangan flat Jalan Mohd Saad, Butterworth.

Saya berharap dengan adanya program ini, maka rakyat di peringkat komuniti mendapat manfaat dan memahami segala hasrat Kerajaan Negeri. Bagi memantapkan institusi JKKK yang merupakan pemimpin di akar umbi, program berbentuk latihan telah diberikan kepada semua pemimpin JKKK mengikut daerah masing-masing. Dalam pembangunan masyarakat ini, aktiviti terbesarnya adalah melalui organisasi JKKK. Pada tahun 2014, saya telah mencadangkan satu jadual kursus wajib berkala diadakan untuk semua kepimpinan JKKK Negeri Pulau Pinang. Hal ini adalah perlu bagi memastikan JKKK dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat, di

samping mampu mengelola sendiri program yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dalam komuniti mereka. Saya nak ucapkan di setiap daerah yang telah melaksanakan kursus sebegini melalui Pejabat Daerah masing-masing di setiap daerah. Saya seterusnya bagi pihak pimpinan JKKK Negeri Pulau Pinang ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah mempertimbangkan kenaikan elaun Pengerusi dan Setiausaha daripada RM450.00 Pengerusi dan RM350.00 Setiausaha kepada RM650.00 Pengerusi dan RM550.00 kepada Setiausaha, sementara mengekalkan RM30.00 setiap kali mesyuarat kepada ahli-ahli jawatankuasanya yang berbaki 13 orang. Semoga dengan kenaikan imbuhan ini dapat memberikan semangat untuk terus memberikan khidmat bakti kepada rakyat. Dari aspek keselamatan pula, JKKK juga memainkan peranan dalam menggembelngkan tenaga masyarakat bagi mewujudkan Pasukan Peronda Sukarela iaitu PPS di kawasan masing-masing. Pasukan ini dibentuk berperanan dan memastikan keselamatan dan ketenteraman penduduk terjamin selain daripada membina jalinan kerjasama dengan pihak Polis dan pasukan keselamatan yang lain.

Selain itu Kerajaan Negeri melalui PWDC telah mewujudkan Pasukan Bridged Wanita, telah ditubuhkan oleh EXCO yang berkenaan, iaitu badan sukarela yang bermatlamat menjaga kebajikan wanita di seluruh Pulau Pinang. Di dalam keseluruhan organisasi ini, JKKK memainkan peranan yang penting untuk kita melaksanakan program-program emas yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. YB. Dato' Speaker, berkaitan isu dewan-dewan yang terbiar dan dibiarkan usang serta tidak diselenggara oleh Kerajaan Negeri, Ketua Pembangkang ada menyebut menyatakan bahawa menyalahgunakan kuasa dan mengkhianati rakyat. Ini merupakan satu tuduhan yang kurang berasas sebab saya ada data dia. Untuk makluman Ketua Pembangkang sebanyak 340 jumlah dewan sejak tahun 2008 sehingga tahun 2013, selama enam (6) tahun. Bilangan projek penyelenggaraan 262 projek, bilangan dewan yang dibina sepanjang enam (6) tahun itu 50 dan jumlah keseluruhan RM3.6 juta, penyelenggaraan yang telah dibuat.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tadi dah sebut kata penyelenggaraan telah dibuat, jumlahnya banyak, saya ada buat soalan. Adakah Dewan Sungai Chenaam, Jalan Baru Sungai Acheh juga terlibat? Satu (1). Kemudian yang kedua, saya dapat maklumat sama ada betul atau tidak bukan saya menuduh, selepas ini juga bangunan-bangunan Kerajaan Negeri yang diguna oleh PERPADUAN, KEMAS dan sebagainya telah dibanci katanya tidak akan dibenarkan. Ini saya dapat maklumat, tiada tuduhan, cuma saya nak dapatkan pengesahan Ahli Kawasan Pantai Jerejak, terima kasih Dato'.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya kena rujuk berkenaan Dewan Sungai Chenaam, saya tidak ada data buat masa ini, begitu juga dengan soalan yang dinyatakan tadi. Sekiranya dewan itu asalnya digunakan untuk masyarakat pada asasnya, kita akan melihat kegunaan dewan-dewan tersebut. Saya akan bagi contoh dewan iaitu di Sungai Dua yang baru ini di Taman Permai yang mana telah tidak digunakan sebaiknya untuk masyarakat, maka kita melalui Pejabat Daerah telah mengambil alih dewan tersebut dan kita telah kembalikan, kita telah meminta JKKK dewan berkenaan menguruskannya. Begitu juga

dengan dewan yang saya sebutkan di Penaga iaitu kegunaan dewan lebih kepada masyarakat dan saya telah pun berhubung dengan Ahli Kawasan Penaga untuk menguruskannya dengan baik untuk digunakan lebih meluas kepada masyarakat tersebut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tanya kalau, sama ada dewan banjir Padang Menora termasuk dalam senarai itu kerana aktivitinya banyak di situ yang tidak dapat dijalankan kerana keadaan dewan dan kemudahan di sekelilingnya itu terlampau usang.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih, saya cuma tidak ada *detail*, saya akan rujuk isu tersebut kepada Padang Menora.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Lanjutan daripada tadi, di mana saya mendengar Pantai Jerejak menyebut sekiranya dewan-dewan itu digunakan oleh masyarakat untuk kepentingan masyarakat, bermakna Kerajaan Negeri tidak akan mengambil alih, sebab, *confirm* ya, tidak saya tanya, depa jawablah, Padang Lalang, tidak apa, tidak apa, tadi dah sebut. Saya maksud begini, supaya saya boleh bagi tahu balik kepada yang buat TADIKA, PERPADUAN, KEMAS, jangan risau lah, sekarang mereka risau, depa peringat pada saya. Depa suruh tanya Pantai Jerejak, tapi saya yakinlah kalau dari segi cara baca ayat Hadith, ayat Quran tadi mana mungkin hendak buat macam itukan? Boleh tak, setuju tak bahawa hari ini Pantai Jerejak kata selagi mereka menggunakan untuk kepentingan masyarakat seperti TADIKA KEMAS, maka Kerajaan Negeri tidak akan ambil balik, boleh tidak Pantai Jerejak. Bolehlah?

Timbalan Ketua Menteri I:

Kita kena lihat dulu kerana JKKK itu adalah juga untuk masyarakat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apalah, maksud saya kalau guna untuk lain ambil, kalau guna untuk politik tak apa. Tapi saya hendak cerita yang itu, saya hendak bagi mereka terus kejap lagi, depa dok dengar ni, orang kampung saya dok dengar. Boleh tak Pantai Jerejak mengaku yang guna TADIKA, PERPADUAN, KEMAS sekarang, Kerajaan Negeri tidak akan ambil balik, tapi bagi mereka jaga elok-elok guna elok-elok untuk kepentingan masyarakat. Melainkan mereka guna melanggar syarat, bagi buat kerja tak elok, tarik balik, saya sokong, tapi boleh tak? Angguklah sekali Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya kena lihat dan tengok.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kenapa Pantai Jerejak tidak berani.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya kena teliti. Tengok keadaan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kalau sudah betul macam itu, cakap baca hadith, baca ayat Quran tahu pengertian "*Assobiah*" tapi yang ini tak akan tak boleh jawab. Jawablah.

Timbalan Ketua Menteri I:

Sabar dulu, sabar, janganlah emosi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak boleh sebagai seorang Islam.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Minta penjelasan Pantai Jerejak. Saya punya *floor* lah sekarang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya belum duduk.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Bukan-bukan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Belum, belum. Saya minta Pantai Jerejak buat keputusan tentukan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Jawapan sudah jelas daripada saya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jelaslah, bermakna kita membenarkan...(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri I:

Soalan telah jelas, jawapan saya ialah saya akan teliti *case by case* lah. Tadi syarat dia ialah JKKK tidak melanggar untuk masyarakat tetapi pada politik. Baik saya bagi laluan pada Padang Lalang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Bagi laluan pada Padang Lalang. Dia hendak guna wanita punya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Jerejak. Walaupun kita dengar semua hujah-hujah di sini, tapi adakah Yang Berhormat dapat aduan selepas pilihan raya 2008 bahawa ini erti atau JKKK yang dahulu itu, dia keluar dari pejabat RT atau JKKK dia bawa sekali semua perkakas di dalamnya, iaitu kerusi, meja, TV semua sekali dia bawa, dia kata dia punya dan juga dia ada duit sebanyak RM10,000.00 di Bukit Mertajam, ada antaranya dia ada duit lebih RM10,000.00, dia gunakan kesemua, dia pergi makan angin dan gunakan semua, dia kata habis duit ini. Adakah dapat aduan seperti ini, jadi dia anggap itu dia punya.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Padang Lalang.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Pantai Jerejak, terima kasih YB. Dato' Speaker, tadi Pantai Jerejak ada menyebut tentang Penaga, Pusat Komuniti Penaga yang masa saya, di masa saya keluarkan surat kelmarin, surat daripada Pejabat Daerah diserahkan kepada saya untuk mengambil alih Pusat Komuniti tersebut. Apa yang saya kesal ialah sebelum surat dari Pejabat Daerah diserahkan kepada saya kelmarin, sebelum surat daripada Pejabat Daerah diserahkan kepada saya untuk berkaitan dengan pengambilan alih bangunan tersebut dengan serta merta, walaupun *very cruel, immediately*. Walaupun saya tak menduduki bangunan itu, mungkin bangunan itu ada barang-barang lain dalam bangunan itu, tetapi itu tak apa, yang saya musykil sedikit di sini, sebelum surat Pejabat Daerah di serahkan kepada saya, ada surat lain diserahkan kepada saya, surat daripada Penyelaras PAS di kawasan saya, diserahkan kepada saya memaklumkan saya, bahawa pengambilan alih bangunan tersebut akan berlaku. Sebenarnya, sebelum Pejabat Daerah hantar, orang lain hantar dulu dekat saya, jadi parti politik yang dulu hantar dekat saya, jadi saya rasa sangat peliklah, saya terpaksa bangkitkan isu ini menunjukkan bahawa ada unsur-unsur lain dalam hal ini, nampak sangat, saya cakap, nasib baik saya tak bawa surat ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Saya hendak tanya, setelah 2008 sepatutnya penyerahan telah pun berlaku pada ketika itu, tapi itu cerita lama baru sekarang dibuat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Itu bukan soalnya, soalnya yang saya bangkitkan ini, jadi saya rasa orang kata apa, sebenarnya saya tidak masalah hendak menyerah balik pun, saya tidak menggunakan pejabat itu sebagai pejabat saya, tetapi cara yang dibuat dan ini saya rasa bukan cara yang elok. Sebenarnya saya telefon Penyelaras itu kalau boleh saya sebut di sini, tak mahu sebut tak apa. Sebagai orang yang menerima surat itu, surat itu di alamatkan kepada saya sebagai ADUN Penaga, saya pun menelefon beliau sebab pada masa itu kita hendak berangkat ke Kuala Lumpur. Dia pun cakap elok dengan saya tetapi apa yang berlaku apabila beliau memberitahu saya bahawa gotong-royong akan diadakan dalam minggu ini, dalam masa terdekat, membersihkan hanya di luar kawasan sahaja tanpa memasuki bangunan, tetapi apa yang saya terima aduan semalam, saya dimaklumkan pedal ayam di pejabat itu, mangga pejabat itu telah dipecah, orang kampung panggil pedal ayamlah....(gangguan). Penaga ini kampung masyarakat itu berbeza sedikit dari George Town. Jadi cara kita di sana sebenarnya cara kita lebih orang kata kepada perpaduan, cara BN, jadi kita tidak mahu bergaduh-gaduhlah. Itu maksud saya, saya amat terkejut sekali apabila saya dimaklumkan perkara itu berlaku, pedal ayam itu pecah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penaga pendekkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Jadi saya ingin mendapat pengesahan daripada Pantai Jerejak sama ada perkara itu berlaku atau tidak. Sekian, terima kasih. Lagi satu lagi saya hendak tanya sama ada bangunan ini di bawah DO atau siapa?

Timbalan Ketua Menteri I:

Di atas keprihatinan Penyelaras KADUN, sebab bangunan itu sudah lama tidak digunakan, *scene of...*(dengan izin), *emergency* untuk mempercepatkan proses untuk mereka mendapatkan semula bangunan itu dan kita telah pun berbincang seterusnya untuk demi kebaikan untuk masyarakat dan surat daripada Pejabat Daerah secara rasmi telah pun dihantar kepada Yang Berhormat. Saya teruskan.

Perindustrian dan Pelaburan. YB. Dato' Speaker, berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Lembaga Pelaburan Malaysia MIDA, Malaysia merupakan lokasi pelaburan terbesar di Malaysia dengan mencatat pelaburan yang besar dengan RM36.1 bilion di antara tahun 2008 dengan 2012. RM18.7 bilion di antara tahun 2003 dengan 2007. Kejayaan menarik pelabur harus dilihat dalam konteks pertumbuhan dalam sektor pembuatan GDP yang rendah iaitu 0.3 sahaja pada penggal pertama tahun ini berbanding dengan 4.4.% pada tahun 2012. Demi memperkasakan

pertumbuhan masa depan, Kerajaan Negeri memperuntukkan 17 ekar tanah di Bayan Baru, Bayan Lepas untuk dijadikan *Hub Business Processing Out Sourcing* iaitu BPO di Pulau Pinang yang akan menawarkan sekurang-kurangnya 1.7 juta kaki persegi ruang pejabat dalam tempoh tiga hingga lima tahun ini. Ini merupakan projek terbesar di Pulau Pinang. Pada Tahun 2013 juga Perbadanan Pembangunan PDC telah berjaya menjual tanah sebanyak 105.83 ekar Tanah Perindustrian Batu Kawan kepada 50 buah syarikat dengan nilai jualan sebanyak RM876 juta yang turun menjana 3,748 peluang pekerjaan. Sebahagian besar pelaburan ini tertumpu di Taman Perindustrian Batu Kawan *SME Village*, Batu Kawan *Jasa Park*, *Penang Science Park*. Daripada 50 buah syarikat melabur, 46 buah syarikat merupakan syarikat tempatan.

Saya tertarik dengan cadangan Kebun Bunga supaya Kerajaan Negeri membangunkan industri alternatif seperti kesenian dan perfileman. Saya menyokong inisiatif ini dan akan membawa dalam perbincangan Jawatankuasa MMK Industri dan Perdagangan Antarabangsa bagi mempopularkan potensi dan industri perfileman. Saya juga menyambut baik cadangan baik ADUN Pulau Betong supaya Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kepada *Industry Homestay* di Pulau Pinang dengan memperuntukkan sedikit daripada Bajet 2014 dalam Portfolio Jawatankuasa MMK Industri dan Perdagangan Antarabangsa bagi membangunkan *Industry Homestay* di Pulau Pinang yang saya terajui di bawah Pejabat Daerah masing-masing yang ada *registered homestay* yang kita selalu ambil perhatian ke atasnya. Manakala mengenai cadangan YB. ADUN Batu Uban supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan kepada *homestay* yang sebenarnya bukan di bawah MMK Kerajaan Negeri, ia merupakan hak milik swasta persendirian yang ianya bukan di bawah seliaan Kerajaan Negeri. Jadi ini *homestay* ini di bawah hak milik Kerajaan Negeri maka kita akan urus tadbir dengan sebaiknya.

Untuk makluman Ahli ADUN Telok Bahang mengenai cadangan supaya Kerajaan memikirkan kaedah supaya peluang pekerjaan di sektor perindustrian mencerminkan komposisi kaum di Pulau Pinang. Melalui mesyuarat Jawatankuasa MMK Industri dan Perdagangan Antarabangsa saya sering mengingatkan para *industry players* ...(dengan izin), serta wakil-wakil multinasional akan menawarkan peluang pekerjaan yang saksama kepada semua kaum tidak menjuruskan kepada satu kaum sahaja. Saya ada data yang saya boleh kongsi. Taburan peratus penduduk yang bekerja mengikut industri dan mengikut kumpulan etnik Malaysia tahun 2012. Dalam satu (1) senarai, berbentuk industri sama ada pembuatan, pembinaan dan sebagainya. Jumlah peratusan Melayu 25%, India 23.2%, Cina 18.3, lain-lain warganegara, bukan warganegara 23%.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid bin Haji Saad):

Operator saya rasa, bukan *management*, di peringkat *operator* ke bawah, sebab kalau skop di luar itu banyak.

Timbalan Ketua Menteri I:

Di dalam data mengenai perangkaan pekerja asing mengikut negeri, warganegara dan sektor bagi Januari hingga Oktober 2013. Sektor daripada warganegara Nepal 27,432, Indonesia 25,427, Bangladesh 22,389 dan Myanmar

17,253. Jumlah keseluruhan termasuk lain-lain bangsa 108,304 dan dalam bidang pembuatan *manufacturing* daripada 108 ribu itu dia mempunyai pekerja asing 43,445, perkilangan 17,483, pembinaan 24,330 untuk makluman Dewan.

YB. Dato' Speaker, mengenai isu Jawatankuasa Keusahawanan. Bagi MMK Keusahawanan inisiatif Jawatankuasa telah mengadakan pelbagai program dianjurkan seperti Karnival Usahawan pada 29 dan 30 Jun 2013 di Tapak Tempat Letak Kereta Queensbay Mall. Penyertaan Usahawan Pulau Pinang di Festival Makanan dan Kebudayaan Malaysia pada 6 hingga 8 September di Kuching Sarawak. Penganjuran Karnival Santai Rakyat Usahawan dan Koperasi di setiap daerah dan karnival Usahawan Pulau Pinang yang akan diadakan pada 27 dan 29 Disember di D'Piazza Atrium, Bayan Baru. Selain itu kursus-kursus bagi meningkatkan ilmu pengetahuan kepada usahawan usaha telah pun dianjurkan contohnya kursus CIDB ataupun golongan kad hijau bagi usahawan bagi kepentingan aspek keselamatan dan seterusnya kursus pemasaran laman web bagi membantu usahawan memperluaskan jaringan perniagaan mereka. Ini juga merupakan antara Program Perkaderan Usahawan yang diadakan di kalangan anak-anak muda bagi mendedahkan awal bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti keusahawanan dijalankan. Saya rujuk cadangan daripada YB. Permatang Pasir mengatakan tentang perkaderan ini di kalangan usahawan. Salah satu usaha Kerajaan Negeri bagi penjenamaan semula industri perniagaan kecil sebanyak RM25.08 juta telah pun diperuntukkan oleh MPPP.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan, saya hendak tanya pasal Karnival Usahawan dan Koperasi sebab saya hadir yang terbaru dekat Seberang Jaya tapak pesta, saya hendak tanya sebab saya tengok orang yang datang ke situ bersusah payah datang yang koperasi dan usahawan, tapi pengunjunya bagi saya amat sedikit. Jadi saya hendak tahu apakah ada macam mana promosi yang telah dilakukan oleh Pejabat Daerah dan ada tak data-data mengenai berapa jualan dan pengunjung yang pergi ke Karnival Usahawan dan Koperasi.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Penanti, saya perlu merujuk kepada data tersebut tapi pada waktu itu dua (2) hari program yang juga ada bersama Dato' Seri Anwar Ibrahim pada hari pertama, saya melihat gerai cukup banyak pelbagai, pengunjung mungkin tidak seramai yang kita harapkan kerana dia juga ada serentak dibuat di Queensbay Mall pada ketika itu. Saya teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Penjelasan Pantai Jerejak, saya bersetuju dengan program usahawan yang dibuat oleh Pantai Jerejak bagi setiap daerah dan juga kita minta supaya Pantai Jerejak turut memberi sokongan kepada program yang diusahakan oleh peringkat Pusat di seluruh Negeri Pulau Pinang ini. Tolong beri kerjasama sepertimana yang dibuat oleh pihak Kerajaan sendiri. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Kami akan ambil maklum, terima kasih. Sebagai salah satu usaha Kerajaan Negeri bagi penjenamaan semula aktiviti peniaga kecil sebanyak RM25.08 juta telah diperuntukkan oleh MPPP bagi tujuan tersebut dan Kerajaan Negeri pula memperuntukkan RM2.7 juta kepada MPSP untuk tujuan yang sama. Besarlah harapan Kerajaan Negeri dengan pelaksanaan projek-projek tersebut peniaga-peniaga kecil dapat menikmati peluang ekonomi hasil pembangunan Negeri. Saya juga mengambil kesempatan ini kepada gerai-gerai yang secara kecil-kecilan yang mengambil peluang-peluang mungkin dalam beberapa hari perbincangan kita, bagaimana usaha-usaha ini telah dapat memberikan penyediaan kalau tidak secukupnya tetapi di sana ada tempat-tempat yang mencukupi menyediakan untuk gerai-gerai kecil *uptown* dan sebagainya.

Untuk makluman ADUN Permatang Pasir Kerajaan Negeri sentiasa bersikap proaktif dalam memberi peluang perniagaan kepada para-para graduan yang ingin memulakan perniagaan melalui pinjaman mikro kredit PTSR untuk usahawan-usahawan yang muda. Melalui skim mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat tahun ini sehingga 30 November sebanyak 719 ini untuk setahun, 719 orang peminjam telah dikeluarkan dengan pinjaman sebanyak RM3.062 juta. Sebanyak 83.5% adalah Bumiputera, 7.7 adalah Bangsa Cina, 88 peminjam dari kaum India. Mulai Tahun 2014 Kerajaan Negeri merancang pemberian dana Tabung Usahawan Tani Muda yang telah disebut oleh EXCO Pertanian. RM5,000 kepada bakal-bakal usahawan petani muda melalui skim yang sama mikro kredit. Saya juga menyambut baik saranan ADUN KOMTAR supaya skim mikro kredit dapat diperluaskan kepada belia bagi meningkatkan aktiviti kesenian dan kebudayaan Negeri Pulau Pinang.

Mengenai cadangan ADUN Air Itam supaya Kerajaan Negeri merangka strategi mendekatkan industri perfileman di Pulau Pinang sebagai punca penyelarasan hasil dan promosi pelancongan. Saya berpandangan strategi untuk menubuhkan satu unit khas adalah dialu-alukan. Jawatankuasa MMK Pembangunan Koperasi, sesungguhnya kita berazam untuk mewujudkan dan membangun koperasi JKKK dan kariah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Saya mensasarkan untuk melahirkan lima (5) buah Koperasi JKKK ataupun kariah yang berjaya dan menjadi contoh kepada lain-lain koperasi JKKK atau kariah di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun ini. Sasaran lima (5) buah koperasi tersebut merangkumi semua koperasi berjaya bagi setiap daerah, saya sebut di sini koperasi berasaskan kariah kerana kariah itu adalah tempat berkumpul anak-anak kariah yang mudah untuk mereka menubuhkan koperasi dan telah ada pun beberapa kariah yang telah berjaya seperti Masjid Penanti, Masjid Bertam.

Sehingga kini jumlah koperasi di Pulau Pinang yang berdaftar melalui SKM 622 daripada jumlah tersebut 40 koperasi telah tersenarai di antara 100 koperasi terbaik untuk tahun 2012. Terdapat beberapa yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui bengkel kursus, seminar dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia, (MKM) Maktab Kerjasama Malaysia dan ANGKASA serta bengkel asas untuk membuat contohnya mee kuning, bengkel asas jahitan, manik, labuci, kursus kewangan, kursus wajib dan kursus urutan, kursus penyediaan minit mesyuarat dan lain-lain. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi SKM sehingga 31 Disember,

jumlah modal syer yang dikumpulkan sepanjang tahun 2012 adalah sebanyak RM628 juta dengan jumlah aset RM1.8 juta. Manakala jumlah perolehan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM350 juta.

Saya masuk dalam hal-hal lain, YB. ADUN Tanjung Bunga telah menyebutkan tentang keperluan untuk menyediakan satu tapak *International Use Camp Side* untuk program-program belia. Saya ingin menyokong cadangan ini kerana saya telah pergi ke perasmian salah satu pengakap dibuat di dalam dewan dua (2) tingkat dan mereka telah memohon untuk mengadakan *camp side* yang sebenarnya iaitu di kawasan *out door*. Mengenai isu Pasar Kemboja Permatang Tok Maahad saya sentuh di sini. Saya menyokong ADUN YB. Sungai Acheh supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu pasar Kemboja ini yang mengganggu lalu lintas dengan bekerjasama dengan mencari tempat yang lebih sesuai untuk para peniaga ini berniaga agar kebajikan mereka juga dijaga dan terbela tanpa memutuskan sumber pendapatan rezeki peniaga-peniaga kecil telah disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Kota tentang perkara ini.

Merujuk kepada soalan YB. ADUN Machang Bubuk mengenai pelaburan khusus dalam sektor pembuatan yang agak menurun sememangnya kalau dilihat pada tahun 2012 jumlah pelaburan agak menurun, ini disebabkan beberapa faktor kelembapan di sektor elektronik global. Yang kedua, dua (2) sektor utama yang menjadi pemangkin pelaburan di Malaysia iaitu pada tahun 2012 ialah minyak dan gas serta industri automatif. Yang ketiga, adalah jumlah RM2.4 juta tidak termasuk pelaburan RM2.9 bilion yang direkodkan oleh NCIA di Pulau Pinang. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi Persidangan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Pantai Jerejak minta laluan sebelum akhir itu. Ini saya hendak merayu dan minta kerjasama daripada Pantai Jerejak. Merujuk kepada Parlimen Balik Pulau, kita punya banyak gerai-gerai yang dibina oleh masyarakat untuk menampung rezeki mereka, terutama sekali mereka-mereka yang dapat mencari rezeki dari kilang-kilang, mereka ada gerai di depan Majlis Daerah, banyak gerai-gerai yang dibina di tepi jalan. Kalau boleh Pantai Jerejak tolong usahakan supaya dibina gerai-gerai baru contohnya di depan Mahkamah Syariah ada kawasan yang luas, dibina gerai-gerai baru supaya mereka ini boleh berpindah dan berniaga di situ dan diberikan lesen untuk beroperasi daripada membiarkan mereka berniaga secara berselerak. Ini betul-betul dapat menjaga perhubungan masyarakat kita di Daerah Balik Pulau. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan Yang Berhormat, sikit saja, terima kasih dengan apa Yang Berhormat kata tadi mengenai mencadangkan bahawa satu koperasi perfileman ditubuhkan. Saya amat menghargai pandangan dan *proposal* ini. Saya juga kalau boleh dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri *consider* atau mengingatkan atau peluang-peluang, kalau boleh berikan satu (1) pejabat untuk memperkembangkan program-program dan aktiviti-aktiviti perfileman. Satu lagi untuk makluman Dewan yang mulia ini. Pada peringkat ini, sejak semalam sehingga Januari, bulan yang akan datang ini ada enam (6) filem sedang dibuat di Pulau Pinang. Ada enam (6). Satu (1)

dari Hong Kong, dua (2) dari Kuala Lumpur dan (3) dari Pulau Pinang. Satu (1) semalam dibuat atau *shooting* di Fettes Park dan satu lagi bulan Januari akan digalakkan atau *the film to be show* atau ditayangkan di Pulau Pinang, Januari. Tiga (3) lagi sedang dibuat *screen play* dan skrip untuk dibuat menjadi filem dan ketiga-tiga filem ini besangkut cerita berkenaan dengan Pulau Pinang. Tiga-tiga ini.

Jadi ada enam (6) filem dalam dua bulan ini sedang dibuat untuk makluman pada dalam Dewan yang mulia ini. Jadi maksud saya adalah *pleasing* ...(dengan izin), ataupun adalah penting jikalau Pulau Pinang kita ini boleh mengambil peluang ini untuk wujudkan lebih aktiviti demi kesenian dan juga demi *vocational course* ataupun *training*, latihan sebagai sebuah industri alternatif atau industri baru di Pulau Pinang dan untuk makluman pada Dewan yang mulia itu juga kiraan atau akaun untuk enam (6) filem itu dilaburkan lebih daripada RM12 juta lebih kurang dan sebahagian pelabur pembuat filem itu sedang mencari pelabur, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat berminat boleh yang melabur juga kemungkinan ada peluang untuk menjadi aktor atau pelakon-pelakon, ini terpulang kepada sesiapa, melabur lebih banyak biar ada *priority*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Auyoob Hussain Shah):

Watak hero ada, watak hero....(ketawa).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Pandangan saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendek kata.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Pendek kata industri perfileman ini, selain daripada memperkenalkan Pulau Pinang, salah satu (1) filem itu, yang tiga (3) itu berkaitan dengan Pulau Pinang termasuk tempat pelancongan dan satu (1) lagi cerita benar yang ceritanya di Bukit Mertajam mengenai pemuda-pemuda dan satu (1) lagi, jikalau diberi permit dan peluang daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan buat di Padang Polo. Saya tak nak panjang lebar, pendek kata saya minta sokongan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fook):

Minta laluan, tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Siapa nak bagi Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang ternampak dulu saya. Mana mungkin nampak sana, ada dua (2) Yang Berhormat susah nak pilih. Saya satu (1).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooki):

Mengenai hujah dari Kebun Bunga *actually* di Pulau Pinang pada tahun 50-an Pulau Pinang ialah satu (1) *centre of film* waktu itu P. Ramlee di sini *Run-Run Show start his first go basket and then the favorite at Choa Town Lane, now is New World Park, so I think this industrial film*, ini industri perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri, saya memang 100% sokong dari KADUN Kebun Bunga. Ini satu pencarian yang baru untuk Negeri Pulau Pinang dalam *entertainment industry*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Arifin):

Mohon laluan, saya ada dua (2) soalan, kelmarin semasa perbahasan saya, saya ada menyebut dari puratanya sepuluh (10) peniaga saja setahun di KADUN SPT yang mendapat dapat Mikro Kredit PTSR. Jadi dalam perbahasan saya memohon tambahan dalam jumlah PTSR kepada anak muda dan juga kepada wanita terutamanya, sebab mulai dari 2014 Briget Wanita yang seramai 1,700 orang akan bergerak dan salah satu (1) fungsi atau aktiviti utama daripada tiga (3) aktiviti itu, salah satunya adalah mengajak wanita-wanita bagi membantu wanita akan Mikro Kredit PTSR. Jadi jika dari data kementerian yang peniaga yang berjaya mendapat PTSR ataupun Mikro Kredit di SPT hanya 362 peniaga dalam masa lima (5) tahun dan cara puratanya hanya sepuluh (10) peniaga setahun untuk setiap KADUN. Jadi saya hendak memohon jika YB. Pantai Jerejak boleh membuat analisis kenapa terlampau sedikit peniaga yang mendapat setahun, macam sepuluh (10) peniaga setahun bagi setiap KADUN, dan juga adakah disebabkan oleh tidak cukup pegawai, tidak cukup peruntukan kenapa? Sebab saya melihat 845 permohonan telah ditolak, itulah saya hendak tanya, macam tadi saya sebut salah satu (1) *reason* kenapa ditolak adalah tidak ada tapak perniagaan yang sah. Seperti yang kita dapat maklum dari YB. Padang Kota dan jawapan bertulis daripada MPSP memang tidak ada gerai yang dibina sejak tahun 2008. Jadi saya mohon kalau boleh memikirkan bagaimana untuk menyokong peniaga-peniaga dalam keadaan kita tidak mampu untuk membina lebih banyak gerai. Maknanya mereka ini tidak boleh berniaga dalam tapak yang sah, tetapi bagaimana kita hendak menyokong dalam keadaan ekonomi yang hanya akan pulih selepas 27 tahun, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Pendek kata dan pendek sahaja. Mungkin tidak berkait dengan porfolio Pantai Jerejak, saya sudah timbul pada hari itu semasa Pantai Jerejak melawat rumah terbakar di dalam bulan puasa betulkan, tadi tidak cakap lagi....(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri I:

Tertinggal.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Nasib baik saya peringat, kita ini manusia kena ingat mengingati tuntutan agama kita, betulkan Pantai Jerejak, nak mintalah sebab nanti saya balik, saya hendak cerita, mereka dok tunggu saya, saya hendak beritahu adakah tidak ada, saya sampai-sampai saya hendak kata YB. Pantai Jerejak dah lulus, boleh mengaku, baru hendak cakap lagi, terima kasih, silakan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Pantai Jerejak.

Timbalan Ketua Menteri I:

Kepada YB. Pulau Betong berkenaan untuk penyediaan tapak-tapak, mungkin di tempat yang mereka minati seperti di tepi jalan dan sebagainya, sebenarnya saya ada menyediakan data juga untuk makluman Dewan yang mulia ini, tentang laporan pemberhentian pekerja di Negeri Pulau Pinang setiap tiga (3) tahun ini berkait dengan mereka yang berhenti daripada kerja ini, ke mana mereka hendak pergi. Tahun 2010 satu pemberhentian, satu VSS ini *voluntary separation scheme* dia ada *scheme* dia 1,181, dia tidak banyak sangat, tahun 2011 ada 1,047 dan tahun 2012 2,582 walaupun nampak meningkat tetapi semua urusan mereka bila diberhentikan, sebenarnya ada industri lain yang boleh mengambil mereka dan juga mengikut syarat-syarat labour dan juga pampasan yang baik. Jadi saya tidak juga menafikan bahawa mereka ini sebenarnya yang keluar berniaga dan sebagainya yang sebahagiannya, jadi cadangan yang hendak mengadakan itu menggunakan saluran yang betul sama ada, kalau kita lihat keadaan tanah dan di mana mereka yang buat, proses untuk kita berbincang, kita harus buka dan bincang perkara tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sedikit lagi YB. Pantai Jerejak, kami boleh membuat surat kepada Kerajaan Negeri mencadangkan tapak-tapak di mana, tolong beri kelulusan sahaja. Kami akan ikhtiarkan peruntukan mendapatkan untuk membina gerai, tugas Kerajaan Negeri tolong beri kelulusan tapak-tapak itu, sebab kebanyakan tapak-tapak itu adalah milik di bawah LPN Negeri, bagi kelulusan kami akan buat dan tentukan boleh mendirikan bangunan dan membolehkan peniaga kita berniaga di sana, tetapi bangunan itu hendaklah ditadbir oleh Pejabat Daerah bersama dengan kami dan bukannya oleh Penyelaras ADUN dan sebagainya, kami sedia membantu menyelesaikan masalah penggerai-penggerai yang tidak berlesen di Balik Pulau.

Timbalan Ketua Menteri I:

Kita akan rujuk kepada *Land Committee* tentang perkara itu. Pada YB. Berapit dan YB. Tanjung Bunga saya alu-alukan tentang cadangan industri tersebut dan kepada YB. Penanti sebenarnya Mikro Kredit yang telah diusahakan beberapa tahun yang lepas sebenarnya Mikro Kredit yang telah diusahakan beberapa tahun yang lepas memang menunjukkan perkembangan yang cukup baik dan cukup bagus, cuma dalam data tersebut, mungkin data dari Barat Daya di sebelah pulau nampak lebih

ramai sedikit daripada Seberang Perai Selatan (SPS) dan juga Seberang Perai Utara (SPU). Ia berdasarkan kepada daerah bukannya daripada KADUN tetapi staf dalam PTSR dan PDC sebenarnya mencukupi yang mereka ditugaskan, mungkin promosi perlu diperbaiki lagi dan memberikan ruang-ruang di Daerah Seberang Perai. Jawapan kepada Sungai Aceh saya telah mendapat maklumat daripada Pejabat Daerah memaklumkan kepada saya hanya beberapa jam selepas soalan tersebut dibangkitkan, sebenarnya tabung T.Y.T. telah diberikan kepada, saya difahamkan di sini dia ada penyewa dan dia ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tabung T.Y.T. kah, Pejabat Kebajikan bagikah, saya tidak pertikaikan itu, semua itu saya tahu. Yang saya bawa itu, Timbalan Ketua Menteri 1 pergi malam itu berjanji hendak mengganti rumah. Jangan cerita, saya jadi masalah YB. Dato' Speaker. YB. Dato' Speaker kena simpati dekat saya. Saya cakap di sini depa kawan-kawan di Pejabat Kebajikan Masyarakat marah kepada saya, kenapa saya pertikai soal kebajikan. Saya ada hubungan baik dengan mereka. Maksudnya seolah-olah macam Pejabat Kebajikan Masyarakat tidak memberi sumbangan peruntukan itu. Tabung T.Y.T. Pegawai Daerah yang jaga, saya tahu yang itu. Saya cuma timbul pasal mereka kata YB. Timbalan Ketua Menteri 1 pergi malam itu berjanji hendak bagi rumah. Hak yang bagi duit berapa persen kena bayar itu tidak perlu cerita. Semuanya saya faham dan tahu. Yang saya nak tahu mengenai janji ganti rumah, yang saya tanya rumah. Mereka faham berasas pada rumah yang terbakar di Batas Pinang telah diganti rumah. Itu mungkin dari UPENkah saya tidak tahu. Batas Pinang rumah terbakar, Kerajaan Negeri ganti rumah. Esok bila mereka tanya saya, tentang janji YB. Timbalan Ketua Menteri 1, saya bagi *confident* kepada mereka dengan perkataan memang boleh sebab YB. Timbalan Ketua Menteri 1 ada kuasa. Apatah lagi beliau melawat pula pada waktu malam bulan Puasa, pahala banyak tu boleh melawat pada waktu malam bulan Puasa. Dari Tabung T.Y.T. berapa banyak dapat pun tidak payah beritahu saya. Nampaknya sekarang ini seolah-olah saya pertikai Pejabat Kebajikan Masyarakat. Seolah-olah Pejabat Kebajikan tidak beri dan Pegawai Daerah tidak bagi di bawah Tabung T.Y.T. Saya memang ada hubungan baik dengan mereka, iaitu Pejabat Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah. Saya ulangi sekali lagi sebenarnya saya hanya bertanya untuk ganti rumah sahaja. Pendek kata cerita pasal rumah. Jangan cerita pasal lain. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya kena rujuk semula tentang apa yang ditanya, terima kasih. Saya akan akhiri, YB. Dato' Speaker, dengan penyampaian ini saya menyokong tentang belanjawan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana turut mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan Bajet Kerajaan Negeri Tahun 2014, iaitu Bajet Negeri yang pertama dibentangkan selepas Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Sesungguhnya sesi perbahasan ini memberi nilainya yang tersendiri kerana kita tidak dipilih berbahas semata-mata tetapi kita memilih untuk bermuafakat lagi menjunjung amalan demokrasi negara yang dipegang sejak lebih lima (5) dekad. Jika diamati sepanjang sesi perbahasan yang lalu terdapat banyak perkara yang telah dikemukakan oleh semua Ahli Yang Berhormat sama ada ia berbentuk soalan, cadangan, sokongan, malah tidak kurang yang berbentuk teguran, nasihat dan juga tuduhan-tuduhan melulu yang tidak berasas. Walau apapun rupa dan ragam respons yang diberikan Kerajaan Negeri akan sentiasa melapang dada untuk menilai setiap soalan dan mengambil tindakan serta memberi perhatian yang serius akan segala cadangan yang sesuai demi memastikan kesinambungan pembangunan dapat agihan ekonominya yang saksama bagi mencapai matlamat menjadi Negeri maju bertaraf antarabangsa dan pintar.

Saya ingin merujuk kerana masa singkat, satu (1) isu yang dibawa oleh ADUN Pulau Betong berkaitan kesan projek di *Brutalization KOMTAR Building* atau memulihkan bangunan KOMTAR yang bernilai RM40 juta ke atas kestabilan bangunan KOMTAR kerana telah disebut tentang kestabilan ataupun sama ada selamatnya struktur KOMTAR kerana kononnya bahawa apabila beliau pergi melawat ada keadaan yang tidak sama rata sehingga menyebabkan troli boleh bergerak dengan sendirinya. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kerja-kerja tender bagi penaiktarafan di KOMTAR adalah tidak meliputi projek di bawah kerja pemulihan seperti yang dinyatakan kerana senarai itu adalah khusus untuk kerja-kerja kontrak sahaja.

Kenyataan bagi projek RFP ini adalah dijemput sahaja secara tender terbuka melalui kaedah tersebut yang dipilih untuk projek ini adalah kumpulan *Only Word Group (OWG)* yang telah memberikan tawaran yang paling baik sekali. Di sini saya rasa tentang struktur di dalam penyediaan reka bentuk oleh OWG bagi projek ini, OWG telah melantik *Arup Engineering* sebagai Pakar Konsultan Sivil dan Struktur dan OWG akan memastikan *Arup Engineering* sebagai Pakar Perunding Jurutera untuk menganalisa ketahanan struktur yang sedia ada di kawasan yang terlibat dengan pembangunan projek bagi menampung bebanan dari cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan nanti termasuk sekiranya terdapat pertambahan ruang lantai, ini juga turut merangkumi kajian aspek kestabilan bangunan.

Untuk fasa pertama pelaksanaan projek yang melibatkan pembangunan Dewan *Banquet* analisa dari segi ketahanan struktur sememangnya dilaksanakan oleh konsultan tersebut dan perunding berkenaan telah memaklumkan bahawa tiada isu dari segi integriti struktur sedia ada, manakala untuk fasa kedua yang turut melibatkan pembinaan *observation lift* dalam bahasa pasar *external bubble lift* di permukaan luar blok menara dan juga *out door dining* ataupun tempat ruang jamuan secara terbuka di aras 64 dan 65 kajian oleh *Arup Engineering* juga turut mengambil kira faktor angin yang amat penting untuk pembangunan yang melibatkan struktur bangunan tinggi

seperti KOMTAR kerana Kerajaan Negeri memang tidak mahu tragedi Menara UMNO juga berulang untuk Menara KOMTAR. Selain itu pelaksanaan kesemua komponen dari projek ini semestinya akan melalui proses kelulusan jabatan atau Pihak Berkuasa yang berkaitan. Dalam pada itu PDC juga telah melantik Kumpulan IKRAM untuk melaksanakan Audit Integriti struktur bagi keseluruhan bangunan KOMTAR. Kajian kini sedang berjalan dan dijangka siap pada bulan Februari 2014. Akan tetapi Kumpulan IKRAM telah diminta untuk memberikan keutamaan kepada kawasan yang terlibat dengan projek OWG terlebih dahulu supaya kita akan dapat pandangan kedua, *second opinion*. Berdasarkan penemuan audit tersebut, maka Kumpulan IKRAM akan mencadangkan kepada PDC akan ujian dan kaedah penyelesaian serta pembaikan struktur untuk diambil tindakan selanjutnya oleh PDC. Dengan yang demikian ingin ditegaskan pelaksanaan projek OWG ini adalah melalui pemeriksaan oleh perunding-perunding profesional yang berpengalaman yang memberi reputasi yang baik. Dengan itu kesemua *input* oleh Perunding Arup dan penemuan oleh Kumpulan IKRAM semestinya dimasukkan ke dalam pertimbangan bagi projek OWG ini dan memastikan pelaksanaannya telah mengambil kira segala isu berkaitan kestabilan dan kekukuhan bangunan KOMTAR.

Berkenaan isu keretakan lantai di Aras 22, Pejabat Tanah dan Galian. PDC juga sememangnya menyedari masalah ini ianya juga merupakan sebahagian daripada kajian audit integriti struktur yang sedang dijalankan oleh Kumpulan IKRAM. Di dalam hal ini Kumpulan IKRAM juga telah mengenal pasti masalah *over loading document-document* milik Pejabat PTG sebagai punca keretakan. Keretakan tersebut adalah bersifat *localize* dan tidak melibatkan integriti utama struktur. Bagi mengurangkan masalah *over loading* berkenaan, PTG telah mula memindahkan sebahagian daripada dokumen-dokumen daripada aras mengalami isu keretakan lantai tersebut ke aras tiga (3) yang turut menempatkan ruang pejabat PTG. Memang ini saya rasa bukanlah satu perkara baru, ini telah berlarutan dengan satu tempoh yang panjang bukan baru sekarang saja. Oleh itu saya rasa pemindahan ini akan mengurangkan *localize* keretakan ini, tapi maklumat yang saya terima iaitu tak melibatkan struktur keseluruhannya, tapi hanya lantai di kawasan tersebut kerana kita pun seperti Yang Berhormat pun tahu bahawa KOMTAR telah dirancang atau di *design* untuk menampung gempa bumi sampai 7.0. So saya rasa ini adalah sesuatu yang kukuh. Tapi memang kita mesti menangani masalah ini dan PTG telah pun memulakan langkah-langkah untuk memindahkan dokumen tersebut.

Berbalik kepada kedudukan kewangan Kerajaan, Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang telah membangkitkan mengenai Laporan Audit yang menyatakan bahawa terdapat penurunan baki Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri disebabkan pelarasan akaun hasil disatukan untuk bayaran pengambilan balik tanah dan lain-lain bayaran. Dalam hal ini YB. Pulau Betong memohon penjelasan lanjut berkaitan tanah yang dimaksudkan dan tujuan pengambilan tanah ini dibuat. Bagi menjelaskan perkara ini ingin dimaklumkan bahawa Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri telah mengakaunkan terimaan antara lain untuk tiga (3) perkara atau projek khusus seperti berikut:

- 1) Tuntutan kes mahkamah Tan Hak Ju dengan Kerajaan Negeri;
- 2) Projek Pembinaan Bangunan Majlis Belia Negeri;

- 3) Sumbangan 20% daripada Kos Pengecatan Dua Blok Flat Kampung Melayu. Bagi kes mahkamah Tan Hak Ju dengan Kerajaan Negeri, baki sebanyak RM24.98 juta yang diperuntukkan untuk bayaran kehakiman kes tidak perlu direzabkan lagi selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan Malaysia.

Manakala bagi projek pembinaan Bangunan Majlis Belia Negeri pula telah lama siap dan penutupan akaun juga telah pun dibuat oleh JKR. Peruntukan projek ini masih berbaki sebanyak RM55,647.00. Untuk projek pengecatan dua blok flat Kampung Melayu di kawasan ADUN Air Itam pula dilaksanakan di bawah penyediaan skim 80% Kerajaan Negeri dan 20% sumbangan penduduk. Sumbangan 20% sejumlah RM80,000 diterima bagi projek pengecatan terlibat telah diselaraskan ke Akaun Hasil Negeri. Projek pengecatan ini telah pun siap dengan dipertanggungjawabkan kos projek kepada peruntukan di bawah Maksud Pembangunan P.01 Butiran 11 Projek Perumahan Murah. Oleh demikian dengan mengambil kira ketiga-tiga projek tersebut telah pun selesai. Maka bagi terkumpul berjumlah RM25,115,647.00 telah dipindahkan ke Akaun Hasil Negeri disatukan.

Dalam penyediaan Anggaran Hasil Negeri bagi tahun 2012 telah pun mengambil kira pindahan peruntukan daripada Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri khususnya daripada baki peruntukan projek-projek yang dijangka selesai dalam tahun 2012. Dianggarkan sejumlah RM25 juta terlibat di bawah kod 81201. Terima lebihan Kumpulan Wang Amanah sebagai Hasil Negeri. Justeru pelarasan yang dibuat daripada Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri adalah bagi tiga projek yang diperincikan seperti yang saya sebut tadi. Ianya melibatkan kes Tan Hak Ju dan bukanlah pengambilan tanah.

Mengenai terdapat penurunan kepada baki Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta disebabkan pemindahan sejumlah RM5.0 juta ke dalam Akaun Hasil. Dipersoalkan mengapa wang Akaun Amanah Tapak Pesta tidak digunakan dan mengapa dipindahkan kepada Akaun Hasil? Saya ingin menjelaskan bahawa Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta diwujudkan bagi memperakakan hasil sewaan Tapak Pesta dan penganjuran Pesta Pulau Pinang setiap tahun. Semasa dibuat penyelarasan baucer jurnal untuk memindahkan RM5.0 juta daripada Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta ke Akaun Hasil Negeri iaitu pada 29 November 2012 Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta berbaki RM9.1 juta. Lebihan dalam Akaun Amanah tersebut ialah RM4.1 juta setelah pelarasan jurnal dibuat adalah mencukupi untuk membiayai penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2012 yang telah diadakan pada 1 Disember hingga 31 Disember 2012.

Pada tahun 2012 sebanyak 11 projek untuk memperbaiki dan menaik taraf kemudahan di tapak Pesta Sungai Nibong telah dilaksanakan dengan perbelanjaan berjumlah RM552,226.50. Manakala pada tahun semasa 2013 sebanyak 29 projek untuk memperbaiki dan menaik taraf kemudahan di tapak Pesta Sungai Nibong telah dilaksanakan dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM1,970,232.00 dan ini adalah semua di bawah kawal seliaan YB. Dato' Kewangan Negeri yang telah menambah pulangan kepada Pesta Pulau Pinang setiap tahun. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri atas usaha yang dijalankan oleh beliau.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya ingin tahu Y.A.B. Air Putih, sedikit saja. Adakah pelarasan ini dibuat setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Pelarasan apa dibuat setiap tahun?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu tadi yang dipindahkan itu adakah dibuat setiap tahun? Mengenai akaun itu adakah dibuat setiap tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa kalau kita lihat tentulah dari segi perbelanjaan yang diperlukan dan ia mestilah terletak, tertakluk di bawah Atur Cara Kewangan. Saya rasa perkara ini YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri lebih arif. Apakah keperluannya? Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih yang saya utarakan adalah kenapa dipindahkan padahal kita boleh menggunakan duit itu untuk membaiki prasarana dan juga bangunan di tapak pesta itu yang dinaiktarafkan. Tujuan saya mengapa dipindahkan kenapa tidak digunakan. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih. Saya rasa memang kita pun nak menaiktarafkan. Seperti yang saya sebut pun telah dibelanjakan. Tapi macam mana ia diselaraskan itu adalah tertakluk kepada Atur Cara Kewangan. Kalau saya nak jelaskan ini panjang, ini sekarang bukanlah kuliah kewangan. Satu perkara sebelum kita habis dengan keizinan hanya dua (2) minit sahaja iaitu berkaitan dengan kononnya ada 66 projek yang ditangguh yang dijadikan isu. Saya nak jelaskan 66 projek yang ditangguhkan pelaksanaannya adalah hanya 1.8% daripada semua projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu saya rasa ia adalah satu prestasi yang baik. Sebenarnya 1.8% projek yang ditangguh, 66 projek inilah, tapi hanya merupakan satu 1.8%. Sebenarnya 1.8% ini boleh dikurangkan tapi kerana sebagai contoh ada beberapa projek yang sudah dan tidak berbangkit lagi. Di antaranya adalah seperti berikut:

66 projek yang ditangguhkan terdapat 7 projek telah pun siap;

16 projek sedang dalam pelaksanaan, 4 projek dibatalkan; dan

2 projek ditangguhkan serta 37 projek token yang berharga RM10.

Ini macam Dewan, saya rasa Yang Berhormat memang arif tapi di sini kita memang akan selaraskan dan saya telah minta YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, kalau yang lain-lain terlalu besar macam Dewan Undangan Negeri yang baru itu tak dapat berjalan kita kena keluarkan dan potong. Ini saya rasa kita tentu ambil maklum dan saya percaya tahun depan ini akan dapat dikurangkan. Terima kasih. Saya akan sambung esok.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada 13 Disember, Jumaat jam 9.30 pagi

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.